

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS

PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

bersamaan

3 DAN 4 RAMADAN 1427

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 26 SEPTEMBER, 2006

**HARI SELASA,
26 SEPTEMBER 2006**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 1]
2. Soalan-Soalan Lisan. [Muka 5]
3. Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. [Muka 5]
4. Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan [Muka 7]
5. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - (i) Soalan-Soalan Bertulis. [Muka 9]
 - (ii) Soalan-soalan Lisan. [Muka 10]
6. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:
 - (i) Anggaran Pembangunan (Tambahan Bil.1) 2006. [Muka 42]

[Bersambung]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DSMZ.,DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, SMT.,PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Dato' Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, DPMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Haji Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,KMN.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad, AMT.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT ,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah, AMZ.
WAKIL SURAB

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Rami bin Haji Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT.,AMZ.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Di Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan para hadirin sekalian.

Marilah sama-sama kita memanjat kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan 'Selamat Berpuasa dan Selamat Menyambut Bulan Ramadan' semoga segala usaha kita dan amalan kita mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Persidangan kali ini merupakan Mesyuarat Yang Kedua Bagi Penggal Persidangan Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri yang Kesebelas. Dewan akan bersidang selama dua hari iaitu pada 26 dan 27 September 2006. Memandangkan Persidangan Dewan kali ini diadakan pada bulan Ramadan, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan ini pada hari ini sehingga selesai Tertib Pekerjaan Dewan iaitu "Usul Yang Telah Diberi Notis" dan Tertib Pekerjaan seterusnya akan diselesaikan pada keesokan hari iaitu pada 27 September 2006.

Bagi Soalan-soalan Lisan berdasarkan persidangan-persidangan yang lepas, ramai Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan tidak dapat mengemukakan soalnya dalam Persidangan Dewan oleh kerana tempoh masa yang ditetapkan selama 1 jam selesai. Bagi persidangan kali ini, untuk membolehkan lebih ramai atau semua Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalannya, saya akan memanggil Yang Berhormat secara pusingan. Pusingan pertama setiap Yang Berhormat hendaklah mengemukakan soalan 1 sahaja ataupun satu soalan sahaja. Selepas semua soalan pertama selesai iaitu bagi pusingan pertama, pusingan kedua akan bermula dan seterusnya ke pusingan ketiga sehingga selesai masa Soalan Lisan 1 jam.

Fasal 27(3) dan Fasal 27(4) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri hendaklah dipatuhi semasa mengemukakan Soalan-soalan Lisan. Saya juga memohon kerjasama semasa sesi Soalan-Soalan Lisan dan juga Perbahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu Darul Iman tidak diabaikan. Maka adalah diharapkan semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Persidangan Dewan kali ini dapat mencetuskan idea-idea yang boleh membawa kepada kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman. Semoga Persidangan kali ini akan berjalan dengan teratur, bertertib dan harmoni.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1)
2006 Perbelanjaan 2006.
(D.U.N. Bil.7/2006)
2. Peruntukan Tambahan Pertama Anggaran
Tanggungan 2006.
(D.U.N. Bil.8/2006)
3. Penyata Kewangan Tahun 2005
Kumpulan Wang Pembangunan Hutan
Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.9/2006)
4. Penyata Kewangan Tahun 2004
Majlis Daerah Dungun.
(D.U.N. Bil.10/2006)
5. Penyata Kewangan Tahun 2005
Majlis Daerah Dungun.
(D.U.N. Bil.11/2006)
6. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan
Tahun 2004 Lembaga Muzium Negeri
Terengganu.
(D.U.N. Bil.12/2006)
7. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan
Tahun 2003 Perbadanan Perpustakaan Awam
Terengganu.
(D.U.N. Bil.13/2006)

8. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2004 Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

(D.U.N. Bil. 14/2006)

9. Penyata Tahunan Tahun 2005 Sabahanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 15/2006)

10. Penyata Kewangan Tahun 2005 Majlis Daerah Besut.

(D.U.N. Bil. 16/2006)

11. Penyata Kewangan Tahun 2005 Majlis Daerah Marang.

(D.U.N. Bil. 17/2006)

12. Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu Tahun 2005.

(D.U.N. Bil. 18/2006)

13. Penyata Kewangan Tahun 2004 Yayasan Islam Terengganu.

(D.U.N. Bil. 19/2006)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

[Lampiran A]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali
(Wakil Kemasik)
2. Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
(Wakil Hulu Besut)
3. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Wakil Rhu Rendang)
4. Y.B. Haji Ramlan bin Ali
(Wakil Jabi)
5. Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
(Wakil Sura)
6. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)
7. Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong
(Wakil Batu Burok)
8. Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Ismail
(Wakil Kuala Berang)
9. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang masuk kepada Soalan-soalan Lisan, sebagaimana yang saya nyatakan tadi setiap Yang Berhormat bagi pusingan yang pertama dibenarkan mengemukakan soalan pertama sahaja. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan jumlah kutipan hasil (pelbagai cukai) Majlis Perbandaran Kemaman bagi tahun 2005 mengikut pecahan Dewan Undangan Negeri di Parlimen Kemaman?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Di Pertua, jumlah Kutipan Hasil Pelbagai Cukai Majlis Perbandaran Kemaman Bagi Tahun 2005 mengikut pecahan Dewan Undangan Negeri adalah seperti berikut:

<u>DUN</u>	<u>JUMLAH KUTIPAN</u> <u>2005 (RM)</u>
Cukai →	1,290,890.76
Air Putih →	55,638.70
Kijal →	5,486,386.45
Kemasik →	22,815,039.25

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada lebih kurang RM29 juta Kutipan Hasil Pelbagai Cukai Majlis Perbandaran Kemaman, RM22.8 juta datangnya daripada DUN Kemasik, saya ingin tahu berapakah nilai projek yang dilaksanakan di DUN Kemasik daripada hasil yang diterima?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, bagi tahun 2005 bagi DUN Kemasik sebanyak RM3,576,727.65 telah dibelanjakan bagi DUN Kemasik dan ianya melibatkan 14 buah projek yang telah dilaksanakan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berapakah peratus perbelanjaan yang dibuat di DUN Kemasik daripada peruntukan yang sebenarnya?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, dari segi peratusnya, saya memerlukan notis untuk dibuat semakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Sila nyatakan bilangan penerima dan jumlah bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat sekarang berbanding tahun 2003?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Wakil Langkap ingin mengetahui bilangan dan juga jumlah bantuan bulanan.

Jawapannya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bilangan penerima Bantuan Am dan penerima Bantuan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat sekarang berbanding tahun 2003 adalah seperti berikut; iaitu pada tahun 2003, jumlah kes yang terlibat ialah 12,571 orang dan jumlah duit yang dibelanjakan ialah RM15,821,785.00. Berbanding tahun sehingga Ogos 2006 jumlah kes ialah 13,974, itu ada peningkatan dan jumlah wangnya ada RM11,630,710.00. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan, penjelasan, saya tak dengar tadi, angka tadi tahun 2006 ni berapa angka dia dan jumlah dia, saya tak sempat dengar barangkali suara kurang jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tahun 2003 12,571 kes, jumlah duit RM15,821,785.00. Jelas? Yang kedua, tahun 2006 (sehingga Ogos), 13,974 kes dan jumlah bantuan ialah RM11,630,710.00.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berdasarkan pertambahan bilangan kes ini, adakah keadaan ini menunjukkan rakyat Terengganu semakin miskin ataupun menunjukkan keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu semakin meningkat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah, Kerajaan Negeri Terengganu semakin meningkat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri setelah 2 tahun kita memerintah, yang mana peningkatannya dilihat dari jumlah peruntukan yang diberikan. Tahun 2005, RM19.1 juta dibelanjakan manakala bagi tahun 2006 dijangkakan RM20.4 juta. Ini menunjukkan keprihatinan, kesungguhan pihak kerajaan untuk memastikan tidak ada lagi golongan-golongan yang miskin, golongan-golongan yang daif yang berada di Negeri Terengganu ini. Kenaikan ini ditambah pula dengan pendefinasian semula miskin dan miskin tegar di bawah RMK-9 iaitu kalau dulu kadar lama, miskin tegar ialah mereka yang berpendapatan RM57.00 sebulan perkapita, hari ini dinaikkan menjadi RM94.00 sebulan perkapita, itu miskin tegar. Kemudian dari segi pendapatan bulanan pula, kalau dulu mereka yang miskin tegar RM264.00 dikatakan miskin tegar tapi hari ini miskin tegar pendapatan sebulan dinaikkan daripada RM264.00 menjadi RM469.00. Jadi peningkatan-peningkatan ini juga menyebabkan bertambahnya golongan-golongan yang dikategorikan miskin. Walaupun begitu, kerajaan prihatin untuk memastikan golongan miskin ini tidak terbiar dengan memberi bantuan-bantuan dan alhamdulillah, kita telah menjalankan satu program iaitu 'Program Cakna Dan Sayang' yang diketuai oleh golongan profesional muda untuk membantu orang-orang yang kurang bernasib baik di Negeri Terengganu ini. Dan, apa yang kita harapkan kita anggar kehadiran mereka semasa pelancaran ini 200 orang tapi mereka yang datang bersama dengan kita lebih daripada 200 orang, ini suatu peningkatan yang baik menunjukkan bahawa ada juga golongan-golongan yang lebih bernasib baik, bercadang dan berhajat untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik di Negeri Terengganu ini. Alhamdulillah, terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tumpang satu

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan lagi

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Adakah kerajaan mempunyai angka orang-orang miskin yang telah terlepas dari belunggu kemiskinan dalam tempoh yang berkenaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, kita sedang membuat pemutihan dan soalan ini saya rasa saya perlukan notis untuk melihat sebab dia miskin, ada miskin relatif, miskin tegar dan miskin biasa. Miskin relatif ini ialah miskin yang hari ini miskin, besok mereka tak miskin, ini bergantung kepada harga komoditi, contohnya penoreh-penoreh getah, kalau dulunya mereka miskin hari ini oleh kerana harga getah alhamdulillah meningkat, harga sawit jugak meningkat, mereka terkeluar dari miskin tapi bila harga ini jatuh mereka akan masuk miskin balik. Jadi ini ada data yang keluar dan ada data yang masuk. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Saya tak berapa jelas tadi iaitu dari sudut bilangan kes tahun 2003, 12,000 (campur) tetapi mari tahun 2006 13,000, maknanya angka ini bertambah kerajaan sekarang dapat berjaya menambahkan bilangan orang miskin. Yang keduanya, penjelasan jugak 12,500 pada tahun 2003, perbelanjaan/bantuan yang diberi ialah jumlah RM15 juta (campur) tapi yang 2006 ini 13,000 orang yang miskin tapi belanjanya RM11 juta sahaja. Macam mana boleh jadi begitu, bantuan yang dikurang ke ataupun macam mana?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Manir tak berapa faham, kurang faham ataupun buat-buat tak faham. Sebenarnya kita berbelanja untuk membantu bukan macam Pas dulu banyak yang telah diketepikan terutamanya apabila mereka yang memohon ini daripada orang yang tidak separti dengan mereka maka banyak pemotongan-pemotongan dilakukan. Jadi peningkatan ini

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bercakap tu boleh tapi ada bukti tak?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tak habis lagi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak penjelasan, penjelasan. Ada buktikah itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lepas ini kita beri peluang, kita akan beri peluang, sabar, bulan puasa ini kena banyak bersabar. Lantaran itu Dato' Yang Dipertua, kita mengadakan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tanya sikit saja. Orang ramai belanja sikit itu kenapa, Dato' Yang Dipertua, yang dulu 12,000 belanjanya RM15 juta, ini 13,000 belanja RM11 juta, pendek saja yang saya nak tahu, mungkin saya tak faham ke yang saya tanya ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tadi tanya 2 soalan. Saya menjawab soalan yang pertama dulu, soalan yang kedua ini saya akan jawab untuk soalan yang kedua pulak. Soalan pertama tadi, sebab apa peningkatan orang berlaku. Jadi saya jawablah soal peningkatan dan pengurangan orang ni. Jadi tanya 2 soalan, saya nak jawab soalan yang pertama, qadar soalan kedua, macam dok biasa duduk dalam Dewan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dah jawab soalan yang pertama dulu, tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Jawablah soalan pertama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini soalan yang pertamalah ni. Sabarlah sikit. Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh kerana apa yang berlaku sebagaimana yang saya katakan tadi, zaman kerajaan dulu dia banyak potong, banyak berlaku pemotongan mungkin kerana masalah kewangan dan sebagainya itu Allahuwa'llam, tapi saya nampak mungkin kerana masalah parti. Tapi kita sekarang kita buka

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mungkin takdok piti guana, belanja banyak daripada kerajaan sekarang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk dulu, dengar jawapan dahulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya jawab

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tanya, pasal apa sikit-banyak. Dia kata kerajaan dulu takdok duit belanja sikit, kita belanja banyak daripada dia, macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti habis jawapan dulu. Jawapan sedang dibuat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Oleh yang demikian, Dato' Yang Dipertua, Wakil Manir ini buat-buat tak faham, 'Kura-kura dalam perahu'. Perbelanjaan RM11 juta ini sehingga Ogos dan jumlah yang berdaftar dengan kita dah ada 13,000, belanja sehingga Ogos 2006 dan dijangka pada tahun ini kita belanja RM20 juta, 2006 dijangkakan kita belanja RM20.4 juta, ke tak faham lagi. Angguk-angguk tanya soalan, angguk-angguk tanya soalan macam 'Pok-ki Angguk'. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang hendak mengurangkan angka ini sesuai dengan penekanan kerajaan sekarang supaya rakyat lebih kepada sifat memberi daripada bersifat menerima?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua, kerajaan sememangnya bercadang untuk mengurangkan jumlah ini tapi bagi mereka yang layak kita terpaksa memberi kerana kita ada golongan-golongan contohnya yang terlantar mereka ini kita terpaksa dibantu untuk meneruskan kehidupan mereka kalau tidak kita akan rasa bersalah kerana tidak bantu golongan-golongan ini. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya katakan tadi kita mengucapkan terima kasih kepada NGO's dan juga profesional muda yang telah mengambil inisiatif mengadakan Program Cakna Dan Sayang yang mana seorang profesional dia menjaga dan memantau satu keluarga. Kita mulakan dengan Daerah Kuala Terengganu dan alhamdulillah, sambutannya cukup menggalakkan dan ini sekurang-kurangnya akan meringankan beban kerajaan dalam mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, kita sering juga mengadakan program-program untuk menyatakan bahawa 'Alyadul-ulya khairun minnalyadisufila' (Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah) untuk pastikan semakin berkurang dan menimbulkan rasa kesedaran bahawa meminta itu adalah satu sikap, satu budaya yang kurang manis di pandang dari segi sudut agama. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Hulu Besut mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Kerajaan Negeri Terengganu telah berjanji akan mendirikan 32 buah masjid setiap tahun. berapa buahkah masjid yang telah disiapkan tahun 2005 dan 2006?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Hulu Besut ingin bertanya berapa buahkah masjid yang telah siap tahun 2005 dan tahun 2006 setelah kerajaan mengisytiharkan akan mendirikan 30 buah masjid setiap tahun.

Dato' Yang Dipertua, untuk makluman yang telah siap 100 peratus masjid yang dirancang pada tahun 2005 ialah sebanyak 8 buah, yang di dalam pembinaan melebihi 70 peratus sebanyak 10 buah dan yang kurang daripada 70 peratus, 10 buah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang suatu masa dulunya telah dianggap sebagai bukan Kerajaan Islam telah mendirikan 8 buah 100 peratus siap dan 20 buah lagi sedang dalam pembinaan. Saya ingin mengemukakan soalan ini dan merupakan soalan yang selalu kita dengar yang berkaitan dengan masalah Sembahyang Jumaat dalam dua masjid satu mukim. Di kawasan saya masih terdapat dua buah masjid yang mengadakan Sembahyang Jumaat dalam satu kampung. Tidak adakah cadangan daripada pihak kerajaan untuk memudahkan cara ataupun melonggarkan syarat memberi pengiktirafan kepada masjid yang mengadakan Sembahyang Jumaat dua masjid satu mukim ini. Saya juga ingin tahu mengapakah perkara ini berlaku dan berlanjutan sehingga ke hari ini?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana berkaitan dengan portfolio saya, saya terpaksa membantu rakan saya untuk menjawab soalan itu. Jawabnya mudah kerana ada golongan oportunist yang mengambil kesempatan menggunakan masjid untuk kepentingan peribadi terutama parti pembangkang. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pengerusi, penjelasan sedikit 'peribadi' makna apa, menggunakan masjid untuk 'peribadi'?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Golongan oportunist yang menggunakan masjid untuk kepentingan parti terutama parti pembangkang. Tidak jelas lagi? Macam Rusila, macam tu-lah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tanya untuk 'peribadi', yang kata untuk 'peribadi' yang macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): 'Peribadi' macam untuk Presiden Pas, macam Masjid Rusila, itu sajalah. Macam Masjid di Jabi, Kubang Lembek, itu saja, tak faham lagi. Ini 'Kura-kura dalam perahu' jugak ni. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kubang Lembek ada masjid ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kubang Lembek, universiti.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Universiti? Universiti apa tu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan. Apakah kerajaan bercadang untuk membina 2 buah masjid baru di setiap DUN mulai tahun 2007?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, dasar yang kita buat tahun 2005 untuk mengadakan sebuah masjid setiap DUN tahun 2005, tahun 2006 ialah kerana kita nak qadar yang 5 tahun masjid tidak dibuat sebab itulah kita buat secepat mungkin. Tetapi sebenarnya keperluan masjid adalah mengikut *demand* di setiap kampung itu tak semestinya kita kena buat setiap DUN dan sebagainya. Ini merupakan keperluan semasa di setiap kawasan itu untuk kita bina jadi selepas ini kita akan melihat keperluan di setiap kawasan, kadang-kadang ada DUN yang memerlukan lebih daripada satu dan ada kadang-kadang yang tidak memerlukan masjid langsung. Jadi selepas ini kita akan memerhati dengan lebih terperinci lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Berapa ratus orang ataupun berapa ribu orang, orang Umno qadar Sembahyang Jumaat selepas Pas kalah?

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita jawab soalan daripada Wakil Batu Burok dulu. Terima kasih, Wakil Paka.

Isu Umno qadar tak timbul, sekarang ini isu orang Pas tinggal masjid pulak. Ada yang tak sembahyang dan ada yang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jangan lari isu

YANG BERHORMAT HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak masalah sekarang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak, jangan lari daripada isu, saya tak tanya soal itu. Ini saya tanya hak qadar saya kata tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebab apa qadar dengan pembinaannya, apa kaitan pembinaan masjid dengan qadar? Takdok hukum, ke ada fatwa mengatakan kena qadar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Biar Exco jawab, sebab apa kita yang Hadhari mengada do'oh lalunya biar dia jawab sendiri dialah kalau tidak dia reti nak jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dah bakpe takut ke saya ke guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soal takut, bodoh do'oh lalu nak jawab hak orang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Haa padan. Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya mintak Wakil Batu Burok tarik balik perkataan 'bodoh', bulan puasa ni jangan kasar sangat, kan kasar *retekkan*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Baik Wakil Kijal hari ni ... weh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak berkasar langsung tapi hak menjawabnya itu takdok kena mengena. Dah saya nak beri apa, biar Wakil Kijal ini beri perkataan apa kalau tak 'bodoh'.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya mintak dia tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Batu Burok, pagi-pagi lagi ni, saya mintak perkataan itu yang bercanggah dengan perkataan yang dikemukakan, sila tarik balik perkataan yang Yang Berhormat sebut tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tarik balik, ganti dengan 'tak cerdik do'oh lalu'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak apalah tak cerdikpun, hak cerdik kita beri ke Wakil Batu Burok. Cuma nak khabar yang pembinaan masjid berkaitan dengan Exco Pembangunan, berkenaan dengan sembahyang yang qadar-qadar ini berkaitan dengan Exco Hadhari, jadi oleh kerana berkaitan dengan Hadhari itu saya jawablah. Adakah takut saya yang jawab, atau guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak takut, kalau dah ada qadar dalam Hadhari itu khabarlah ke saya tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tadi kata bakpe nak jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dah ni nak jawab sangat, jawablah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Cap Ayam, Wakil Rakyat ni (*dalam gelak*). Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan berkenaan dengan pembinaan masjid-masjid. Tadi yang diterangkan ialah jumlah masjid yang telahpun dibina 100 peratus siap dan sebahagiannya masih dalam pembinaan (2005). Tetapi apakah kedudukan masjid yang akan dibina pada tahun 2006, sejauh manakah persiapan yang telahpun dilaksanakan, berapa buah telah ditender dan berapa buah yang belum ditender? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, setakat hari ini tender yang telah diiklankan ialah sebanyak 14 buah, kerja-kerja ukur yang sedang dilaksanakan sebanyak 7 buah dan yang akan ditender pada bulan September ini ialah sebanyak 1 buah. Jadi itulah setakat projek-projek untuk tahun 2006. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan jumlah permohonan tanah sejak perubahan kerajaan mengikut pecahan daerah dan jumlah yang diluluskan?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, permohonan tanah sejak perubahan kerajaan mengikut daerah yang telah diluluskan adalah sebagaimana berikut:

DAERAH	TAHUN 2004 (MULAI APRIL)		TAHUN 2005		TAHUN 2006 (SEHINGGA OGOS)	
	Permohonan	Lulus	Permohonan	Lulus	Permohonan	Lulus
K.Terengganu	78	20	908	690	1288	345
Kemaman	1289	584	1960	69	111	23
Dungun	220	28	1275	36	730	62
Besut	220	63	844	270	360	280
H.Terengganu	234	30	2040	73	1970	610
Marang	43	31	1299	28	1017	502
Setiu	39	24	782	163	1118	634

Semua kelulusan ini berjumlah 4,565 sehingga bulan Ogos, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Mereka yang ditolak permohonan, bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa ditolak?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi jawapan yang diberikan saya percaya lot-lot tanah perumahan, lot tapak rumah ataupun lot industri. Saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah benar kerajaan telah tidak lagi membuka permohonan untuk lot-lot pertanian kepada rakyat negeri ini, adakah benar dan kalau benar apakah rasional perkara itu dibuat? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, kelulusan yang diberikan itu melibatkan lot tapak rumah, lot perindustrian dan juga pertanian. Dan soalan yang kedua Yang Berhormat Wakaf Mempelam adalah tidak benar kerana permohonan masih diteruskan menerusi lot-lot tanah kelompok pertanian dan tapak rumah. Terima kasih, Yang Dipertua dan juga tanah haram, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Yang Dipertua. Sebelum daripada ini banyak tanah-tanah yang diluluskan dan saya difahamkan permohonan-permohonan ada sesetengah itu dibatal, ditarik balik dan ditarik balik kelulusan. Soalnya sekarang ini Yang Berhormat Yang Dipertua, ada satu kes berhubung dengan permohonan yang dibuat dan telah dapat Geran tapi akhirnya permohonan dibatal, Geran dapat dah tapi permohonan dibatal, jadi macam mana perkara ini boleh berlaku. Perkara ini berlaku di Kampung Las, Sungai Tong. Kelulusan akhirnya diberi, dapat Geran tetapi tiba-tiba terima surat dibatalkan. Geran ada dah, permohonan dibatalkan, macam mana perkara ini boleh berlaku Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya mintak maklumat lanjutlah kalau ada Geran yang telah dibatalkan kerana mengikut prosedur Peraturan Tanah, Dato' Yang Dipertua mengikut Kanun Tanah Negara dan sekiranya Borang 5A dijelaskan oleh pemohon tapi belum dikeluarkan Hak Milik maka ia bukannya lagi jadi hak milik pemohon tetapi kalau Geran dah ada dan dibatal tidak betullah ni, mungkin ada kesilapan dan sebagainya. Saya

mintaklah supaya kes ini dirujuk kepada saya secara spesifik, kalau Geran dah ada batal, kalau Geran 5A dikeluarkan batal, okey betul sebab Jadual 5A dikeluarkan masih lagi bukan hak pemilik. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Maaf Dato' Yang Dipertua, boleh *check* dengan Pejabat Tanah Setiulah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, ini satu tuduhan dan saya mintak ianya dibuktikan. Saya tidak mengata apa-apa, bulan puasa ini, kalau betul mari tunjuk kepada kita, kita akan *check* balik, kalau betul okey, kemungkinan berlaku kesilapan, kita mesti akui. Tetapi kalau 5A, memang jelas walaupun Jadual 5A telah diturunkan dan diberi kepada pemohon tapi dan belum disain Geran Hak Milik maka belum lagi menjadi hak dia, itu hak kerajaan tetapi kalau Geran dah beri, memang hak dialah tapi saya takut keliru ni Wakaf Mempelam. Saya mintak

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan keliru, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, permohonan diluluskan dan Geran didaftarkan 31 Julai 2002, surat untuk dibatalkan permohonan bertarikh 30 Ogos, 2006. Boleh Geran dah, dibatal pulak, sama ada pegawai yang jahil ataupun orang politik jahat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, ini tuduhan yang tidak berasas. Saya sebut dah tadi, saya mintak diserahkan kepada saya, kepada pihak kerajaan kita *check*. Ini mungkin berlaku kesilapan sebab itu saya kata kena faham. Jangan sebut jahat-jahat begitu, bulan puasa ni, jahillah, apalah, kalau nak kata jahil, jahil belaka. Jadi janganlah kita bercakap guna *certain case* yang terpencil nak jadikan kerajaan jahil, jahat dan sebagainya. Saya dah mintak awal-awal lagi, kalau benda itu betul kita *check*, nak beri semula kita *check*, takdok masalah dah kalau betul-betul keluar sebab apa berlaku, mungkin kesilapan ke, pegawai baru tak tahu ke hafa dan sebagainya. Arahan keluar lain, dijawab lain ini kemungkinan-kemungkinan boleh berlaku, jadi mintaklah. Jadi jangan kata oleh kerana suatu kes yang *exceptional case* atau suatu kes yang macam ini, dengan izin Dato' Yang Dipertua kita nak jadikan barang rujuk belaka. Kita dah beritahu awal-awal, kita bersedia untuk tengok, saya takut Wakil Wakaf Mempelam ini tak faham hak Jadual 5A ini hak guana, hak Geran guana, tak pernah kerja Pejabat Tanah, jadi jangan cakap begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Maklumat diberi, tanggungjawab kerajaan untuk menyasat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Dipertua, saya sebut dah tadi, kita bersedia untuk menyiasat dan kita mintak laporan lengkap itu, takdok masalah. Lepas ini boleh beri kepada Setiausaha Dewan, takdok masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Pihak kerajaan telahpun menjelaskan dan dia minta supaya diserahkan kepadanya kalau benda itu berlaku, jadi saya rasa boleh selesailah. Jadi Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam buktikanlah bahawa benda itu ada pada Yang Berhormat sila serahlah kepada pihak kerajaan untuk diselesai/siasat dan tak perlu kita bincang panjanglah.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan satu -

Apakah program yang berjaya mengubah sikap dan sahsiah para belia hari ini yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2005 sehingga Ogos 2006?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Wakil daripada Jabi yang ingin mendapat penjelasan mengenai sejauh manakah berjaya mengubah sikap dan sahsiah para belia hari ini yang telah dilaksanakan melalui program-program sepanjang tahun 2005 sehingga Ogos 2006.

Memang kita ketahui bahawa ini adalah merupakan suatu program yang seharusnya dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah-masalah terutamanya golongan remaja, golongan belia yang menjadi sebagai pemangkin untuk melihat generasi yang akan datang akan lebih baik lagi dengan beberapa program yang seharusnya dilaksanakan. Kita tahu dalam untuk mengubah sikap ini, kita tahu perkara yang begitu subjektif dan tidak boleh dilihat perkaranya dan ianya berlaku dengan sekelip mata ataupun ianya berlaku setelah kita menyempurnakan atau melaksanakan program itu sendiri. Kita yakin dan percaya melalui program-program yang telah dilaksanakan seperti program/kursus bagi remaja yang kita jalankan pada tahun 2005 - 2006, alhamdulillah kita terus jalankan. Kita juga menjalankan program-program seperti perjumpaan dengan para mekanik dan juga penunggang-penunggang motosikal yang hari ini dikatakan bahawa golongan belia ini terlibat dengan gejala-gejala yang kurang sihat

termasuk lumba haram. Pada 22hb yang lepas, satu perhimpunan bersama dengan, boleh dikatakan mereka yang terlibat telah diadakan di Pantai Batu Burok untuk menyelesaikan masalah ini. Selain daripada itu, program Liga Sukan Komuniti yang mana melibatkan 4 jenis sukan yang dijayakan di peringkat DUN-DUN di seluruh Negeri Terengganu. InsyaAllah, melalui program ini kita yakin dapat menyelesaikan masalah-masalah, dapat kita menghimpunkan remaja-remaja yang ada di Negeri Terengganu. Kita juga menjayakan program Liga Bola Sepak Piala Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang saya difahamkan sambutannya cukup baik dan tahun ini merupakan tahun kedua kita jayakan bermula pada tahun 2005 dan juga tahun 2006. Kita juga mengadakan program uji bakat melalui program My Team, bola sepak yang konsepnya My Team dan juga di peringkat Negeri Terengganu kita juga mewujudkan Pasukan T-Team di Terengganu. Kita adakan program sambutan Hari dan juga Minggu Belia, kita juga adakan Anugerah Belia Negara Peringkat Negeri, Program Ceria Remaja, Program Cakna Bestari dan macam-macam lagi program yang kita jayakan untuk kita dapat membentuk kelompok belia yang hari ini mewakili 40 peratus daripada jumlah penduduk di Negeri Terengganu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan. Apakah langkah yang telah diambil kepada para belia untuk meminati bidang seni dan budaya Melayu Terengganu kita?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah kita tahu seni dan budaya adalah merupakan satu proses bagaimana membentuk sahsiah dan jugak jati diri kepada golongan belia yang kita ingin melihat mereka ini dapat digerakkan dengan lebih sempurna di masa yang akan datang. Melalui Kerajaan Negeri juga telahpun bersetuju menubuhkan sebuah Akademi yang mana kita namakan sebagai Akademi Seni Terengganu atau singkatannya ASNI untuk membentuk golongan belia di Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Paka mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

*Apa perancangan kerajaan untuk Program Pembangunan
Kebudayaan dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan?*

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Wakil daripada Paka yang mendapat penjelasan mengenai perancangan kerajaan untuk Program Pembangunan Kebudayaan dan juga aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan. Suka saya maklumkan bahawa perancangan kerajaan untuk Program Pembangunan Kebudayaan adalah berkonsepkan kepada pemeliharaan, kepada pengembangan dan juga pemerksasaan. Yakni, pemeliharaan dalam konteks umumnya adalah untuk menghidupkan semula warisan-warisan budaya, dibangunkan semula dan diperkenalkan kepada generasi muda. Pengembangan pula adalah membawa maksud setiap warisan yang ada dibangunkan dengan mengadakan latihan-latihan, menjalankan bengkel-bengkel dan penyelidikan. Sementara pemerksasaan adalah membawa maksud memperhebatkan lagi atau mengetengahkan lagi warisan yang sedia ada agar dapat dikenali dengan lebih luas. Perancangan yang berkonsepkan 3P iaitu pemeliharaan, pengembangan dan juga pemerksasaan dapat dibahagikan kepada komponen kesenian:

1. Komponen Kesenian dan Kebudayaan Tradisi (Pemeliharaan)
2. Kesenian dan juga Kebudayaan Moden
3. Kemahiran Seni dan Warisan
4. Merakyatkan Seni –
 - (i) Aktiviti-aktiviti yang berbentuk pertandingan seperti pertandingan gasing, pertandingan wau cantik, masakan tradisional dan sebagainya.
 - (ii) Aktiviti berbentuk persembahan sepertimana hari ini yang diminati ramai dikir barat dan juga wayang kulit, nampak sambutannya cukup hebat.
5. Skim Insentif Budaya Untuk Adi-adiguru.
6. Pembangunan Watak Budaya yang diwujudkan di setiap Daerah ataupun Parlimen.
7. Festival Kesenian – Teater, Tarian, Gasing dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Sura mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapa ramaiakah Pegawai-pegawai Masjid yang dilantik oleh pihak kerajaan sepanjang tahun 2004 hingga Ogos 2006, mengikut pecahan daerah, berbanding yang dipecat atau diberhentikan pada tempoh yang sama?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Sura berkaitan dengan lantikan Pegawai-pegawai Masjid dari 2004 hingga Ogos 2006 mengikut daerah dan berapa yang dipecat.

Jawapannya ialah Yang Dipertua, jumlah Pegawai Masjid yang dilantik sejak tahun 2004 sehingga Ogos 2006 mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	2004		2005		2006		JUMLAH
		IMAM	BILAL	IMAM	BILAL	IMAM	BILAL	
1.	K. Terengganu	13	6	31	37	14	11	112
2.	Kemaman	1	1	13	8	-	-	23
3.	Dungun	7	-	6	7	8	4	32
4.	Besut	6	5	16	32	1	-	60
5.	H. Terengganu	-	10	16	3	10	22	61
6.	Marang	1	3	8	15	8	2	37
7.	Setiu	1	-	13	20	5	5	44
JUMLAH BESAR		29	25	103	122	46	44	369

Manakala Imam atau Bilal yang telah ditamatkan daripada perkhidmatan mereka sepanjang tahun-tahun tersebut ialah sebanyak 48 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah punca ataupun faktor Pegawai-pegawai Masjid ini dipecat ataupun diberhentikan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, faktor yang menyebabkan mereka ini dipecat bukan dipecat tetapi tidak disambung, yang pertama kerana umur iaitu seramai 8 orang telah bersara, kemudian yang telah meninggal dunia seramai 10 orang, yang lain-lain itu adalah disebabkan oleh faktor mereka tidak mematuhi arahan dan

peraturan Pejabat Hal Ehwal Agama dari semasa ke semasa. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jumlah yang diterangkan tadi berapakah bilangan masjid yang terlibat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan ini perlu kepada notis Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Sura. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Assalamualaikum, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, pegawai-pegawai, hadirin dan hadirat. Soalan yang pertama -

Apakah dasar kerajaan dalam memberi bantuan/pinjaman/biasiswa kepada rakyat negeri ini yang mendapat tawaran di Pusat Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negara?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan sekalian. Dalam menjawab soalan yang pertama, dasar kerajaan dalam memberi bantuan/pinjaman/biasiswa dan juga tajaan kepada rakyat Negeri Terengganu yang mendapat tawaran ke IPT (Pusat Pengajian Tinggi) di dalam dan di luar negara ialah melalui agensi-agensi kerajaan yang tertentu seperti Yayasan dengan syarat-syarat tertentu seperti yang ditetapkan oleh lembaga, contohnya Lembaga Yayasan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Setakat ini untuk tahun 2006, bolehkah kerajaan menjelaskan status bantuan yang diberi dalam bentuk bantuan, pinjaman dan biasiswa kepada rakyat Negeri Terengganu yang belajar di dalam dan luar negara dan apakah jurusan-jurusan yang diambil?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Untuk menjawab soalan ini agak panjang tetapi saya bacalah. Yang pertama, untuk Institusi Pengajian Awam yang diberi bantuan ialah 421 orang, PhD 3 orang, Sarjana 46 orang, Ijazah Pertama 121, Diploma 216 dan Sijil 35 orang. Dan, di Institusi Pengajian Tinggi Swasta ataupun IPTS ada 515 orang. Pusat Latihan Kemahiran ada 1,239 orang. Untuk Bantuan Persediaan 20,834 orang persediaan untuk memasuki universiti macam matrikulasi, masuk IPT dan lain-lain. Kemudian yang ke luar negara setakat ini 74 orang, Indonesia 30, Mesir 41, Jordan 3. Ini dari segi bilanganlah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Ke Mesir, ke Jordan diberi dalam bentuk biasiswa ataupun bantuan dan kenapa jumlah ke Mesir 40 orang sahaja dan ke Jordan 3 orang. Apakah tidak ada calon yang layak untuk menerima?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Ke Mesir 41, ke Jordan 3. Yang memohon untuk ke Mesir dalam bidang Pengajian Islam 62 orang, yang kita temu duga 57, yang berjaya 7. Perubatan untuk ke Mesir 41, kita panggil datang untuk temu duga 38, yang berjaya mengikut kriteria ditetapkan Yayasan 19. Jadi yang berjaya ini ialah yang berjaya mengikut kategori Yayasan, maknanya temu duga, test IQ, esei dan lain-lain mereka ini dihantar untuk tajaan Yayasan. Tajaan bermaksud bahawa jika mereka mendapat keputusan yang baik di peringkat universiti nanti sebagai contoh mendapat katalah CG 4.0 sebagai contoh, mereka ini mendapat keuntungan di dalam pembayaran balik tadi tapi kalau dapat keputusan teruk dia kena bayar balik semualah. Jadi ini kriteria yang ditetapkan oleh Yayasan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Setahu kita bahawa pemegang-pemegang Diploma KUSZA dapat sambung ke Mesir, ke Al-Azhar. Kenapa kita menemu duga semula bagi pelajar-pelajar ini bagi memberi pinjaman, sedangkan mereka ini layak untuk menyambung pelajaran ke sana. Apakah Kerajaan Negeri sudah tidak mengiktiraf pemegang-pemegang Diploma KUSZA ini?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Ada dua perkara Dato' Yang Dipertua. Pertama masuk ke Mesir di Azhar. Ramai yang boleh masuk, tidak mestinya dari KUSZA sahaja, yang lain-lainpun diterima masuk ke Mesir, semua boleh masuk tetapi untuk memberi tajaan di bawah Yayasan dia ada kriteria tertentu, kena temu duga, kena tengok dia punya IQ, tengok dia punya esei dan lain-lain, bukan mesti peluang masuk saja dapat terus tajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, apakah boleh dan saya difahamkan bahawa kerajaan tidak mempunyai polisi dan dasar untuk memberi tajaan kepada semua pelajar Terengganu yang mendapat tempat di universiti-universiti tempatan dan luar negara.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Memanglah, betullah, Dato' Yang Dipertua, macam masuk ke IPT tempatan, ada lebih beribu yang masuk ke IPT tempatan, Yayasan tidak menaja, yang menaja ialah PTPTN. Persetujuan di antara Yayasan-Yayasan negeri-negeri dengan pihak Kerajaan Pusat ialah kesemua pelajar yang berjaya masuk ke IPTA dan IPTS ianya ditaja dahulu oleh Tabung PTPTN. Jika mereka tidak berjaya mendapat PTPTN mereka bolehlah memohon dengan Yayasan-Yayasan negeri-negeri termasuklah Yayasan Terengganu. Jadi ini adalah persetujuan kita dengan pihak Kerajaan Pusat. Adapun yang ke luar negara tidak kesemua yang dapat ke sana dapat ditaja, hanya yang ditaja ialah mereka yang kita kira layak mendapat tajaan mengikut kategori yang ditetapkan oleh Yayasan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Manir. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan satu -

Apakah kerajaan telah berpuas hati dengan mutu pengurusan, pentadbiran serta penguatkuasaan di kalangan pentadbiran negeri di peringkat PBT (Pihak Berkuasa Tempatan)?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, telah ada peningkatan dan penambahbaikan dari segi pengurusan dan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Terengganu. Ini dapat dilihat dengan jelas soal-soal kebersihan yang kita lihat pada hari ini, hampir keseluruhan di pihak PBT Terengganu telahpun meningkat dan ianya telah mendapat pujian dan juga penghargaan dari bukan sahaja dari kalangan orang-orang Terengganu tetapi dari luar Terengganu. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak akan berhenti di sini sahaja, usaha-usaha untuk terus peningkatan ini akan dilakukan. Antaranya, termasuk menghantar pegawai-pegawai kita bekerja-kursus, termasuk juga menempatkan mereka di Pihak Berkuasa, di PBT lain, contohnya sebahagian mereka dihantar ke Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur dan juga di Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa dan juga Jabatan Lanskap Negara untuk meningkatkan pemahaman mereka, perancangan mereka dan sebagainya. Di samping itu, usaha-usaha untuk penguatkuasaan perlu dijalankan dan telahpun dijalankan secara berperingkat melibatkan Akta Kerajaan Tempatan, Akta 1171 - 1172 dan Akta Perancang Bandar 1976 dan ini dilaksanakan dari masa ke semasa dan insyaAllah kita akan melihat bahawa perubahan ini akan berlaku secara berterusan ke tahap yang kita semua idamkan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berkaitan peruntukan untuk Pusat-pusat Pertumbuhan, berapakah telah dibelanjakan setakat hari ini?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, peruntukan setakat hari ini Pusat-pusat Pertumbuhan sebanyak RM30 juta sebagaimana diperuntukkan dalam Bajet dan sehingga kini hampir RM15 juta telahpun dikeluarkan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Air Putih mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN HAMID (Wakil Air Putih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Pantai Ma' Daerah Kerteh kini semakin terkenal sebagai Pusat Santuari Penyu.

- a) Adakah Kerajaan Negeri sedar terdapat ancaman terhadap spesis penyu di kawasan berkenaan?*
- b) Sila nyatakan jumlah pendaratan penyu di kawasan berkenaan mengikut tahun semenjak 2004?*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Wakil Air Putih yang ingin tahu mengenai adakah kerajaan sedar terdapat ancaman terhadap spesis penyu di kawasan Ma' Daerah. Jawapannya adalah kerajaan memang sedar dan telahpun mengambil beberapa tindakan untuk

menentukan bahawa Ma' Daerah akan terus menjadi satu kawasan pendaratan penyu yang *regular* (seperti biasa). Umpamanya, kerajaan juga telah memperuntukkan peruntukan dalam hal ini sebanyak iaitu pada tahun 2004 sebanyak RM150,000, 2005 sebanyak RM200,000 dan 2006 sebanyak RM300,000. Di samping itu juga, kerajaan telah juga mewartakan kawasan ini sebagai Santuari Penyu.

Manakala soalan (b) yang ingin mengetahui jumlah pendaratan penyu tahun 2004 dan ke atas. Dato' Yang Dipertua, sukacita dimaklumkan bahawa pendaratan penyu di kawasan Ma' Daerah bagi tahun 2004, Belimbing tidak naik seekor pun pada tahun 2004, 2005 pun begitu juga dan seterusnya pada tahun 2006. Manakala spesis Agar, pada tahun 2004 sebanyak 236 ekor penyu telah pun mendarat iaitu telah pun menghasilkan telur sebanyak 20,953, manakala tahun 2005 spesis Agar ini telah pun mendarat sebanyak 108 ekor yang telah pun menghasilkan telur 9,809 biji, manakala pada tahun 2006 sebanyak 132 ekor telah mendarat dan menghasilkan telur sebanyak 14,236 menjadikan jumlah semua sekiranya pada tahun 2004 spesis Karah dan Lipas tidak bertelur dan tahun 2004 jumlah kesemua yang mendarat 236, tahun 2005 – 108 dan tahun 2006 sebanyak 132 ekor.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN HAMID (Wakil Air Putih): Soalan tambahan. Adakah kerajaan mengenal pasti penyu-penyu yang mendarat itu adakah penyu jantan ataupun penyu betina?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, saya tak berapa dengar soalan itu, minta ulang sekali lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN HAMID (Wakil Air Putih): Adakah kerajaan mengenal pasti penyu-penyu yang mendarat itu adakah penyu jantan ataupun penyu betina?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, mudah saja jawapannya yang bertelur itu betinalah yang tak bertelur jantan.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam masa 2 – 3 hari yang lepas ada dalam berita Kosmo ada mengatakan pekedai runcit di Pulau Perhentian menjual anak penyu kepada pembeli, betul atau tidak?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya yang keluar dalam Kosmo tersebut bukanlah dia

jual anak penyu tetapi anak penyu tersebut telahpun terperangkap dalam pukat, kemudian 3 ekor telahpun dimintak oleh pekedai untuk dijadikan daya tarikan. Jadi selepas sebulan kita mengetahui maka anak penyu tersebut telahpun dilepaskan semula ke dalam laut.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN HAMID (Wakil Air Putih): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Air Putih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama saya -

Kita ketahui bahawa Negeri Terengganu telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi sukan SUKMA 2008.

- a) Untuk tujuan ini, apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menjayakan temasya ini nanti?*
- b) Apakah sebagai Tuan Rumah, Terengganu berkeyakinan akan memperolehi pencapaian yang lebih baik dari kejohanan yang lepas?*

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Wakil Pengkalan Berangan yang ingin mendapat penjelasan mengenai bentuk perancangan Kerajaan Negeri bagi menjayakan sukan SUKMA yang telahpun diputuskan yang mana Terengganu menjadi tuan rumah pada tahun 2008 dan sejauh mana keyakinan Kerajaan Negeri ataupun sebagai tuan rumah dalam pencapaian sukan melalui soalan (b).

Untuk menjawab soalan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, strategi yang telahpun digunakan oleh pihak kerajaan dalam menjayakan sukan SUKMA pada tahun 2008 adalah yang pertamanya dengan menubuhkan Sekretariat SUKMA. Kita namakan Sekretariat SUKMA 2008 adalah untuk menyempurna dan mengelola perjalanan SUKMA pada tahun 2008 yang mana ianya ditempat pegawai-pegawai yang bersesuaian dan kompeten melalui sekretariat ini. Memonitor pelaksanaan infrastruktur dengan lebih awal dan berkala. Memastikan semua *venue* siap sebelum pada kejohanan berjalan. Memastikan peralatan pertandingan memenuhi keperluan dan juga teknikal. Melantik Pengurus Kejohanan, Pengurus *Venue* dan juga *Technical Delegate* dengan izin, dengan lebih awal. Mengambil peluang

untuk mempertingkatkan tahap Pegawai Teknikal Negeri seramai mungkin. Menggalakkan Persatuan Sukan Negeri menganjurkan Pra SUKMA. Menggunakan konsep Jabatan Angkat bagi membantu mengurus kontinjen yang akan mengambil bahagian. Menubuhkan Kumpulan Sorak. Membentuk kumpulan sukarelawan yang patriotik dan sama-sama menjayakan sukan SUKMA pada tahun 2008 yang mana saya amat bangga pada masyarakat di Terengganu khususnya kepada golongan belia yang ada yang mana telahpun memberikan komitmen seramai 3,000 orang akan terlibat sebagai ahli sukarelawan yang akan menjayakan bersama sukan SUKMA 2008. Juga strateginya adalah untuk memperkenalkan daerah-daerah yang kita ketahui kaya dengan kekuatan-kekuatan yang ada termasuk pelancongan dan sebagainya akan kita buat promosi melalui Kejohanan Sukan SUKMA ini. Itu soalan yang pertamanya.

Keduanya, insyaAllah, dalam menjayakan SUKMA, sebagai tuan rumah Terengganu mengharapkan supaya melalui kejohanan ini kita akan dapat pencapaian yang lebih baik daripada apa yang telahpun kita cipta melalui sukan-sukan SUKMA yang lepas sama ada di Kedah ataupun Negeri Sembilan yang mana pencapaian di Negeri Sembilan kita hanya mampu memperolehi sebanyak 6 Pingat Emas. Di Kedah kita memperolehi 15 Pingat Emas dan insyaAllah di Terengganu ini sudah tentunya sebagai tuan rumah kita akan menjangkakan pencapaian adalah lebih baik daripada apa yang telah kita capai melalui kedua-duanya ini.

Untuk memperolehi pencapaian yang lebih baik perlulah ada bentuk-bentuk perancangan yang tertentu termasuk Majlis Sukan Negeri sekarang ini sedang merancang ataupun melaksanakan program-program berbentuk kepada Program Pembangunan Atlit di mana sebuah Bengkel Pembangunan Atlit telahpun dijayakan oleh Majlis Sukan Negeri yang mana kita telahpun menentukan kepada persatuan-persatuan sukan yang akan memastikan calon-calon ataupun atlit-atlit yang akan terlibat diri ataupun yang akan menyertai SUKMA pada tahun 2008 ini, senarai terakhirnya adalah pada 31hb Disember (12), 2006 ini supaya dapat dibangunkan dengan lebih sempurna segala atlit-atlit yang telahpun dipilih. Ini adalah antara perancangan yang sedang kita ambil dalam menyempurnakan perjalanan sukan SUKMA 2008, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Soalan tambahan. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk SUKMA 2008 nanti?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Untuk SUKMA 2008 nanti, kita belum tentu jumlah yang sebenarnya, tetapi sudah tentunya adalah lebih daripada peruntukan yang disediakan pada kejohanan yang dilangsungkan di Kedah ataupun di Negeri Sembilan kerana kita juga menjadi tuan rumah, jadi

kena sediakan peruntukan yang lebih banyak untuk sempurnakan kemudahan-kemudahan sukan dan juga Program Pembangunan Atlit insyaAllah kita akan lebih daripada apa yang telahpun diluluskan semasa SUKMA di Kedah ataupun di Negeri Sembilan.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Apakah jenis sukan yang diyakini oleh pihak kerajaan bahawa atlit-atlit kita mampu meraih kejayaan yang cemerlang dalam sukan tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, memang sebab itulah kita perlu adakan bengkel untuk kita melihat kepada pencapaian yang telah diperolehi oleh atlit-atlit kita melalui kejohanan-kejohanan yang telah disertai sama ada SUKMA ataupun kejohanan-kejohanan lain. Alhamdulillah, kita lihat baru-baru ini semasa SUKMA di Kedah, kita di Terengganu memperoleh sebanyak 15 Pingat Emas dan yang paling prestij sekali ialah melalui Kejohanan Bola Sepak dan dengan syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa Teknikal SUKMA, atlit-atlit yang layak untuk bermain dalam SUKMA ini adalah mereka yang 21 tahun ke bawah sebab sebahagian besar atlit-atlit ataupun pemain yang terlibat dalam pasukan bola sepak baru-baru ini adalah masih lagi layak dan kita yakin, insyaAllah, dengan perancangan-perancangan ataupun program-program pembangunan yang kita buat kita dapat teruskan. Selain daripada itu, kita juga yakin melalui acara olahraga yang mana kita dah dapat lahirkan atlit-atlit yang cemerlang melalui acara berbasikal, kita dapat melahirkan atlit-atlit yang cemerlang melalui acara tinju juga insyaAllah, kita dapat melihat itu merupakan kekuatan kepada kita. Jadi kalau nak satu persatu, kena bagi notis dan insyaAllah saya akan bagi *detail* lagilah berkenaan dengan jangkaan yang kita akan perolehi melalui atlit-atlit kita.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Adakah Kerajaan Negeri atau Majlis Perbandaran Kuala Terengganu bercadang hendak membina sebuah Dewan Orang Ramai (Public Hall) untuk menggantikan Dewan Tuanku Abdul Rahman yang terlalu kecil untuk keperluan semasa di Kuala Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Terengganu sehingga kini telahpun mempunyai Stadium Negeri yang mampu menampung 5,000 orang dan pembinaan Stadium Tertutup yang boleh menampung seramai 6,000 orang. Oleh itu persoalan Dewan Tuanku Abdul Rahman yang kecil dan keperluan menggantikannya adalah tidak sesuai kerana sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi telahpun ada kemudahan-kemudahan lain yang mempunyai kapasiti yang begitu besar untuk kemudahan rakyat di Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Batu Burok. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Besut untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Berapakah jumlah bantuan Bot Fiber yang telah dikeluarkan kepada nelayan di Negeri Terengganu sepanjang tahun 2005. Apakah perancangan kerajaan seterusnya dalam Skim Bantuan Bot Fiber untuk nelayan di Terengganu pada tahun 2006?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, Wakil Kuala Besut yang ingin mengetahui jumlah bot fiber yang telah dikeluarkan kepada nelayan pada tahun 2005. Pada tahun 2005 kerajaan telah mengeluarkan bot sebanyak 147 buah di bawah Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang dikendalikan oleh LKIM. Manakala perkara yang kedua yang hendak diketahuinya ialah perancangan pada tahun 2006. Program ini akan diteruskan pada tahun 2006 dan dijangkakan sebanyak 360 buah bot fiber lagi akan diagihkan kepada nelayan di Negeri Terengganu di bawah skim yang sama dan juga di bawah Program Dana Khas Kerajaan Persekutuan pada bila-bila masapun.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Bilakah agaknya bagi tahun 2006 ini akan dimulakan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya semua bot ini telahpun siap cumanya menunggu waktu dan masa hari pembahagiannya sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Besut. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Nyatakan program-program Pembangunan Pertanian yang telah dilaksanakan oleh kerajaan di Daerah Hulu Terengganu sepanjang tahun 2006 dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi setiap program?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, Wakil dari Kuala Berang ingin mengetahui program-program pertanian yang telah kerajaan laksanakan di kawasan Hulu Terengganu pada tahun 2006. Bagi menjawabnya Dato' Yang Dipertua, Program Pembangunan Pertanian telah dilaksanakan di Daerah Hulu Terengganu sepanjang tahun 2006 dan jumlah peruntukannya adalah seperti berikut - Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM8,056,069.06, ini termasuklah Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Lembaga Pertubuhan Peladang, Fama, Felcra, Felda dan Risda. Manakala program-program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian umpamanya, seperti berikut:

JABATAN	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
Jabatan Pertanian	1. Pembangunan Industri Buah-buahan	
	(i) Dusun Komersil	256,200.00
	(ii) Pemulihan Dusun	75,000.00

	2. Pembangunan Industri Kelapa	188,300.00
	3. Pembangunan Industri Sayur dan Tanaman Ladang	244,300.00
	4. Pembangunan Tanaman Padi	50,000.00
	5. Pembangunan Industri Hiliran	113,000.00
	6. Pembangunan Industri Berpotensi (Herba)	6,000.00
	7. Fertigasi.	65,300.00
	JUMLAH BESAR:	998,100.00

JABATAN	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
Jabatan Perikanan	<u>(Telah dilaksanakan)</u>	565,000.00
	1. Pembenihan ikan air tawar di Lerek	
	2. Pembenihan ikan air tawar dalam sangkar di Pantai Pak Ali	
Jabatan Perikanan	<u>(Projek Sedang Diperkenalkan)</u>	565,000.00
	1. Projek ikan air tawar menggunakan ikan air deras. (Termasuk 60 peserta dan akan dilaksanakan pada awal Oktober nanti).	
	JUMLAH BESAR:	565,000.00

JABATAN	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
Jabatan Perkhidmatan Haiwan	1. Transformasi Lembu Pedaging	60,800.00
	2. DIY AI	45,496.00
	3. Kambing	30,000.00
	4. Ayam Kampung	

5.	Rezab Haiwan	40,000.00
6.	Dana Khas Kerajaan Persekutuan	288,000.00
JUMLAH BESAR :		464,296.00

Dan program-program di bawah lain-lain jabatan termasuklah di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang yang melibatkan RM180,000.00 melalui pengeluaran makanan, tanaman padi, sayur, buah-buahan iaitu limau, jagung, limau madu dan manggis. Manakala kejenteraan ladang melibatkan traktor 4 roda RM72,500.00, backhoe, peralatan ladang, lori dan servis kenderaan yang melibatkan semua sekiranya menelan belanja sebanyak RM780,898.00.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan. Terima kasihlah terhadap penerangan tadi. Boleh tak saya tahu sejauh mana kejayaan yang telah diperolehi hasil daripada peruntukan yang telah dinyatakan sebentar tadi.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, secara puratanya kejayaan ada kepada peserta-peserta tetapi oleh kerana pertanian merupakan perkara yang bukan senang ada yang berjaya dan sedikit sahaja yang gagal. Dan, ada beberapa faktor kegagalan termasuklah cuaca dan juga penyakit. Walau bagaimanapun, dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan banyak telah memberi menafaat kepada peserta.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Berang. Masa untuk Soalan Lisan ada 2 minit lagi, jadi saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Berapakah jumlah kawasan pembalakan yang diluluskan oleh kerajaan mulai 1 Januari 2006 hingga 31 Ogos 2006 dan adakah kelulusan itu dibuat secara tender terbuka?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih. Wakil Wakaf Mempelam ingin tahu kawasan pembalakan yang telah diberi oleh pihak kerajaan

mulai 1 Januari 2006 sehingga 31 Ogos 2006. Jawapannya ialah sepanjang tempoh 1 Januari 2006 sehingga 31 Ogos 2006 sebanyak 11 kawasan sahaja yang telah diberi kelulusan dan kelulusan tersebut dilakukan melalui Lembaga Mengambil Hasil Hutan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang bahagian kedua tu, adakah dibuat secara tender terbuka itu tidak dijawab Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jawapannya ialah melalui Lembaga Mengambil Hasil Hutan, jawablah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Lembaga buat macam mana Dato' Yang Dipertua? Betullah melalui Lembaga, dulupun Lembaga jugak tapi dia buat lagu mana, pakai beri gitu-gitu aje?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dia buat mesyuaratlah, macam tak biasa pulak, kan pegang kerajaan dah dulukan. Sama saja yang dilakukan oleh kerajaan sekarang, kerajaan dulu cuma bezanya kerajaan dulu beri ke anak dara, kerajaan ini tidak beri ke anak dara setakat ni. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dara tak darapun, tender.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Untuk yang dia beri 11 tu, berapa yang terlibat dengan skim sawmill, yang ada sawmill yang mintak kawasan diberi, daripada 11 tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, daripada 1 Januari 2006 sehingga 31 Ogos 2006, tidak ada skim sawmill diberi daripada tarikh yang ditanya itu. Fahamlah dok. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maknanya ada syarikat yang diberi itu tidak terlibat dengan pembalakan maknanya begitu, takdok sawmill, takdok apa-apa pakai beri begitu aje termasuk syarikat luar daripada Terengganu yang tak terlibat secara langsung dengan pembalakan, adakah betul begitu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak betul Yang Dipertua, tak betul. Kita beri semua anak Terengganu dan apa yang dibuat ini sebenarnya sama saja dengan apa yang telah dilaksanakan pada zaman Pas dahulu cuma bezanya saya katakan tadi di zaman Pas dulu ada secara rundingan terus sebagaimana yang berlaku di Tembat dan Petuang yang saya difahamkan sampai sekarang masuk di mahkamah, ada pihak menyaman kerana rundingan yang dibuat itu tidak telus dan ada sesuatu yang tidak elok berlaku di dalamnya. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia kata beri kepada anak Terengganu daripada 11 itu saya nak sebut 1 saja, dia beri kepada Major Range Sdn. Bhd., alamat di Terengganu tapi saya buat *search* duduk di Kelang dan syarikat ini terlibat dengan dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, *investment holding and rental of machineries*, bukan main balakpun, inilah sebabnya saya nak tanya tender terbuka lagu mana tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak diulang sekali lagi nama syarikat itu?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nama syarikat itu, Major Range Sdn. Bhd. *Core business* dia, *investment holding and rental of machineries*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kita tidak tahu sama ada dia ini duduk di Terengganu ke, tapi alamat dia adalah di Jalan Kota Bharu, Kampung Padang Luas, di Jerteh. Itu alamat yang kita ada.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Alamat syarikat ini, saya boleh baca, 36A, Lorong Gelugor Off Persiaran Sultan Ibrahim, Kelang, Selangor. Alamat niaga saja dia bubuh kedai, adalah tempat niaga di Jerteh tu tapi alamat syarikat itu di Kuala Lumpur, jual *machinery*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tengok alamat niagalah Yang Dipertua. Kita nak *check* semua sekali susahlah, tengok alamat niaga. Macam inilah Yang Dipertua, soalan ini puak-puak Pas tak boleh tanya sebab banyak yang berlaku di zaman dia dulu ketidaktelusan dan sebagainya. Jadi kalau hari ini nak tunjuk hero depan kita semua, saya rasa amat tidak wajarlah kerana apa yang kita buat setakat ini adalah satu keputusan yang berwibawa yang sebagaimana yang saya katakan tadi zaman kita ni, setakat ini tidak beri lagi

kepada anak dara yang mintak balak tapi anak dara ini, tak dara dah, kahwin dah. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Masa Soalan Lisan telahpun selesai, jadi sekarang kita teruskan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan satu Cadangan Di bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu, Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai. Dan, saya memohon izin mencadangkan satu usul di bawah Fasal 30. Persidangan Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Perkara: Untuk membahaskan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam Golden Pharos Berhad dan Kumpulan Pengurusan Kayu-kayan Sdn. Bhd, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila serah usul itu. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, satu usul/cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam sebagaimana yang dinyatakan sebentar tadi untuk membahaskan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam Golden Pharos Berhad (GPB) dan Kumpulan Pengurusan Kayu-Kayan Sdn. Bhd. (KPKK). Setelah saya meneliti Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu, saya dapati bahawa usul yang dikemukakan ini menepati dengan perkara yang ditetapkan itu tetapi oleh kerana ia merupakan sebuah syarikat yang tidak perlu pada pendapat saya memberi ruang untuk dibahaskan. Jadi usul ini saya tolak. Terima kasih.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Anggaran Pembangunan (Tambahan Bil.1) 2006

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966 Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 2006 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini :-

JADUAL		
Maksud	Tajuk	Tambahan (RM)
P.10	Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu	10,400,000.00
P.02	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	19,232,000.00
JUMLAH		29,632,000.00"

Butiran lanjut berhubung dengan tambahan peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian merujuk kepada Kertas Dewan Bil.7/2006. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian, sila angkat tangan. Tak ada?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat penyokong yang nak bercakap dulu. Saya ucap terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana membenarkan saya mengambil sedikit masa untuk meminta penjelasan daripada usul yang telah dikemukakan sekejap tadi. Saya nak bercakap mengenai Peruntukan Tambahan dalam P.02 iaitu di sini saya mengambil satu bahagian sahaja berkaitan dengan KUSZA, peruntukan asal RM7 juta dan tambahan yang diperlukan RM9 juta ke atas. Sebagaimana

yang kita tahu bahawa memang sudah berada di dalam maklumat dan perancangan Kerajaan Negeri untuk membubar KUSZA sebagaimana yang telah dibentangkan di dalam Persidangan yang lalu. Dan, memang sudah menjadi perancangan kerajaan untuk menyerahkan KUSZA kepada UDM, dulu namanya UDIM, sekarang ini jadi 'nya tak ada, sebab apa saya tak tahulah, huruf tak ada tetapi baca ada. Apa rahsianya saya tak tahu, kalau boleh kerajaan jelaskan kepada sayapun bagus jugak. KUSZA memang hendak dijadikan sebahagian daripada Kampus UDM tetapi kenapa kerajaan juga mengadakan peruntukan untuk membina asrama bagi KUSZA, tidakkah kerajaan boleh bersabar sehingga penyerahan KUSZA berlaku kepada UDM dan pembinaan asrama itu boleh diserahkan kepada UDM dan Kerajaan Negeri boleh membelanjakan peruntukan yang sebanyak itu kepada perkara-perkara lain yang mustahak bagi rakyat Negeri Terengganu. Ataupun itu merupakan satu saham yang diberikan oleh Kerajaan Negeri yang mungkin termasuk, dulu saya ada bertanya tentang berapakah aset KUSZA sebelum ianya diserahkan kepada UDM. Dan apakah pembinaan asrama baru yang peruntukan asalnya RM7 juta dan ditambah RM9 juta itu akan dimasukkan ke dalam aset KUSZA dan mengambil kira di dalam penyerahan KUSZA kepada UDM. Saya rasa tidak berkesalahan kalau saya sebutkan, proses penyerahan KUSZA kepada UDM apakah telah dibuat, apakah telah berlaku penandatanganan dan penerimaan setakat hari ini. Itulah saja untuk mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Wakil Batu Burok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin-hadirat sekalian. Saya pertama-tamanya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menyatakan sesuatu di bawah Permohonan Peruntukan Tambahan yang dikemukakan pada hari ini yang sepatutnya penyokong kerajaan menyatakan kewajaran dan penjelasan mengenai dengan keperluan-keperluan itu dan tentulah sama sekali tidak mencukupi dengan hanya diberi penjelasan butiran sahaja sepertimana yang ada di dalam Kertas Dewan hari ini.

Dato' Yang Dipertua, P.10 perkara yang pertama iaitulah peruntukan diberi kepada Pengarah Kerja Raya Negeri Terengganu bagi maksud naik taraf Istana Terengganu di Kuala Lumpur. Bagi yang mengetahui Istana Negeri Terengganu di Kuala Lumpur ini duduknya sekarang ini ialah di suatu lokasi yang paling tidak selamat dari sudut pandangan yang kita lihat kerana ianya berhampiran atau bertentangan dengan Kedutaan Amerika yang banyak permasalahan-permasalahan yang dibangkitkan mengenai dengan perkara ini dengan Kedutaan Amerika. Yang

keduanya, pembangunan hospital swasta yang berhampiran dengan istana ini menjadikan lokasi ini tentulah tidak sesuai dipakai lagi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya hairan kenapa untuk membelanjakan RM10 juta lebih ini ataupun dengan kewangan yang boleh digunakan pada hari ini daripada Dana Khas ataupun daripada hasil royalti petroleum yang tertanggung itu tidak difikirkan oleh kerajaan dengan terlebih dahulu dipersembah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya suatu atau sebuah istana yang lebih sesuai dengan lokasinya, keadaannya dan bukannya berada di pusat komersil sepertimana ianya berada sekarang. Dan, untuk itu saya merasakan bahawa pelantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Yang Dipertuan Agong juga perlu diambil kira. Mungkin kesegeraan ini sepatutnya difikirkan terlebih dahulu dan lokasi yang lebih sesuai ini juga perlu difikirkan dengan selamat-lumatnya supaya duit yang akan digunakan itu tidak menjadi pembaziran dan perbelanjaan yang sama ada lebih besar daripada inipun menepati kehendak-kehendak dan kesesuaian kedudukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, mengenai dengan keperluan RM9 juta bagi asrama KUSZA yang melebihi daripada peruntukan yang terdahulunya sebanyak RM7 juta. Sepertimana yang kita tahu KUSZA ini telahpun menjadi sejarah, asrama perlu dibina tetapi dalam perangkaan dan perisytiharan ianya akan diambilalih tanggungjawab oleh UDM. Kenapa dalam pakej untuk menyerahkan KUSZA kepada UDM tidak disekalikan peruntukan. Dan, saya difahamkan/dimaklumkan tidak ada peruntukan khusus yang diberikan untuk pembangunan UDM sepertimana yang diisytiharkan Universiti Darul Naim yang diisytiharkan pakej sekaligus dengan kosnya sebanyak RM700 juta. Kenapa ini tidak berlaku? Kalaulah ini berlaku maka duit Kerajaan Negeri, peruntukan bagi Kerajaan Negeri dapat diselamatkan dengan tidak kita menggunakan peruntukan kita bagi suatu perkara yang akan diserahkan kepada pentadbiran Pusat, Dato' Yang Dipertua.

Yang ketiga, ialah mengenai peruntukan tambahan yang diperlukan PPRT. Mungkin dalam Dewan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru berada di dalam Dewan ini tidak mempunyai pengalaman sejarah kecuali Yang Berhormat daripada Kemasik yang mempunyai pengalaman sejarah. Laporan Ketua Audit Negara telah memperjelaskan bahawa pernah berlaku di dalam sumbangan/bantuan kepada PPRT ini pihak JKKK telah menggunakan sumbangan/bantuan PPRT ini untuk kepentingan-kepentingan mereka sendiri tanpa ianya sampai kepada sasaran yang diberi. Yang pertama, rumah-rumah yang diberi, diberi kontraknya melalui JKKK yang menyalahguna keadaan dan kuasa, menggunakan bahan-bahan binaan yang tidak bermutu dan tidak *berstandard* kerana hendak mendapat keuntungan daripada kontrak yang diberi. Dan ada yang lebih mendukacitakan daripada itu ialah bantuan ini diperjelaskan oleh Ketua Audit Negara, digunakan oleh JKKK ini

untuk membina rumah-rumah sewa bagi mereka dan untuk membaiki rumah-rumah kediaman mereka

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat mintak laluan. Bercakap tu ada bukti ke tidak. Rumah sewa JKKK mana, sila kemukakan bukti?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak mahu

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan cakap begitu, ada pelajar-pelajar KUSTEM dengar, semua sekali dengar, kemudian ambil masukkan dalam web dan sebagainya jadi satu dakyah. Bulan puasa ni bercakap biarlah betul-betul, biar ada bukti.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, janganlah soal benda-benda yang tidak cerdik, mintak soal benda-benda yang cerdik sikit. Saya kata mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru-baru ni tak tahu sejarah tetapi Wakil Kemasik yang sempat berada di Dewan ini yang sempat membaca, yang sempat melihat Laporan Ketua Audit Negara yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh ambil daripada khazanah Dewan untuk melihat sendiri, saya tidak fitnah perkara ini dan katakanlah kalau saya fitnah, saya bersedia untuk katakan di luar dan silalah ambil tindakan terhadap saya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Spesifik, spesifiklah, beritahu

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tahun bila perkara itu berlaku. Baru boleh kita cari, ini nak lembang dalam khazanah tu lambat pulaklah, khabar selalulah kampung mana, JKKK mana? Jangan buat sedap cakap begitu. Ini bercakap nak suruh orang benci kepada pihak kerajaan sebab Pas menang kerana orang benci saja, kalau orang sayang tak menang Pas. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mendapat penjelasan daripada ucapan Wakil daripada Batu Burok tadi apakah benar yang diungkapkan itu sejarah. Tapi apakah benar pelaksanaan kerajaan hari ini pembinaan PPRTnya melalui JKKK

ataupun Pejabat Daerah ataupun GPQ. Saya pohon penjelasan, apakah sama dengan yang diungkapkan dalam sejarah pelaksanaan PPRT pada hari ini? Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Wakil Paka kerana saya belum sampai ke tahap itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Saya menyatakan kepada Dewan hari ini untuk memberi peringatan daripada rekod-rekod sejarah pengurusan Dana PPRT ini. Kalau tak bersetuju dengan saya, tuan-tuan sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai orang yang bertanggungjawab dan memikul amanah saya serah sahaja tetapi inilah peringatan yang saya bagi dan inilah apa yang saya mahu minta pada hari ini supaya mengambil pengiktibaran daripada sejarah dan laporan yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara itu pentadbiran pada hari ini tidak lagi menyalurkan dan tidak lagi menggunakan saluran JKKK ini untuk menjadi pemutus kata sama ada kelulusan dan kebenaran memberi kontrak-kontrak bagi bantuan kepada PPRT, Dato' Yang Dipertua. Oleh itu, saya haraplah dengan sesungguhnya supaya setelah kita mempunyai dasar dan kriteria-kriteria kelayakan mereka-mereka di bawah Skim PPRT ini biarlah jabatan kerajaan yang mempunyai kekuasaan dari sudut nilai profesionalnya menilaikan sesuatu projek, menilaikan sesuatu kelulusan dan kita lihat semula sama ada ianya menepati harga-harga kelulusan ataupun harga kontrak yang diluluskan bagi sesuatu bantuan kepada ahli-ahli PPRT ini, Dato' Yang Dipertua. Perbelanjaan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sekali lagi. Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nampak Wakil Batu Burok tak buat kerja barangkali sebagai Wakil Rakyat. Sememangnya apa yang dikatakan oleh Wakil Yang Berhormat Batu Burok itu kita buat dah. Rumah PPRT kita serah kepada Pejabat Daerah yang menentukan bukan macam zaman Pas mula serah ke JSR tentu hak ni boleh, hak ni tak boleh. Kita tak main dah hak gitu. Jadi peringatan yang diberi itu, diucapkan terima kasih banyak-banyak tetapi untuk makluman kita sudah mendahului daripada peringatan tersebut. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Dewan mempunyai peraturan-peraturan, *we have the Standing Rules*, dengan izin. Saya tak mahu layan orang yang kurang cerdik ni, Yang Dipertua. Dato' Yang Dipertua, adalah hak saya untuk menyatakan dan memberi pandangan di Dewan ini sama ada pihak kerajaan setuju ataupun tidak itu hak dia dan pihak kerajaan boleh membuat jawapan apa yang saya sarankan ini.

Tidak boleh dinafikan jika apa yang saya sarankan ini tidak dipersetujui oleh pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Apakah pandangan yang diberi oleh Wakil Batu Burok itu hanya ditujukan kepada wakil kerajaan ataupun tidak kepada pembangkang sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, kalaulah saya diberi izin untuk menjawabnya, *the power to disburse* (kuasa untuk membelanjakan) bukan kepada pembangkang, amanah untuk membelanjakan duit kerajaan, duit rakyat kepada kerajaan bukannya saya. Kalaulah saya diberi

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nantilah saya jawab dulu. Kalaulah pihak kerajaan merasakan bahawa kami sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat sepatutnya sepertimana juga arahan-arahan dan keperluan-keperluan yang berkait dengan rakyat diminta pandangan, diminta penyertaan, kami bersedia kerana kami juga memikul amanah sepertimana yang dipikul amanah oleh Ahli-ahli Yang daripada kawasan-kawasan kerajaan. Dan begitu juga peruntukan, Dato' Yang Dipertua, adalah tidak benar sama sekali, adalah tidak menepati kehendak undang-undang dan peraturan perbelanjaan-perbelanjaan dan peruntukan bagi kawasan-kawasan pembangkang tidak diberikan melalui pandangan-pandangan Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat. Inilah pembaharuan jika sekiranya perlu dilakukan, inilah peruntukan-peruntukan yang perlu diberikan

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak beri laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya takmboh beri laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Takkan takmboh beri kot. Sekali lagi, laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak nak beri laluan kerana apa yang dinyatakan ini tidak menepati kehendak *Standing Rules*.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pandai lempar batu saja lepas itu sembunyi tangan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak payah. Kalau perlu sembunyi tangan, kita sembunyilah tangan kita kerana sasaran kita ialah apa yang kita nak balingkan itu.

Dato' Yang Dipertua, peringatan ini sumbangan daripada pembangkang adalah asas demokrasi yang kita ada pada hari ini. Kalaulah penyertaan

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan sekali. Terima kasih. Wakil Batu Burok rupanya tidak memerintah sebelum ini, tahun 2000 hingga 2004, apakah prinsip demokrasi yang diperkatakan di Dewan yang mulia ini pernah berlaku semasa itu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, sekarang kita Yang Berhormat, semua Yang Berhormat, Wakil Batu Burok dan Wakil Alur Limbat saya minta perkara ini ditumpukan kepada butiran ini bukan terkeluar daripada apa yang sepatutnya daripada butiran tambahan ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, atas pandangan Dato' Yang Dipertua. Saya menumpukan kepada sekarang ini Perbelanjaan Peruntukan Tambahan bagi PPRT yang saya beri peringatan. Dato' Yang Dipertua, telah diperkatakan daripada Sumbangan Dana Khas yang dahulunya 100 peratus hak Kerajaan Terengganu, hak rakyat Negeri Terengganu, hak Negeri Terengganu. Sekarang ini dibahagi-bahagikan keluar, adakah kita telah menyelesaikan masalah kemiskinan di Negeri Terengganu? Negeri Terengganu kembali ke tahap yang kedua termiskin rakyatnya di Malaysia ini. Semasa kita memerintah sesingkat masa peratusan tahap kemiskinan rakyat Negeri Terengganu telah meningkat kepada tahap yang ketiga tetapi sekarang ini telah kembali ke tahap yang kedua. Sedangkan duit yang begitu banyak, hasil yang telah diberikan oleh Allah S.W.T. di bawah royalti petroleum sekarang ini diberi kepada negeri-negeri lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Butiran mana Yang Berhormat bercakap tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): PPRT, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan jauh sangat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini butiran PPRT

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin penjelasan. Dato' Yang Dipertua, saya rasa Wakil Wakaf Mempelam cuba bermain politik dalam Dewan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Guana duk ingat ke saya sokmo ni? Bulan-bulan puasa ni sebut nama saya sokmo ni.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dah salah, marah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, kita jumpa di luarlah lepas ni.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak marah tak apalah. Dato' Yang Dipertua, Wakil Batu Burok cuba bermain politik dalam Dewan yang menyatakan semasa zaman Pas Negeri Terengganu tak miskin, masa zaman Barisan Nasional miskin berasaskan jumlah penerima Bantuan Kebajikan Masyarakat. Apakah Wakil Batu Burok sedar semasa zaman Pas memerintah, berapa ribu senarai bantuan ini digugurkan sebab itu dia nampak kurang. Kita tak boleh main angka-angka begini sedangkan hakikat yang sebenarnya berlaku, tanyalah rakyat Terengganu, tanyalah penduduk kampung Terengganu memang masa Pas zaman malap, kesusahan bagi mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu kenyataan Wakil Kijal itu tak betul. Yang digugurkan selepas pemutihan ialah berdasarkan kepada kedudukan yang sebenar. Saya boleh buktikan sebab saya pernah jadi Pengerusi Bantuan Kebajikan Masyarakat. Di Daerah Hulu Terengganu kita dapati orang-orang yang ada kelapa sawit 4 ekar, getah 6 ekar masih diberi Bantuan Kebajikan Masyarakat pada masa itu oleh zaman Barisan Nasional maka sebab itu kita gugurkan yang itu. Jadi kita berjaya semasa kita memerintah kita berjaya menaiktarafkan, rakyat jadi kaya walaupun kerajaan

tidak kaya kerana perbuatan orang. Ya betul, kerajaan tidak kaya kerana orang ambil royalti tetapi rakyat kaya. Tapi Barisan ni pelik dia, kerajaan kaya rakyat jadi miskin, terbalik.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, satu lagi pembohongan daripada Wakil Manir. Saya boleh buktikan bagaimana orang yang cacat anggota, pakai tongkat, miskin, diberhentikan bantuan di Kampung Nibong, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak betul, dia kata saya bohong itu tak betul. Ada 4 ekar kelapa sawit, 6 ekar getah masih diberi Bantuan Kebajikan Masyarakat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu jadi kita putihkan. Jadi bukan maknanya orang buta dia ada getah, ada kelapa sawit maknanya dia ini miskin juga kerana buta? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kijal jangan begitu

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita tidak buktikan yang itu kita cakap ini masa zaman Barisan 4 ekar kelapa sawit, 6 ekar getah boleh lagi. Macam sekarang ini semua naik, orang-orang Barisan itu buat pendapatan turun semula dah nak membolehkan dia dapat bantuan, suruh dia jadi miskin. Kita bukan tak tahu

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Dipertua, saya sebutkan tadi, di Ibok orang cacat, orang tua dikeluarkan dari senarai, tak beri bantuan dan Yang Berhormat sebut ada orang buta ada getah 4 ekar, dah orang buta dia tak pergi memotong miskin jugak dia masa itu. Aaa payah, nak pergi memotong macam mana dia buta, lepas itu takdok orang nak memotong pulak dan masa itu getah murah, miskinlah dia tapi kalau lening ada getah 4 ekar, kaya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kijal ini biar juga bercakap sedap sikit, cerdik sikit. Dia ada getah, dia tak menorehpun orang menoreh, boleh hasil jugak bukan maknanya saya memiliki 100 ekar getah saya menoreh sendiri, itu tak betul cakap kalau macam itu kita belajar ekonomi jugak.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan. Tanah getah 4 ekar, orang buta memang dia tak pergi memotong, *teppoh* pokok. Yang kedua pulak, getah murah masa itu orang takmboh pergi memotong, doksoh kata hak 4 ekar, hak banyaklah lagi orang tak

pergi memotong masa marah, lening getah mahal memang orang berebut nak pergi memotong, tiga batang orang *motong* lagi, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita ada pegawai jugak, pegawai pergi siasat ada orang *motong*, kalau tak boleh *motong* sungguh lainlah. Ini kelapa sawit tak payah *motong*, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, orang lain boleh *motong*, kait. Kelapa sawit potong lain, getah potong lain, Yang Berhormat Yang Dipertua, boleh. Tapi Wakil Kijal jangan nak menegakkan benang yang basah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan menegakkan benang yang basah, saya boleh buktikan bagaimana orang Pas memotong orang-orang yang susah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kitapun boleh bukti jugak yang 4 ekar, 6 ekar ini tapi kita kena balik ke Pejabat Daerah semulalah. Kita pergi ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Hulu Terengganu, insyaAllah. Petang ini boleh pergi ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat yang ingin

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak habis lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itulah saya kata tadi Yang Berhormat terpesong tadi

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dah dia duk berlawan tadi, saya nak masuk macam mana.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, tak apa teruskan tapi jangan terpesong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua, inilah saya kata tadi sepatutnya jadi Yang Berhormat ini, lebih-lebih lagi jadi Exco dah dua kali alah-menang, balik mari semula bacalah *Standing Rules*, dengan izin. Masa kita jawab, jawablah sungguh-sungguh, ini mintak bukti, mintak bukti kalau boleh beri bukti mari saya bagi bukti. Semasa kita Dato' Yang Dipertua, PPRT telah kita putihkan dan menurun orang miskin mungkin kerana pada masa itu duit wang ehsan mari, duit MAIDAM mari, duit macam-macam jadi kaya orang jadi kita potonglah dia. Sekarang ini jadi makin

miskin peruntukan negeri, Belanjawan kita RM1.7 bilion, rakyat makin miskin. Kontrak kita tengok, tengok api saja, tengok siang macam malam, tengok malam macam siang tetapi rakyat masih miskin. Di mana perginya duit ini, sekarang kita dah terima RM1.1 bilion lebih, kita curah ke mana? Di mana kita curah duit ini, ini rakyat nak tahu. Kalaulah kita boleh curah RM1 bilion di Terengganu ini, kita nak cakap sejarah takdok guna Dato' Yang Dipertua, dia rampas duit royalti sehinggakan kita tinggal 25 peratus tetapi kita menurunkan taraf kemiskinan di Terengganu sama ada rakyat getahnya naik, harga kelapa sawitnya naik, hakikatnya pada ketika itu bilangan orang-orang miskin yang diberi angka tadi 12,000 dan bilangan masa sekarang ini 13,000. Walaupun 1,000 beza ada tanda-tandanya secara khusus terbukti dengan angka yang diberi oleh kerajaan sendiri bahawa semasa kita memerintah bilangan orang miskin lebih kurang daripada masa merintah kaya di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari ini.

Saya hendak memberi peringatan Dato' Yang Dipertua, Ketua Audit Negara yang telah membentangkan suatu laporan daripada Dana Khas ini yang diberi kepada negeri-negeri lain sampai kepada baiki, renovasi Residen Menteri Besar Negeri Sembilan. Kenapa sampai ke sana duit kita, rakyat kita masih lagi miskin, keperluannya di sini bukannya di sana. Nak baiki Pejabat Majlis Daerah dia, mintak duit kita sedangkan kita masih lagi dalam keadaan yang daif. Bangunan-bangunan Mahkamah-mahkamah Syariah yang perlu diperbaiki dan perlu dipermodenkan tidak berlaku juga tetapi RM40 juta diberi kepada

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Laporan Ketua Audit Negara yang dipetik oleh Wakil Batu Burok tadi, adakah spesifik merujuk Dana Khas Kerajaan Negeri Terengganu ataupun secara umumnya disebut Dana Khas sebab mana-mana negeripun mungkin ada Dana Khas dia sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, kita kena bacalah, Dana Khas Terengganu tidak ada. Dana Khas ini ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat, diambil daripada bayaran yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Terengganu 5 peratus royalti Petronas. Tetapi pada hari ini

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nanti dulu, biar habis penjelasan. Biar habis nafas dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tak nanti dulu, saya pohon penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Hak saya ni, kan. Hak saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Alur Limbat duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang diambil hak kita saya kata tadi. Rakyat kita masih miskin, dia ambil hak kita dijadikan Dana Pusat/Dana Khas, dulunya wang ehsan sekarang ini Dana Khas dan Dana Khas ini dia *ece-ece*, cakap Terengganu. Dia bahagi-bahagikan juga kepada Negeri Kedah, Negeri Sembilan, Kelantan dan lain-lain lagi. Kenapa saya kata, sedangkan lain-lain lagi, ramai rakyat yang memerlukan wang ini, kita masih nombor kedua termiskin, kenapa dilarikan hak kita. Sekarang Umno dan Barisan Nasional yang memerintah Terengganu, buat balik kesemuanya. Dia hal dia, dia negeri dia, adakah hasil lombong itu hari hasil bijih, daripada Selangor, daripada Pahang, daripada Negeri Sembilan dibawa ke Terengganu? Tidak ada. Tetapi rakyat kita miskin mengikut sejarah terpanjang masa. Hah, jawab.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya senang saja. Adakah Dana Khas yang dirujuk oleh Ketua Audit Negara tersebut didefinisikan sebagai duit daripada royalti petroleum Terengganu ataupun tidak ada sebarang definisi dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, kalau Dato' izin tetapi di luar ni saya jawab. Saya dengan izin menghadiri mesyuarat National Finance Council mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada ketika itu dan saya diberi penjelasan begitu. Dana Khas ini ditubuh daripada duit Terengganu dan tak masuk kepada hasil Wang Yang Disatukan di Pusat ataupun di Negeri yang tidak ada termasuk di sini.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tak, saya rujuk kepada laporan. Saya tak tahulah apa yang berlaku semasa mesyuarat tersebut. Saya kata, Laporan Ketua Audit tersebut adakah Dana Khas ini ialah suatu duit yang disatukan daripada hasil royalti petroleum Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, duit ini tidak disatukan. Duit yang disatukan ini kepada hasil Negeri ataupun hasil Pusat, ini Wang Disatukan dipanggilnya.

Kesemua perolehan kutipan dari apa jua sumber di peringkat Pusat dimasukkan ke dalam sumber Kumpulan Wang Disatukan Pusat, begitu juga Negeri, takkan saya nak mengajar

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya Wakil Batu Burok, setuju tak kalau saya katakan bahawa Dana Khas yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Burok tersebut tidak dirujuk secara khusus kepada perolehan daripada royalti petroleum Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jawapan saya Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Alur Limbat tidak tahu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tak, Yang Berhormat jangan bercakap takdok bertanggung jawab. Beritahu setuju ke tidak setuju.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tahulah, saya bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tidak ada definisi di dalam laporan tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya bertanggungjawab. Awak tak tahu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Susah juga takdok tanggungjawab ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tanggungjawab apa. Awak tak tahu saya kata.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tanggungjawab sebagai Yang Berhormat yang menyatakan dalam Dewan dan saya tanya ada definisi ke takdok, tiba-tiba sebut jahil, tak tahu dan sebagainya. Itu memang biasalah modal pembangkang, jahil, bodoh itu memang perkataan biasa. Itulah sikap tidak bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, izinkan saya tak layan apa yang diganggu ini Dato' Yang Dipertua, ianya di luar daripada Peraturan Dewan, gangguan ini. Izinkan

saya, dia duduk Dato' Yang Dipertua dan tak ganggu lagi. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

Duit yang sepatutnya dibelanjakan untuk rakyat Negeri Terengganu yang memerlukan untuk menaikkan taraf sosio ekonomi, taraf kemiskinan yang kita dibelenggukan selama 50 tahun tiba-tiba pada hari ini dinikmati oleh negeri-negeri lain yang tak selayaknya menerima dan kita ketepikan sebanyak RM100 juta itu. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Terengganu yang memperolehi dana ini yang sehingga kini lebih daripada RM1 bilion gunakanlah untuk menaikkan taraf kemiskinan, menaikkan taraf pendapatan rakyat Negeri Terengganu sebagai perkara yang utama dan paling utama. Kita mahu negeri membangun, kita mahu melihat keindahan, kecantikan, masjid kaca, rumah kaca RM250 juta, rakyat masih lagi melihat kaca itu bukannya berlian. Apa yang boleh masuk perut rakyat, mata yang kenyang, perut yang kosong. Inilah kedudukan rakyat Negeri Terengganu pada hari ini, Dato' Yang Dipertua. Mari ke sini macam kata orang Kuala Berang turun ke Kuala Terengganu, dia kata dia tengok Bukit Puteri: "*Kaye sungguh Negeri Terengganu ini, nya-cucuh nya-mbuh, nya-cucuh nya-mbuh*", api lak itu dia kata: "*nya-cucuh nya-mbuh, nya-cucuh nyambuh*", maknanya kaya sungguh tetapi rakyat masih lagi miskin. Tadi Yang Berhormat daripada Kuala Berang bertanya pembangunan di Hulu Terengganu, takkan dia tak tahu sebagai Yang Berhormat tetapi inilah yang menunjukkan bahawa rakyat Negeri Terengganu nak kata lapar dan dahagakan kepada pembangunan yang boleh memberikan mereka peluang untuk mereka lebih selesa hidupnya masih lagi dibelunggu. Pembahagian ternakan baru-baru lalu, sasaran orang-orang yang perolehi bantuan-bantuan ini bukannya sasaran yang sebenar. Kita boleh lihat satu persatu dikaji. Begitu juga pemberian-pemberian kepada Bantuan Nelayan. Inilah yang saya katakan bahawa jabatan yang berkenaan sepatutnya mempunyai pandangan perakuan yang akan diterima oleh pihak kerajaan dan bukannya kerana kepentingan politik. Kerana semata-mata kerana kekuasaan politik seseorang itu mendapat bantuan ini dan bantuan itu. Seperti diperkatakan pada hari ini, dipersiapkan sebanyak RM48 juta untuk dibahagikan sumbangan pada hari raya. Orang yang pergi itu dengan kereta besar, dengan apa besar cuma dalam borang saja dikata saya berpendapatan kurang dari RM2,000.00. Semua orang tahu, kita boleh lihat sendiri kalaulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak percaya apa yang saya kata, minggu akhir bulan puasa ini kita pergi bersama-sama duduk di mana-mana pusat pembahagian-pembahagian wang untuk menyambut hari raya ini di bahagi-bahagikan. Kita pergi sama-sama dan kita boleh ambil pengiktibaran. Yang miskin pergi tak? Tak. Yang miskin yang mahu, boleh tapi kena masuk borang Umno dulu, ini perkara biasa. Tadi dinyatakan tanah yang telah diberi Geran, tiba-tiba

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, Wakil Batu Burok ini melalut dah nampak mengatakan bahawa

orang yang pergi itu berkereta besar dan sebagainya. Kalau ada bukti, kita ada Akuan Berkanun, tak betul, ada bukti, report. Kita terbuka untuk BPR siasat dan sebagainya. Jangan buat tuduhan begitu dan dia kata orang miskin tak pergi. Adakah orang miskin tak pergi? Jadi nampak macam jahat sangat Kerajaan Umno lening. Jadi inilah cara yang dibuat oleh pihak pembangkang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya tak sepatutnya halang dia tapi saya katanya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kalau berasa jahatpun terimalah tapi saya tak kata jahat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok, maknanya Penjelasan Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tapi saya kata bahawa rakyat Negeri Terengganu masih perlukan kepada pembelaan kewangan dan kewangan itu berada pada kerajaan pada hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak mahu penjelasan daripada awak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Batu Burok sila duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, apa yang saya perjelaskan kepada Wakil Batu Burok, jangan bercakap sekadar sedap mulut, kita berada di dalam bulan puasa jadi kalau ada bukti-bukti, kita terbuka dan apa yang kita buat hari ini Yang Dipertua, memang pembelaan untuk mengangkat mertabat dan saya yakin hari ini tidak ada lagi rakyat Terengganu yang kebuluran mati tidak makan. Kalau ada sila kemukakan. Tak tahulah kecuali orang Pas yang merasakan duit kerajaan duit haram, kalau adapun barangkali sebab ada lagi segolongan manusia yang merasakan bahawa sumbangan kerajaan tidak boleh makan sebab haram kerana sumber daripada yang tidak halal. Kalau adapun saya yakin ini adalah dari golongan Pas yang taksab dengan fahaman mereka tapi kalau ada kemukakan. Jadi Batu Burok ada

berapa orang hak kebuluran tidak makan, di Wakaf Mempelam, di Manir beritahu sebab kita terbuka. Pohon penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi 5 minit lagi kalau menepati butiran yang perlu dibahas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, perlu saya jawab apa yang dibangkitkan oleh Wakil Ajil Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan tugas Yang Berhormat menjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Okey. Tak timbul soal kebuluran kerana kemiskinan tegar, kemiskinan biasa ada had/*limit* yang diberi oleh kerajaan. Apa guna kita bercakap hal kebuluran? Apa yang kita perlu pada hari ini hakikatnya, faktanya kita terima bahawa rakyat Negeri Terengganu yang kedua termiskin selepas Sabah di Malaysia pada hari ini, ini hakikatnya dan inilah apa yang saya bangkitkan. Dan penyelewengan pembahagian, salah guna kuasa dalam pembahagian berleluasa. Kalaupun pada hari ini

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sekejap, sekejap. Kalaupun pada hari ini

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sekejap, sekejap, jangan putus fikiran saya. Kalaupun pada hari ini Yang Berhormat Ajil sebagai orang yang dipertanggungjawabkan

Duduk, duduk sekejap, saya tak beri laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya pohon penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak mahu penjelasan dengan awak.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Sebut pasal penyelewengan ini saya nak tahu ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini nak bagi tahulah ni (*dengan nada tinggi*).

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Wakil Batu Burok, jangan marah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak marah cuma keras sikit suaranya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ooh keras ya, tapi biarlah bertanggungjawab.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nak jawablah ni

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Keras biarlah bertanggungjawab, sebut pasal penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, sebut sekarang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini saya nak bagi tahulah ni. Saya nak bagi tahu ni. Dato' Yang Dipertua, kalaulah hari ini Yang Berhormat Ajil sebagai orang yang dipertanggungjawabkan, dan akan *honour*, akan menghormati kata-kata akur janjinya yang diberinya sekejap tadi, saya harap saya akan kemukakan mereka-mereka yang di bawah paras kemiskinan melalui Pejabat Wakil Rakyat saya, saya mahu dinilai oleh Pejabat Kebajikan, saya mahu ianya dilulus jika sekiranya ia bertepatan ataupun apa yang akan dijawab oleh Yang Berhormat Ajil di atas permohonan yang akan saya buat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila. Kita mengalu-alukan dan akan kita ambil perjalanan segera. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, ya, saya ucap terima kasih kalaulah itu pengakuan kerana saya ada satu kes tadi seorang ibu tunggal yang terpaksa naik-turun Pejabat Wisma sampai ke tahap dia minta pandangan saya boleh ke tidak saya berjumpa Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyatakan penderitaan yang saya harap

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak laluan, sekejap saja satu soalan sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dan dia menjelajah, saya tengok kertas-kertas, nota-nota yang diberi tulis tangan dan sebagainya sampai kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, sampai ke Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi dia masih lagi menjalan

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nanti kejap. Dia masih lagi menyatakan bahawa apa yang dipohon, apa yang diminta untuk pembelaan masih lagi tidak

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok):dibenarkan kerana saya ini bukan Ahli Umno, ini apa yang dinyatakan. Jadi dengan pengakuan yang diberi oleh Yang Berhormat Wakil Ajil tadi, saya harap saya akan kemukakan senarai ini dengan salinan-salinan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat untuk dibuat penilaian bersama, sama ada mereka-mereka yang perlu kepada bantuan ini benar-benar di dalam kategori yang sepatutnya diluluskan atau tidak. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Berhenti dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian? Tak ada. Sekarang saya buka untuk undian

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan untuk menjawab apa yang diperkatakan oleh Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk sekejap. Yang Berhormat duduk sekejap. Jadi saya nampak ada pihak kerajaan untuk memberi jawapan pada perbahasan ini untuk usul ini sahaja dahulu pada hari ini dan gulungan yang lain akan dibuat pada besok. Saya persilakan pihak kerajaan untuk membuat gulungan berhubung dengan usul ini sahaja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya hanya mengambil masa ringkas untuk menjawab segala tuduhan-tuduhan yang tidak berasas yang dikemukakan terutamanya oleh ADUN Batu Burok terhadap apa yang dilaporkan pada hari ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalnya yang pertama semasa Pas memerintah 4 tahun dan pada ketika itu, saya dan Yang Berhormat Kemasik menjadi pembangkang, tidak ada satu inisiatifpun yang dilakukan oleh kerajaan ketika itu untuk membasmi kemiskinan. Lantaran itu, sepanjang 4 tahun pemerintahan kerajaan tersebut cuma *percentage* penurunan mengikut kadar lama, satu persen sahaja. Saya ulangi, kadar kemiskinan rakyat Terengganu ketika itu selama 2000 hingga 2004 hanya sekadar 1 persen sahaja. Jadi ini menunjukkan bahawa kerajaan ketika itu pandai bercakap tetapi tidak mampu melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk memastikan rakyat miskin dan termiskin terbela ketika itu. Cuma dia syok seorang, dia kata: rakyat kaya kerajaan miskin. Tidak, sebenarnya rakyat miskin dan kerajaan lebih miskin ketika itu. Saya ulangi rakyat miskin dan kerajaan lebih miskin ketika itu. Berbanding kita sekarang, kita membina rumah, memberi Bantuan Am dan sebagainya dan kita naikkan lagi daripada RM100 kita naikkan jadi RM200. Jadi menunjukkan kesungguhan kita untuk membela, kita bukan bercakap saja, insyaAllah, 1 Januari 2007 mereka-mereka yang mendapat Bantuan Am kerajaan yang sekarang ini mendapat RM100 kita naikkan jadi RM200 sama dengan apa yang dilaksanakan di peringkat Pusat. Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kenapa kita dikatakan lebih miskin sekarang? Persoalannya bangga atau tidak kita, kita dikatakan miskin tapi kita mampu pakai kereta Waja berbanding orang kata kita kaya tetapi jalan kaki, ini situasi yang berlaku dalam negara kita. Hari ini kita dapati bahawa ramai orang-orang yang dikatakan miskin sudah ada motor, sudah ada kereta atau kereta *second-hand* dan ada t.v. dan lebih hebat lagi sesetengah kampung yang nampak miskin tapi ada Astro. Inilah yang saya katakan tadi bahawa kita dikatakan miskin walaupun kita merasa agak terkilan diisytiharkan sebagai nombor 2 termiskin di Malaysia tapi dalam keadaan kemiskinan kita rakyat kita nampaknya hebat, rakyat kita nampaknya mampu bergaya. Sebab itu adakah kita tidak berbangga orang kata kita miskin tetapi kita mampu hidup selesa berbanding orang mengatakan kita kaya tapi kita merempat. Itu dua senario yang berbeza. Dan, yang ketiga, kadar kemiskinan meningkat ini ada ah disebabkan sebagaimana yang saya katakan tadi kerana kadar lama miskin tegar ialah RM57 perkapita sebulan, maknanya satu keluarga dia dapat RM57 seorang sebulan tapi hari ini dengan

kadar baru ini naik menjadi RM94. Jadi dengan peningkatan ini sesungguhnya meningkat dan hari ini yang kerja keranipun dikatakan miskin. Jadi ini kita bukan berbincang pasal definasi sampai bilapun kita bincang pasal definasipun tak selesai yang penting ialah mempraktikkan dan kita menunaikan segala janji-janji yang kita buat untuk pastikan orang yang layak memiliki rumah kita beri rumah, orang yang layak kita beri modal perniagaan kita beri modal perniagaan dan orang yang layak atau perlu diberi peruntukan untuk Bantuan Kesihatan kita beri Bantuan Kesihatan. Itu hasil daripada kerajaan yang bertanggungjawab. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, izinkan saya memberi sedikit penjelasan tentang Tambah Peruntukan tadi. Yang pertama, tentang tambahan sedikit peruntukan untuk Asrama KUSZA. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Asrama KUSZA yang lama telahpun dijual kepada KUSTEM pada tahun 2004, dah 3 tahun dah jual. Asrama itu boleh menampung 2,000 orang pelajar dan apabila dijual kepada KUSTEM proses penjualannya masih lagi belum selesai lagi buat masa ini sehingga dijangka sampai bulan 10, 2006. Oleh sebab itu, KUSZA terpaksa membina asrama baru kerana yang itu telahpun dijual kepada KUSTEM. Maka KUSZA telahpun

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan Dato' Yang Dipertua, maknanya 3 tahun jual tu tak boleh duit lagi?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Apa dia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jual 3 tahun belum boleh duit lagi?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Boleh separuh baru, sekarang ini proses untuk dibayar balik semua oleh pihak *Federal* kepada KUSTEM dan KUSTEM kepada KUSZA. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri memenuhi janjinya untuk pastikan bahawa yang Asrama KUSZA dapat disempurna sebaik mungkin. Dan ini bukan beri saja dan pihak Kerajaan Negeri akan mendapat balik daripada Kerajaan Pusat apabila tiba masanya nanti yang berjumlah RM9 juta. Ini *progress payment*, dengan izin. Yang kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pohon penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Ya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): *Progress payment* ini bangunan dalam pembinaan, asrama yang kita bagi asrama yang sudah siap, tidak ada *progress payment*.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Inilah yang dikata Wakil Batu Burok tak tentu-kalu. Asrama yang sudah siap, lama dah siap, tandatangan bagi asrama itu pada bulan 11, 1999 dulu lagi dahpun siap itu asrama, Asrama KUSZA, 2,000 orang duduk, yang duduknya separuh pelajar KUSZA, separuh pelajar KUSTEM. Kemudian KUSZA menjual asrama itu kepada KUSTEM jadi *student* KUSTEM duduk, *student* KUSZA tak boleh duduk lagi dah sebab itu KUSZA terpaksa buat asrama baru. Bila asrama baru dibuat, *progress payment* kena bayar. Inilah peruntukan yang kita mintak tu

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, asrama baru itu boleh duduk selalu? Yang kerajaan pergi jual Asrama KUSZA kepada KUSTEM sedangkan KUSZA tak cukup asrama dengan jual tu buat hak baru tu boleh duduk selalu ke tidak?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tak payah jawab soalan tu. Yang kedua, Dato' Yang Dipertua tentang Istana Tuanku di Kuala Lumpur. Adapun tentang lokasi pemilihan itu tertakluk kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan Kerajaan Negeri bersetuju dengan kapasiti hak Sultan sebagai Timbalan Yang Dipertua Agong projek ini perlu disegerakan dan sedang dibuat sekarang ini. Jadi alhamdulillah, kita bersetuju untuk menampung sebanyak RM10 juta bagi Istana Tuanku di lokasi dekat Jalan Tun Razak.

Yang ketiga, tambahan untuk PPRT ini, yang banyak diulas oleh teman saya ini. Sebenarnya, kalau kita lihat dan dengar dari segi data yang diberikan oleh Wakil Batu Burok memang gerun, banyak, seolah-olah makin hari makin banyak dia punya data. Saya sebagai Pengerusi, Bantuan Am di Marang, Daerah Marang sajalah dan saya dapati bahawa kebanyakan yang dapat Bantuan Am ialah terutama sekali kes-kes perubatan, sakit, ketot, cacat dan lain-lain dan yang keduanya ialah orang-orang yang berumur/tua, 80, 90 nak berasa sikit duit kerajaan, jadi kita beri sikitlah. Tetapi yang benar-benar ada anak ramai, miskin itu kurang. Jadi ini sebenarnya kalau kita tengok angka mungkin kerajaan negeri lain tak beri hak lagu ni, kita beri sebab itu jika campur semua orang-orang sakit, ketot dan segala macam *plus* dengan orang yang tua-tua ini memang ramailah. Ini adalah angka yang patut kita terima. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada lagi pihak kerajaan? Tak ada. Sekarang saya buka kepada undian.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan Dewan kepada esok hari Rabu, 27 September 2006 jam 9.30 pagi. Marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.30 PAGI.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 27 SEPTEMBER, 2006

**HARI RABU,
27 SEPTEMBER 2006**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 64]
2. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - (i) Soalan-soalan Lisan. [Muka 68]
3. Rang Undang-Undang:
 - (i) Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Pertama)(Pindaan)2006. [Muka 95]
 - (ii) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 2006. [Muka 98]
 - (iii) Enakmen Ses (Perhutanan Negara) (Pengesahan) 2006. [Muka 111]
4. Tangguhan. [Muka 114]
5. Lampiran [Muka 115]
[Jawapan-Jawapan Bagi Soalan Bertulis]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DSMZ.,DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, SMT.,PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Dato' Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, DPMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Haji Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,KMN.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad, AMT.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah, AMZ.
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT.,AMZ.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca umul kitab – AL-FATIHAH.

Mesyuarat pada pagi ini akan diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan dalam tempoh masa 1 jam. Saya akan memanggil Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan masing-masing mengikut pusingan sebagaimana yang dibuat pada 26hb. September, ataupun kelmarin. Setiap Yang Berhormat hanya dibenarkan mengemukakan satu soalan sahaja bagi pusingan pertama dan seterusnya. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor 1 saya telahpun dijawab kelmarin melalui soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengkalan Berangan, oleh itu saya pergi ke soalan yang kedua -

Apakah status terkini Kadar Kemiskinan Rakyat Terengganu mengikut pecahan daerah dan berapa ramai mereka yang telah terkeluar daripada senarai kemiskinan selepas Program Pemutihan dilaksanakan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Wakil Kemasik yang ingin mengetahui status terkini Kadar Kemiskinan Rakyat Negeri Terengganu selepas pemutihan dilaksanakan mengikut daerah.

Jawapannya adalah jumlah terkini golongan miskin dan termiskin mengikut daerah sehingga 4 September 2006 adalah sebagaimana berikut:

<u>Daerah</u>		<u>Jumlah</u>
Kuala Terengganu	-	6,250
Besut	-	3,165
Kemaman	-	2,523

Dungun	-	3,219
Hulu Terengganu	-	2,703
Marang	-	2,365
Setiu	-	2,344

**Jumlah keseluruhan keluarga miskin - 22,569
dan termiskin di Negeri Terengganu**

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Bagi mengatasi masalah tempat tinggal penduduk yang miskin ini kerajaan telah membina dan juga membaiki rumah-rumah mereka bagi keselesaan, boleh Yang Berhormat terangkan hingga hari ini bermula tahun 2005 dan 2006 berapakah jumlah rumah-rumah yang dibina baru dan juga dibaiki untuk golongan miskin ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Dipertua. Kerajaan amat komited untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat kerana ayat Quran ada mengatakan bahawa (membaca Surah Al-Maa'uun ayat 1 dan 2) iaitu: "Orang-orang yang membohongi agama ialah orang-orang yang mengabaikan anak-anak yatim dan orang-orang miskin". Lantaran itu, sepanjang tahun 2005, kerajaan telah membina baru rumah dengan nilai RM12,000 ketika itu ialah sebanyak 1,377 buah dan perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan pada tahun 2005 ialah RM16,524,000. jadi ini menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan untuk memastikan golongan-golongan yang daif dan miskin ini mendapat tempat tinggal yang selesa. Dan pada tahun 2006, kita menjangkakan kita akan membina sebanyak 1,920 buah rumah dan satu perkara yang merasa amat memberikan suatu rasa gembira kepada rakyat dan kepada kita pihak kerajaan ialah harga nilai rumah telah dinaikkan daripada RM12,000 kepada RM15,000. Ini menunjukkan bahawa kesungguhan pihak kerajaan untuk memastikan golongan-golongan yang kurang bernasib baik di negeri ini dibela dan lantaran itu kita membina, bukan sekadar kita membina malah kita membaiki rumah-rumah yang uzur, rumah-rumah yang daif dengan belanja RM5,190 satu buah. Jadi ini komitmen kerajaan untuk memastikan apa yang kita lakukan akan membuahkan hasil. Cuma perbandingan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perbandingan sewaktu zaman Pas dahulu yang ketika itu tidak ada perancangan khusus yang dilakukan yang mana sepanjang 2001 cuma dibelanjakan RM1.7 juta sahaja berbanding dengan kita 2004 walaupun kita ambil hampir separuh penggal RM1.8 juta. Pada 2005 oleh kerana ketidakmampuan ataupun bahasa Terengganu kata "*ketidakrokkkan*" makna Kerajaan Pas tidak *rok* masa itu berbelanja RM0.87 juta sahaja tidak sampai RM1 juta untuk membantu orang miskin berbanding dengan kita pada 2005 Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita berbelanja RM30.5 juta, ini peruntukan negeri sahaja sepanjang 2005. Ini menunjukkan dan

menafikan sekeras-kerasnya apa yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok sebagaimana yang saya katakan kelmarin: "Kura-kura dalam perahu, pura-pura tak tahu". Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Untuk mengatasi masalah kemiskinan ini kerajaan telah mengeluarkan bantuan-bantuan yang merupakan bantuan kewangan dan sebagainya. Boleh Yang Berhormat terangkan bentuk bantuan-bantuan yang diberi kepada golongan miskin dan jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi yang terlibat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua. Banyak bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk nak mengeluarkan rakyat daripada belunggu kemiskinan. Saya ulangi semula perkataan ini, kita amat komited dari segi kemiskinan kita tidak ada kompromi untuk pastikan rakyat kita keluar daripada belunggu kemiskinan yang durjana ini. Lantaran itu, di bawah skim yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar dan Wilayah, oleh UPEN, Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Daerah, KEMAS, RISDA dan sebagainya ianya ada pelbagai program yang telah dilaksanakan antaranya:

- (i) Program Peningkatan Pendapatan
- (ii) Program Bantuan Rumah (membina baru dan baiki)
- (iii) Program Makanan Seimbang agar rakyat mendapat makanan yang berzat
- (iv) Program Pembangunan Minda Insan di mana kita adakan kursus-kursus kepada ketua isi rumah untuk memberi kesedaran dan perubahan sikap
- (v) Program dan latihan kerjaya
- (vi) Program kecemerlangan pendidikan untuk anak-anak PPRT atau anak-anak keluarga miskin terutama yang menduduki peperiksaan-peperiksaan umum di sekolah-sekolah
- (vii) Program Bantuan Bulanan
- (viii) Program Amanah Saham Bumiputera.

Di bawah Kebajikan Masyarakat pula kita ada 7 program yang dilaksanakan. Yang pertama, Bantuan Am Bulanan. Alhamdulillah, insyaAllah, 1 Januari 2007 peningkatan jumlah bantuan ini daripada RM100 kepada RM200. Ini keprihatinan kita untuk membantu golongan miskin ini. Kemudian Bantuan Pelancaran, Bantuan Alat Tiruan, Bantuan Bencana Alam, Bantuan Baiki Rumah, Bantuan Persekolahan dan Bantuan Jaya Diri untuk mereka yang ingin berdikari. Selain daripada itu, Yayasan Pembangunan Keluarga juga ada menjayakan Program Jaya Diri (PJD)

untuk membantu orang-orang yang ingin berniaga untuk memberi modal perniagaan. Dan satu lagi di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia di mana Amanah Ikhtiar Malaysia memberi pinjaman modal yang sehingga kini hampir RM40 juta telah dikeluarkan untuk membantu orang-orang ini untuk keluar daripada belunggu kemiskinan. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat setuju apa yang dikata oleh pihak pembangkang kelmarin bahawa kerajaan hari ini tidak membela rakyat miskin dan tidak memberi kecaknaan kepada rakyat miskin sebagai satu pembohongan dan satu ungkapan yang tidak bertanggungjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya sangat-sangat bersetuju bukan 100 peratus, 1,000 peratus dengan apa yang dikatakan kerana memang Wakil Batu Burok ini daripada dahulu lagi dah suka berbohong. Kalau kita ingat dulu sejarah, bawa surat layang ke Dewan, surat nama lain, tandatangan lain, kemudian tuduh kerajaan *disponsor* communicator dan sebagainya. Inilah modal-modal yang dikeluarkan oleh pihak pembangkang untuk menimbulkan rasa benci rakyat kepada kerajaan. Sebab itu Yang Berhormat Yang Dipertua, saya menyatakan di sini dan saya tegaskan di sini bahawa dengan apa yang kita lakukan terutama kepada golongan yang kurang bernasib baik, golongan yang miskin ini kalau ada yang mengatakan lagi kerajaan hari ini jahat, kerajaan hari ini tidak bertanggungjawab, kepada saya golongan itu adalah golongan yang tidak waras. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Kemasik. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir-rahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Banyak jabatan-jabatan yang terlibat dalam program membantu golongan miskin dan tidak bernasib baik. Adakah kerajaan bercadang hendak menyelaraskan atau menyusun semula fungsi jabatan-jabatan berkenaan supaya tidak bertindih dan lebih berfokus?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Langkap yang soalnya hampir sama dengan Wakil Kemasik cuma statistik tambahan yang mana Wakil Langkap ingin mengetahui jabatan yang terlibat yang membantu golongan miskin yang tidak bernasib baik.

Jawapannya ialah kerajaan telah mengambil langkah menyelaras program-program yang menjurus ke arah membantu golongan miskin dan tidak bernasib baik di negeri ini. Sebagaimana yang saya katakan tadi, hari ini program-program seperti bantuan rumah di mana tanggungjawab diberi kepada Pejabat Daerah berbanding sebelum ini dilakukan oleh pelbagai agensi. Jadi ini untuk mengelakkan berlaku penindasan tugas yang dilaksanakan oleh pejabat-pejabat kerajaan. Dan tindakan tersebut mampu untuk mengelakkan pertindihan dan selain daripada itu kita ada jugak menyediakan pangkalan data yang kita sediakan melalui Pejabat Daerah untuk membuat penyemakan kepada golongan miskin dan termiskin yang mana dengan ada penyemakan ini alhamdulillah, sehingga kini kita mampu mengeluarkan, memutihkan golongan miskin sebanyak 7,029 orang. Sebagaimana saya pernah katakan dahulu bahawa miskin di negeri kita ini ada 3 kategori, yang pertama miskin benar atau miskin tegar, yang kedua miskin biasa dan yang ketiga miskin relatif, yang selalu keluar dari data kita ialah miskin relatif yang bergantung kepada hasil komoditi terutamanya getah dan jugak kelapa sawit. Jadi dengan adanya pemutihan yang kita laksanakan yang pemutihan ini berjalan secara berterusan untuk pastikan golongan yang benar-benar layak sahaja yang mampu dan diberi bantuan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Oleh yang demikian kita merasakan bahawa apa yang kita rancangkan ini sesungguhnya berfokus dan menjurus kepada sasaran yang kita tuju. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, saya rasa kebanyakan berhubung dengan soalan ini telahpun dijelaskan dan saya tidak ada apa-apa soalan tambahan lagi. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Langkap. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wa'harakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah gejala sosial di kalangan remaja dan belia dan sejauh manakah hasilnya?

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Dewan. Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Rhu Rendang yang berbunyi: Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah gejala sosial di kalangan remaja dan belia dan sejauh manakah hasilnya?

Untuk menjawab soalan ini suka saya nyatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri telah merangka serta melaksanakan beberapa program dan aktiviti khusus dalam menangani masalah-masalah tersebut. Selain memfokuskan kepada program yang berbentuk kepada keilmuan seperti kursus, seminar, bengkel dan berbagai program untuk pembangunan kerohanian. Kerajaan Negeri juga mengambil pendekatan dalam membudayakan sukan dengan menyediakan atau mengadakan berbagai aktiviti-aktiviti yang melibatkan kecenderungan serta minat remaja dengan menyediakan kemudahan infrastruktur sukan dan rekreasi seperti gelanggang extreme, gelanggang futsal dan sebagainya sebagaimana untuk memenuhi minat dan tuntutan di kalangan remaja. Selain daripada itu, program-program juga kita jayakan seperti program, kalau kita lihat ramai di kalangan belia dan remaja berminat kepada acara-acara yang bermotosikal. Kita adakan acara Sprint Test kepada mereka yang berminat kepada motosikal. Kita adakan kepada mereka yang berminat kepada bola sepak kita adakan Kejohanan Bola Sepak Piala Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang keseluruhan JKKK di seluruh Negeri Terengganu terlibat dalam menjayakan program ini. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Wakil Rakyat yang telah memberikan kerjasama yang cukup baik. Tak tahulah Rhu Rendang terlibat atau tidak. Dan juga melalui Program T-Team yang juga menjadi minat kepada golongan remaja di mana penyertaannya cukup membanggakan kita lebih daripada 8,000 telahpun menyertai melalui Kejohanan T-Team ini yang berlangsung di setiap daerah ataupun Parlimen di Negeri Terengganu. Kita juga mengadakan program-program termasuk Program Futsal yang hari ini menjadi minat di kalangan remaja di daerah-daerahpun ada, di peringkat negeripun ada. Mengadakan program-program seperti extreme untuk Sukan Berkuda. Alhamdulillah, Sukan Berkuda ada remaja dari Terengganu walau kali pertama masuk dalam pertandingan di peringkat kebangsaan telahpun mendapat johan di peringkat kebangsaan. Begitu juga Program Paragliding, BMX, Skate Board, Motor Endurance, Roller Blade dan sebagainya. Di samping itu, kita mengadakan program-program, ini bentuk program Sukan Rakyat dan juga Sukan Tradisional yang kita jayakan untuk mengelakkan daripada mereka terjebak di dalam gejala-gejala sosial. Dan yang paling besar sekali kejayaan kita sukan yang baru kita ceburi tapi kita mendapat juara di peringkat dunia iaitu Acara Formula Future yang diadakan pada 29hb Ogos hingga 2hb September, di mana 2 orang anak Terengganu iaitu Muhammad Hanif Ramli – Johan Kategori Kelas 1 dan juga Sazwan Mohamad Nor – Johan Kategori Kelas II dalam Kejohanan *Formula*

Future di peringkat antarabangsa. Inilah kejayaan-kejayaan yang telah dicipta kerana ini kita yakin dengan program-program yang kita adakan ini boleh mengelakkan golongan kita daripada terjebak di dalam gejala sosial.

YANG BERTHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Adakah mereka-mereka ini datang daripada Rhu Rendang?

YANG BERTHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang tidaklah. Yang menang ini, satunya daripada Gong Badak dan satu lagi dari kawasan Bukit Tunggul. Tidak ada dari Rhu Rendang. Ini adalah antara usaha-usaha yang kita jayakan dan juga saya nak maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini berkait dengan soalan yang dikemukakan kejayaan-kejayaan yang telah dicipta oleh kita, hasil daripada program-program yang telah kita laksanakan iaitu di mana kadar peratus jenayah sama ada jenayah dalam kes juvana ataupun lain-lain kes telah menurun sebanyak 25 peratus berbanding tahun 2002 hingga 2004. Inilah kejayaan-kejayaan yang kita dapat melalui program-program yang kita laksanakan. Begitu juga melalui program-program yang kita laksanakan ini sambutan daripada kalangan remaja dan belia dalam menjayakan program yang kita anjurkan cukup membanggakan sekali. Contohnya, yang kita cuba nak mengelakkan daripada golongan remaja terlibat kepada masalah gejala lumba haram dan sebagainya baru-baru ini pada 22hb seramai 5,080 orang telah daftar hadir tetapi itu yang daftar mungkin yang tidak daftar lebih daripada itu hadir untuk nak menyatakan bahawa kita akan bersama-sama mengelakkan daripada terjebak ataupun berlakunya masalah gejala sosial di Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, kalau tak ada soalan tambahan, terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan satu -

Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan orang ramai mengamalkan budaya membaca?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan dan Ahli Dewan sekalian. Untuk menjawab soalan yang pertama mengenai langkah-langkah yang telah

dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan orang ramai mengamalkan budaya membaca. Beberapa langkah telahpun dilaksanakan oleh kerajaan melalui terutamanya Perpustakaan Negeri dan juga desa bagi memastikan orang ramai mengamalkan budaya membaca dengan program-program seperti berikut:

- (i) Bacaan Kegemaran Saya (BKS) untuk kanak-kanak.
- (ii) Bicara Karya (penulis buku membuat ulasan karya yang ditulis oleh mereka) untuk golongan belia dan juga dewasa.
- (iii) Kembara Ilmu (untuk golongan belia dan dewasa).
- (iv) Pertandingan Bercerita untuk pelajar-pelajar sekolah rendah.
- (v) Bengkel Kem Mesra Komputer (untuk pelajar-pelajar sekolah rendah).
- (vi) Bengkel Perpustakaan Keluarga (dibuat di tiap-tiap perpustakaan desa).

Yang keduanya, kita mengadakan peruntukan secukupnya untuk membeli buku di perpustakaan dan tahun ini (2006) RM2 juta untuk perpustakaan negeri, desa dan juga di mukim-mukim. Ini adalah dua perkara yang kita buat untuk pastikan bahawa orang ramai lebih berminat untuk membaca. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan. Berapakah jumlah pembinaan perpustakaan desa yang telah dilaksanakan sepanjang 2005?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bilangan tepat saya mintak notislah. Data belum ada lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua Dewan, sebelum itu saya mohon penjelasan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Kita dapati bahawa di negeri kita terdapat Perpustakaan Awam Negeri yang terletak khususnya di simpang untuk naik ke Jambatan Sultan Mahmud. Adakah kerajaan sedar bahawa walaupun duduk di tepi jalan tetapi daya tarikan untuk masuk ke perpustakaan khususnya pintu masuk dan gambaran untuk memberikan galakan

kepada penduduk masuk ke perpustakaan agak tidak mempunyai daya tarikan yang baik, adakah kerajaan sedar tentang kedudukan tersebut? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dia cuma masuk ikut dalam saja tapi dari segi nama dan sebagainya, kita telah buat besar-besar dah nama ataupun *signboard* Perpustakaan Negeri Terengganu, itupun dah comel dah cuma masuk dalam sikit saja, saya ingat itu tak ada masalah, nak masuk ikut jalan besar tak boleh, pasal itu dalam peraturan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Paka mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 -

Sempena Tahun Pertanian sebagai sasaran Kerajaan Negeri pada tahun ini 2006?

- a. *Apakah bidang yang menjadi keutamaan dalam menjana pendapatan kumpulan sasar dan sejauh mana pelaksanaannya?*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Paka. Bagi menjawab soalan yang telah dikemukakan iaitu sasaran kerajaan dalam melaksanakan pendapatan kumpulan sasar hasil daripada Tahun Pertanian Terengganu yang bermulanya ke era baru kaedah Pertanian Terengganu, suka saya menyatakan bahawa kita telah memberi kepada tiga sub sektor yang penting:

- (i) Tanaman
- (ii) Ternakan
- (iii) Akuakultur

Dalam sub sektor ternakan, sukacita saya maklumkan bahawa tumpuan telahpun diberi kepada tanaman padi kerana tanaman padi merupakan tanaman asas ataupun kita lebih menekankan kepada *food security*. Jadi dalam hal ini kerajaan telahpun mensasarkan kepada dua kawasan iaitu kawasan jelapang dan di luar jelapang. Di Terengganu pada masa ini terdapat 17,680 hektar tanah padi dan alhamdulillah, setelah penggunaan beberapa kaedah termasuklah jentera yang bagus ataupun moden seperti *transplanter* untuk mencedung dan juga

penggunaan baja-baja yang baru, peningkatan kepada penanam padi mulai bertambah umpamanya kalau di kawasan dulu, mereka hanya mendapat 4 hingga 5 metrik tan satu hektar sekarang sudah mencapai kepada 8 hingga 10 metrik tan. Selain daripada penekanan itu, sub sektor pertanian juga telahpun menekankan kepada buah-buahan dan buah-buahan yang telahpun dibuat pada masa ini ialah buah-buahan yang boleh membantu golongan miskin terutamanya seperti buah labu manis, buah tembikai, lada dan juga sayur-sayuran. Jadi kita di Terengganu sekarang ini terdapat kawasan seluas 22,862 hektar kawasan buah-buahan. Manakala kita keseluruhan Negeri Terengganu mempunyai 1,357 hektar lagi kawasan sayur-sayuran yang melibatkan hampir 5,000 peserta.

Selain daripada tanaman, sukacita dinyatakan juga bahawa tumpuan jugak diberi kepada akuakultur. Jumlah penternak ikan pada masa sekarang ialah 1,209 orang dan kerajaan telahpun memberi bantuan dalam bentuk makanan, benih dan juga tangki. Bagi golongan nelayan di Terengganu sekarang ini berjumlah 8,058 orang. Sebahagian besar telah kita bantu bot, injin dan peralatan-peralatan nelayan di samping kita juga memberi bantuan mereka untuk tanaman sayur-sayuran.

Yang ketiganya, ialah dari segi ternakan. Tumpuan kerajaan sekarang ialah ternakan kambing kaprima dan pada masa ini 8 lembah kaprima telah diwujudkan. Walau bagaimanapun, kita hanya dapat mengeluarkan sejumlah 4,000 baka kambing dahulu memandangkan masalah dari segi mengimport kambing dari luar negeri. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa usaha-usaha untuk menambahkan lagi baka. Usaha-usaha ini telahpun dibuat di beberapa pusat di Jerangau dan juga di Jenang bagi membantu pengeluaran baka kambing *local* dan alhamdulillah, insyaAllah 2 – 3 tahun lagi hasilnya akan kita nampak.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, di samping kita menekankan kepada sasaran tersebut, kerajaan telah mensasarkan untuk membantu 10,000 orang miskin daripada petani, nelayan dan penternak. Jadi dalam hal ini usaha-usaha telahpun kita laksanakan dan nampak jelas bahawa sebahagian besar daripada penanam dan juga penternak telahpun mendapat bantuan daripada kerajaan. Namun demikian, walaupun sasaran pada tahun ini belum lagi tercapai iaitu tambahan sebanyak RM500 pendapatan setiap seorang petani tetapi sebahagiannya telahpun mencapai lebih daripada itu. Dalam usaha ini Dato' Yang Dipertua, Program Bumi Hijau telahpun kita lancarkan di Negeri Terengganu yang mana akan dapat dan telah memberi keuntungan serta galakan kepada semua penduduk dan telahpun kita sasarkan pada masa ini tidak kurang daripada 11,000 orang telahpun mendapat menafaat. Jadi dengan hal yang demikian bukan sahaja kita menggalakkan mereka untuk membantu dari segi kemiskinan mereka, kita juga

menggalakkan mereka untuk diperkenalkan dengan kaedah-kaedah yang lebih baik serta mudah bagi membantu kemiskinan mereka dapat di atasi.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, apa yang dijelaskan tadi banyak melibatkan program untuk tambahan pendapatan kepada sehingga 10,000 orang miskin tetapi saya tidak terdengar apakah program yang dilaksanakan untuk melahirkan usahawan ataupun untuk menarik siswazah dalam mencebur diri menjadi usahawan di dalam bidang pertanian ini. Apakah ada program yang seumpama ini dibuat oleh kerajaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua, siswazah ada kita bantu di dalam program fertigasi, program ternakan kambing kaprima dan juga ternakan ayam kampung dan ayam pedaging. Dalam sebahagian daripada 8 lembah kaprima kita telahpun mensasarkan supaya sebahagian daripada siswazah-siswazah dimasukkan dengan memberi seluas 50 ekar 1 kelompok.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil daripada Paka. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Apakah pihak kerajaan berpuas hati dengan perkhidmatan
JKKK seluruh Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Wakil Sura bertanya berkaitan perkhidmatan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung) seluruh negeri.

Jawapannya ialah sebahagian besar perkhidmatan JKKK adalah memuaskan dan kerajaan amat berpuas hati dengan perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, kata orang "dalam nyior setandang ada hak komeng" ada hak tak comel. Jadi adalah sebahagiannya yang kita kira-kira dalam lebih kurang, kurang daripada 10 persen yang tidak mencapai tahap yang memberangsangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Hak komeng, yang tak komeng tu guana, tak berapa faham?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Hak komeng ini hak tak ada isilah. Hak tak buat mesyuarat, hak membuat benda-benda tak berbincang dan sebagainya ini kurang daripada 10 persen. Kita ada keseluruhan JKKK di seluruh negeri ialah 943, yang tidak mencapai prestasi yang memberangsangkan ialah 63 JKKK. Dan untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, JKKK ini akan tamat pada 31 Disember 2006 dan kita akan perbaharuilah hak *dokrok* nak heret *reng* tu kita akan buat hak barulah. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, kalau orang-orang zaman dahulu hak komeng-komeng ini contohnya kita kata nyior komeng dia paras-paras tu dia buat bantal tidur. Jadi saya nak tanya pihak kerajaan apakah tindakan terhadap hak yang komeng ini dan kesalahan hak komeng ini, adakah macam zaman Pas dahulu. Zaman Pas dahulu biasa kita dengar masuk ke pejabat-pejabat kerajaan, *belek* fail dan macam-macam, adakah bentuk komeng begitu jugak berlaku sekarang?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Komeng kita, komeng ikhlas Yang Dipertua, hak itu hak cap ayam Yang Dipertua, hak pergi belek tu. Sebab kita ada pengalaman di Hulu Terengganu ada, daripada Nibong seorang, daripada Kuala Berang seorang, Kuala Berang ini orang panggil dia tukang gunting. Dia pergi ke pejabat dia sergah D.O., dia pergi ke Sekolah Arab/Agama *check* Guru Besar/Pengetua, jadi kata orang lebih sudu daripada kuah. Tapi apa yang berlaku kita pasti JKKK yang kita ada ini walaupun komeng tapi boleh jugak buat bantal tidur sekurang-kurangnya, bukan komeng sepenuhnya Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, penjelasan. Ada ke tidak bekas-bekas JSR yang menyertai JKKK?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Setakat ini kita tiada maklumat tetapi kita tawar kepada semua yang kita nampak boleh memimpin tetapi kebanyakan mereka mungkin tak mahu bersama kitalah tetapi kita terbuka untuk menawarkan jawatan ini kepada mereka yang dapat bersama dengan kita untuk pembangunan masyarakat setempat. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat Wakil Sura. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Adakah pihak kerajaan bercadang untuk meneruskan penganjuran Monsoon Cup pada tahun ini?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Dato' Yang Dipertua, Wakil Manir ingin bertanya sama ada kerajaan akan meneruskan penganjuran Monsoon Cup pada tahun ini.

Jawapannya ialah ya, kerajaan akan meneruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berapakah perbelanjaan yang dijangka akan dibelanjakan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, perbelanjaan daripada Kerajaan Negeri, tidak ada. Ini merupakan penglibatan swasta dan juga penajaan. Untuk makluman Wakil daripada Manir, untuk tahun ini merupakan hadiah yang diberi merupakan hadiah yang terbesar untuk perlumbaan lumba perahu layar ini di Asia dan ianya ditaja oleh satu syarikat pengeluar jam yang bernama Richard Mille berjumlah RM1 juta. Jadi kalau nak kata bahawa ini pembaziran ianya tidak ada sebab satu syarikat antarabangsa yang sanggup membiayai satu pertandingan yang dibuat di Duyong dengan jumlah RM1 juta, saya rasa ini merupakan satu kejayaan bagi Kerajaan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah program ini akan disiarkan dalam media cetak atau media elektronik di peringkat antarabangsa sebagaimana yang dilaporkan pada tahun lepas?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Ya, sebab oleh kerana pertandingan ini mempunyai nilai media dan pada tahun lepas sahaja kita mendapat keuntungan media, *gross media value* sebanyak RM77 juta. Maka hari ini berebut-rebut pihak media datang untuk membuat *coverage* Monsoon Cup ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Siapakah yang akan membiayai perbelanjaan untuk penyiaran ini?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):
Yang pentingnya ia bukan daripada duit kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang
Dipertua, tahun lepas berapa kerajaan belanja dalam penyiaran?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):
Saya telah beritahu tahun lepas, semasa saya membuat jawapan hari itu Wakil
daripada Manir tidak ada. Sebenarnya Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan
sesenpun, yang keluar hanyalah RM4 juta daripada Kerajaan Persekutuan,
Kementerian Pelancongan RM1 juta dan kos perbelanjaannya RM15 juta, yang
ditaja oleh syarikat swasta sebanyak RM10 juta. Kerajaan Negeri tidak keluar
sesenpun cuma Kementerian Pelancongan dia menyalurkan melalui Kerajaan
Negeri sebanyak RM1 juta, itu sahaja yang dibelanjakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang
Dipertua, untuk siaran dalam media elektronik, saya difahamkan bahawa kerajaan
pada tahun lepas berbelanja sebanyak RM200 juta.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):
Itu satu pembohongan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan
pembohongan tapi saya mendapat maklumat yang betul bahawa ianya dibelanja
oleh Kerajaan Negeri RM200 juta lebih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):
Untuk media RM200 juta?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Untuk siar berita
hendak perkenalkan Terengganu di seluruh dunia itu, yang Yang Amat Berhormat
baca itu RM200 juta.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):
Nampak gayanya Wakil Manir kena *kecek* diorang. (Dewan Gelak)

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bukan kena
kecek diorang, orang kerajaan itu nak susut punca, kitapun ada orang dalam jugak
dalam kerajaan, jangan pandang ringan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Sebab yang pertama benda itu tidak berlaku, jadi kalau benda itu tidak berlaku dan masih lagi hendak percaya orang kata kena *kecek* dioranglah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Seberang Takir mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 -

Apakah kaedah yang diambil bagi mengawal kegiatan yang dijalankan di masjid-masjid yang memburuk-burukkan kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan terima kasih kepada sahabat saya daripada Seberang Takir. Wakil Seberang Takir ingin mengetahui kaedah yang diambil atau digunapakai untuk mengawal kegiatan masjid-masjid yang ada yang memburuk-burukkan kerajaan.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Pejabat Agama ialah:

- (i) Sentiasa membuat pemantauan dan mengenalpasti masjid-masjid yang terlibat.
- (ii) Jika didapati ada kesalahan yang dilakukan oleh Pegawai Masjid, maka tindakan akan diambil terhadap pegawai berkenaan.
- (iii) Jabatan telah mengarahkan Jawatankuasa Masjid supaya melaporkan sebarang tindakan-tindakan tersebut kepada pihak jabatan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Setakat ini berapa buah masjidkah yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan yang membuat kegiatan ini?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nak tahu jugak? Pada hal maklumat-maklumat ada belaka dah dengan Wakil Manir, tak apalah kita bersikap *khusuzon*. Di Kuala Terengganu ada 13 buah, Kemaman ada 3 buah, di Dungun ada 5 buah, di Besut ada 2 buah, di Hulu Terengganu ada 3 buah dan di Marang ada 6 buah. Jadi itulah jumlah-jumlah yang kita telah kenal pasti yang cuba mengadudumba, menjadikan masjid sebagai tempat perpecahan untuk

melahirkan rasa tidak senang dan rasa tidak selesa rakyat kepada kerajaan yang memerintah. Jadi ini yang berlaku Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat hari ini apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan setakat ini kita telah menahan elaun-elaun mereka yang terlibat kerana pada kita tidak guna kita memberi kepada orang yang *kerkah* kita, mulut kita suap makanan tengah suap dia *kerkah* jari. Jadi inilah manusia-manusia yang tidak bersyukur dan berterima kasih. Allah marah kepada golongan ini, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan ini jahat daripada Firaunlah sebab Firaun itu Nabi Musa lawan diapun tak potong bantuan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dah guana rasa orang Pas tu macam Nabi Musa? Ramai Nabi Musa gitu

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tak kata orang Pas Nabi Musa. Kita kata Nabi Musa lawan Firaun tapi Firaun tak potong bantuan. Jadi maknanya kerajaan teruk daripada Firaun lagilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak apalah teruk daripada Firaunpun kerana Firaun beginilah ramai rakyat yang boleh nikmat termasuk Wakil Manir, Wakil Manir tu pakai kopiah belum tentu masuk Syurga tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat, tak faham ni, Yang Berhormat Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Wakil Manir tu pakai kopiah saja tapi kata ke orang Firaun ni bulan puasa belum tentu masuk Syurga ke jamin masuk Syurga dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Saya tak kata Firaun, saya kata mengapakah kerajaan lebih jahat daripada Firaun, saya tak kata Firaun. Faham molek sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Para-para pelajar tengoklah sikap pemimpin Pas, itu Ketua Dewan Ulama Pas bercakap tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sayapun

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ... Kalau bukan Ketua Ulama tak tahu guana balas orang tak tahu, kalau bukan Ketua Ulama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pelajar-pelajarpun kena faham jugak, pasal Nabi Musa ni dia belanja duit Firaun, Firaun tanggung dia. Pelajar-pelajarpun dapat biasiswa daripada kerajaan, kerajaanpun bukan harta dia, piti rakyat jugak, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ketua Dewan Ulama Pas ini, Dato' Yang Dipertua nampaknya menyelewengkan fakta. Nabi Musa semasa dia kecil lagi tu dia tak jadi Nabi lagi dan tak lawan Firaun lagi, masa tu memang Firaun pelihara. Tapi masa dia besar dah, dia berdakwah dah masa tu dia berlawan dengan Firaun, mana Firaun bayar makan dia semasa tu. Ulama apa benda ni (tepukan sokongan)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat Manir, soalan tambahan dah cukup.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hah, habis dah. Kalau habis tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya persilakan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Manir nampak gaya kena belajar balik dengan Wakil Batu Rakit. Jadi saya tak faham macam mana orang Pas boleh lantik Ketua Ulama begini-balas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dengan Wakil Ajil kita boleh ngaji, takdok benda.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk, sila duduk. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama saya -

Universiti Darul Iman telahpun mula dibuka pada 2 Julai 2006 yang lalu.

- a) Apakah jurusan/fakulti yang ditawarkan di universiti tersebut?*
- b) Apakah syarat-syarat umum/asas kelayakan untuk kemasukan ke universiti tersebut?*

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan pertama daripada Wakil Pengkalan Berangan apakah jurusan/fakulti yang ditawarkan di UDM. Ada beberapa fakulti yang ditubuhkan dan jugak sekolah:

- (i) Sekolah Pengajian Islam – ada 3 program ijazah & 8 program diploma.
- (ii) Sekolah Pengajian Pengurusan – ada 2 program ijazah & 7 diploma.
- (iii) Sekolah Pengajian Umum – ada 2 program ijazah & 1 diploma.
- (iv) Pusat Teknologi Maklumat – ada 1 program ijazah & 2 diploma.
- (v) Sekolah Kejuruteraan – ada 2 program diploma.
- (vi) Pusat Bahasa – ada 1 program diploma.
- (vii) Sekolah Pengajian Pendidikan – ada 1 program diploma.
- (viii) Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu – ada 3 program diploma.
- (ix) Fakulti Bioteknologi dan Pertanian – ada 1 program ijazah.

Jadi kesemuanya ada 23 program diploma yang dibuat di KUSZA diteruskan dan dicampurkan dengan program ijazah yang baru. Adapun syarat kemasukan terlampau panjang untuk saya ulas di sini kerana tiap-tiap program pengajian mempunyai kemasukan tersendiri syarat-syarat dia. Ada 30 lebih syarat kemasukan, jadi bolehlah dirujuk kepada Buku Panduan kemasukan UDM. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah bahasa penghantar utama yang diguna di universiti itu?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pada masa ini IPT menggunakan Bahasa Malaysia dengan Bahasa Inggeris sesetengah daripada kursus-kursus.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya kalau tak silap ingatan saya masa KUSZA dulu dia ada kuota juga untuk anak-anak Terengganu dia diberi peluang belajar di KUSZA, sekarang dah jadi Univerisiti Darul Iman ni, ada tak kuota untuk anak Terengganu untuk belajar di UDM ini?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya tak tahu bila ada kuota di KUSZA.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dulu ada, bukan kuotalah tapi maknanya *preferenced* dengan izin Yang Berhormat Yang Dipertua, keutamaan kepada anak-anak negeri.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Itu bukan kuota.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Bilakah jangkaan tarikh penggunaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT)?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, Wakil Batu Burok ingin bertanya bilakah jangkaan tarikh penggunaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT 2), difahamkan LPT 2-lah.

Jawapannya Dato' Yang Dipertua, insyaAllah tahun 2009.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, bukankah janji kerajaan itu hari untuk siap dalam masa 4 tahun daripada kemenangan semula Kerajaan Barisan Nasional di Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yalah, kita boleh merancang Dato' Yang Dipertua, sebenarnya dan sepatutnya kalau kita ikut jadual memang boleh siap tetapi di dalam proses kita membuat perancangan ini kita mahu memastikan bahawa LPT ini memberi keuntungan kepada rakyat Terengganu. Dan setelah kita membuat kajian, kita telah memberi pandangan kepada JKR Pusat tentang *alignment* dan kita telah bertukar *alignment* dua kali untuk memastikan bahawa *alignment* ini ataupun lebuh raya ini dapat memberi keuntungan kepada kepentingan rakyat Negeri Terengganu. Dan alhamdulillah, oleh kerana pandangan itu berasas maka Menteri Kerja Raya menerima teguran kita, dan oleh kerana kita kena tukar *alignment* dua kali maka sebab itulah ianya melambatkan sedikit dari segi untuk nak sudahkan kerja-kerja itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah proses pengambilan balik tanah untuk laluan itu telah selesai pada hari ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, proses pengambilan balik dibuat berperingkat-peringkat, ada hak yang sudah selesai dia buat kerja, yang tak selesai dia tak buat lagilah.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tanya adakah proses pengambilan balik telah selesai?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Saya dah jawab dah, sebahagian selesai dan sebahagiannya belum lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, kalau selesai semua jajaranlah, kesemua laluanlah, saya tanyanya selesai ke belum lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, kita buat berperingkat-peringkat, ada pakej-pakejnya. Jadi apabila sudah siap *design* barulah kita buat pengambilan balik. Kalau kita nak

tunggu semua *design* siap maka akan mengambil masa yang lebih panjang sebab itulah kita buat berperingkat-peringkat sehingga apabila selesai sahaja maka ikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkanlah. Tak perlu buat sekaligus sebab dia memakan 180 kilometer. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soalan sekaligus Dato' Yang Dipertua, soalan saya adakah pengambilan balik telah selesai *simple*, kecil, pendek saja, dengan izin?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yalah, jawapan sayapun kecil, pendek jugak. Ada hak selesai, ada hak dok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Itu maknanya tak selesai lagilah pada hari ini.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Lebu Raya zaman Pas siap ke dok lagi? (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, nak siap guana syarikat yang diberi kepada sebuah syarikat yang modalnya RM2 sahaja dan kira melibatkan lebih kurang 250 kilometer, lebar jalan saja diambil 3 kilometer. Jadi maknanya satni saya tak tahulah siapa yang buat *design* dan sampai ke hari ini dia atas kertas sajalah. Kena *kecek* diorang belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mempersilakan Wakil Kuala Besut mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Berapakah jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Perhentian sepanjang tahun 2005.

- a) *Daripada jumlah itu berapa ramaikah yang masuk melalui Pekan Kuala Besut.*
- b) *Apakah perancangan dan tindakan kerajaan bagi memajukan Kuala Besut yang merupakan pintu masuk pelancong ke Pulau Perhentian?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang

Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kuala Besut adalah merupakan berkaitan dengan jumlah pelancong yang datang ke Pulau Perhentian.

Bagi tahun 2005, jumlah pelancong yang datang ke Pulau Perhentian adalah lebih kurang 155,300 orang dan daripada jumlah tersebut lebih kurang 60 peratus melalui Pekan Kuala Besut dan yang bakinya masuk daripada Tok Bali, di Kelantan. Berkaitan dengan (b), rancangan dan tindakan bagi memajukan Kuala Besut, memang Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan untuk memastikan Pekan Kuala Besut itu menjadi satu pintu masuk yang sesuai untuk masuk ke Pulau Perhentian. Antaranya, kita sedang membina dan membesarkan jeti pelancongan di Kuala Besut dan juga mengasingkan jeti barangan daripada jeti pelancongan tersebut. Sejumlah RM6 juta telah diperuntukkan untuk membina jeti pelancongan ini. Di samping itu juga kita mengambil tindakan untuk menyusun semula Pekan Kuala Besut. Dan ketiga, kita sedang meningkatkan tahap kebersihan di bandar Kuala Besut itu sendiri. Yang keempatnya, kita juga akan menyediakan ruang-ruang yang selesa kepada tempat-tempat letak kereta, tempat letak bas penumpang dan sebagainya untuk memberi keselesaan kepada para pelancong. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Dengan kehadiran 150,000 lebih itu merupakan suatu bilangan yang terlalu ramailah berbanding dengan keadaan di Pulau Perhentian pada waktu ini. Pada saya, kemampuan Pulau Perhentian untuk menerima pelancong yang sebegitu ramai adalah sangat terhad dan ianya boleh menimbulkan berbagai masalah terutama sekali masalah alam sekitar yang boleh menyebabkan daripada aktiviti pelancong itu boleh menyebabkan *coral* dengan izin, ataupun terumbu-terumbu karang yang berada di dasar laut itu akan pupus dan mati. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah kerajaan bagi menjaga dan mengatasi masalah ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri memang sedar tentang pentingnya kita menjaga alam sekitar di pulau-pulau ini. Justeru itu, kerajaan ada membuat satu kajian berkaitan dengan *carrying capacity* bagi pulau-pulau yang ada di Terengganu ini. Bagi Pulau Perhentian ini memang kita memberi perhatian khasnya untuk pastikan pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Perhentian ini adalah kita dapat tingkatkan tahap mereka itu, kita nak tukarkan tahap mereka daripada yang *back backers* ini kepada pelancong yang lebih tinggi nilainya. Antara lain, kita juga cuba pastikan chalet-chalet yang ada itu ditingkatkan tahap kemudahannya supaya dia dengan sendirinya akan menarik pelancong-pelancong yang lebih bermutu. Yang keduanya, kita juga memberi perhatian kepada alam

semula jadi terutamanya Taman Laut kita untuk memastikan taman itu dijaga dengan baik oleh Jabatan Laut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kalau kita lihat 60 peratus sahaja daripada bilangan pelancong tersebut yang datang melalui Kuala Besut. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan apa-apa peraturan bagi menentukan pelancong-pelancong yang hendak ke Pulau Perhentian itu hanya melalui Kuala Besut sahaja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak boleh mengawal dari mana pelancong itu datang, mereka boleh buat pilihan itu sendiri. Walau bagaimanapun, kita akan cuba meningkatkan kemudahan-kemudahan yang ada di Kuala Besut itu termasuklah menyediakan pakej-pakej yang baik melalui Kuala Besut dan juga mengadakan kemudahan-kemudahan teksi yang sesuai. Dengan ini saya rasa kita akan dapat pastikan pelancong akan datang terus melalui Lapangan Terbang Kuala Terengganu dan tidak lagi dari Lapangan Terbang Pengkalan Chepa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Besut. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan jumlah Cukai Taksiran Tahunan (Cukai Pintu) yang telah dibayar oleh Tenaga nasional Berhad (TNB) kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu sejak Empangan Hidro Sultan Mahmud, Kenyir, Hulu Terengganu beroperasi?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, jumlah Cukai Taksiran yang dibayar oleh TNB kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu ke atas Lot PT 5068, Mukim Jenagor, Daerah Hulu Terengganu iaitu Empangan Hidroelektrik Sultan Mahmud Kenyir, Hulu Terengganu ialah sebanyak RM10 juta. Ianya bermula pada 1 Julai 1999 hingga 30 Jun 2004. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan. Jadi bermakna tunggakan hanya dibayar sehingga 2004, selepas 2004 macam mana?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, perkara ini masih di dalam proses Mahkamah Rayuan yang mana TNB tidak berpuas hati dengan tuntutan yang dikenakan dan kita juga tidak berpuas hati tentang *consent* yang telah diberikan oleh peguam bagi pihak TNB Daerah Hulu Terengganu *without mandate*, dengan izin. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan. Boleh tak saya tahu apakah tindakan kerajaan seterusnya. Adakah kerajaan akan terus membiarkan TNB tidak membayar tunggakan ini kerana sudah sedia maklum kerana rakyat Hulu Terengganu telah banyak berkorban untuk memastikan satu empangan yang besar dan rakyat Hulu Terengganu berharap supaya pulangnya dapat juga kepada rakyat Hulu Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya katakan tadi TNB telahpun membayar tetapi masih belum selesai kerana keputusan mahkamah belum lagi dibuat mengenai keputusan terakhir berapakah kos sebenar yang perlu dibayar oleh TNB, itu sahaja Dato' Yang Dipertua, maknanya RM10 juta itu sebagai *interim* sahajalah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan. Seingatan saya, kes mahkamah hanyalah tertumpu kepada bayaran yang telah dipungut melalui penghakiman persetujuan tetapi selepas pada itu tidak terlibat dengan mahkamah.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, kerana TNB buat rayuan semula ke mahkamah mengenai tuntutan bayaran itu dan mahkamah belum lagi buat keputusan kerana sentiasa ditangguhkan jadi kita tidak boleh bincang panjanglah kerana masih di dalam mahkamah, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Sila nyatakan hasil kajian oleh Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu terhadap pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri ini dalam bidang penguasaan bacaan Al-Quran, membaca dan menulis jawi, dan mendirikan solat (sembahyang lima waktu)?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, adapun dalam menjawab soalan yang pertama, merujuk kepada rekod yang ada di Jabatan Pelajaran Negeri sehingga bulan Ogos, 2006 analisis pencapaian murid-murid dalam amali solat, bacaan Al-Quran dan juga jawi untuk sekolah rendah adalah seperti berikut: Dengan tinjauan dibuat seramai 70,903 orang, jumlah amali solatnya yang belum pandai ialah 4,430 orang pelajar dengan peratusan 6.2 peratus. Dalam bidang bacaan Al-Quran jumlah yang belum pandai baca yakni Iqra' 1 sampai 3 – 13,630 orang dengan jumlah peratusan 19.2 peratus. Dan yang belum pandai jawi 14,803 orang dengan kadar 20.9 peratus. Dan adapun untuk sekolah menengah, ditinjau untuk 79,919 orang, jumlah yang belum pandai solat ialah 3,512 orang pelajar dengan peratusan 4.4 peratus. Ini merangkumi sekolah rendah dan sekolah menengah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, angka ini menunjukkan masih tinggi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang masih tidak mampu menguasai bacaan Quran, jawi dan juga solat. Jadi apakah usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan bagi mengatasi pelajar-pelajar baki yang masih tidak mampu untuk menguasai ataupun yang tidak sembahyang ini?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih. Jadi memang adalah baki yang masih belum pandai solat ini, kalau ikut data yang diberikan kepada kita, Tingkatan 1 yang ramai untuk sekolah menengah 1,143 orang, 7.1 peratus. Begitu jugak untuk sekolah rendah yang paling banyak, sebab itu pihak Jabatan Pelajaran Negeri melalui sekolah-sekolah sedang mengadakan Program Bestari Solat di sekolah-sekolah dan juga mengadakan kelas-kelas pemulihan Quran dan jawi. InsyaAllah, barangkali sehingga akhir tamat penggal persekolahan pada tahun ini yakni pada 14.11.2006, kita jangka peratusan ini akan cukup banyak menurun, insyaAllah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan (bagi pusingan kedua). Masa masih ada lagi 3 minit.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan 2 -

Sejauh manakah tahap pencapaian pelajar-pelajar tajaan Yayasan Terengganu di luar negara sepanjang tahun 2005?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih. Wakil Jabi bertanya sejauh manakah tahap pencapaian pelajar-pelajar tajaan Yayasan Terengganu di luar negara sepanjang tahun 2005.

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar di luar negara yang mengambil Perubatan seramai 34 orang meliputi Indonesia, Ukraine, Rusia, India dan jugak Pakistan. Kesemuanya adalah memuaskan, alhamdulillah dan 2 mendapat kategori di tahap *excellent* kalau kita jugak baiklah ini, jenis dia dipanggil lagu tu. Untuk Pengajian Islam seramai 129 orang, kesemuanya memuaskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan. Berapa ramaikah pelajar tajaan yang memperolehi Kelas Pertama?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua, Kelas Pertama ni baru kita tahu selepas dia ambil *exam* (peperiksaan), biasanya dalam bulan 6, bulan 7 nanti kita tahulah. Tapi kalau mengikut yang tahun lepas ada 12 atau 13 yang mendapat *First Class* dan jugak mendapat 4.0 CGPA. Ini akan meningkat dari tahun ke tahun. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat terhadap pelajar-pelajar yang belajar di Mesir khususnya, kita dapati pelajar-pelajar di sana sebenarnya tidak sangat berusaha menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka ini adalah kerana mereka hanya dikehendaki mengambil peperiksaan dan tidak perlu masuk ke kelas-kelas. Apakah tindakan pihak kerajaan khususnya di bawah Yayasan Terengganu terhadap pelajar-pelajar yang ditaja oleh Yayasan Terengganu yang sebenarnya mengambil masa yang cukup panjang berada di luar negara khususnya Mesir yang sebenar bukan untuk belajar tetapi untuk *relax* ataupun untuk seronok sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Dipertua, sayapun hairan jugak bagaimana di Azhar, sistemnya agak pelik sedikit yakni pelajar-pelajar boleh daftar dan boleh tidak ikut kuliah dan boleh ambil peperiksaan di akhir penggal tersebut, ini adalah sistem dia. Kami baru-baru ini pergi ke Mesir dan menasihati pelajar-pelajar supaya jangan ikut sistem itu, kena ikut masuk kuliah, tiap-tiap hari kena masuk kuliah, jangan lupa. Kami juga sudah berbincang dengan Dekan dan juga pensyarah-pensyarah universiti di Mesir, kebanyakan amalannya ialah dekat nak ambil periksa dia orang beli apa yang dipanggil 'Nota Pensyarah'. Dua minggu lagi nak periksa dia beli, makin tebal dia beli makin baik, hak itu dia baca sebab kalau baca hak tu memang ilmu tak tinggi. Dekat lain macam Jordan dia lain, dia ikut macam kita, kerja kursus nama dia *course work*, tiap-tiap hari dia masuk kuliah kalau tak masuk kuliah dalam *certain percentage* dengan izin, dia kena bar *exam* tetapi tidak di Mesir. Oleh sebab itu, kita nasihat pelajar-pelajar kita di Mesir supaya mengamalkan sistem belajar setiap masa walaupun tidak ditekankan dalam sistem yang ada di situ. Perkara yang kedua ialah bagi mereka yang lama sangat ambil pinjaman ini kalau lebih daripada tempoh kita tamatkanlah. Kitapun had juga, *maximum number of years* dengan izin, untuk mereka ini berada di Mesir. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Dipertua, penjelasan. Adakah Wakil Manirpun lulus melalui beli 'Nota Pensyarah' di Mesir? (Dewan Gelak).....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak ada rekod dengan kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat sekalian, masa Soalan Lisan 1 jam telahpun berlalu/selesai dan kita teruskan dengan Tertib Pekerjaan kita yang seterusnya.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (BAB PERTAMA)(PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Pertama), dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (BAB PERTAMA), DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Pertama), dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Fasal LVI Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Pertama).

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Syarat (2) Fasal LVI Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Pertama) untuk menambah bilangan Ahli Suruhanjaya daripada 'tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada empat orang ahli-ahli yang lain' kepada 'tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada enam orang ahli-ahli yang lain'.

Implikasi Kewangan: Rang Undang-Undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Tiada.

Terima kasih.

Cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (BAB PERTAMA), DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (BAB PERTAMA) TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (BAB PERTAMA).

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN MENGIKUT SYARAT (3) FASAL LXI UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (BAB PERTAMA) SEPERTI BERIKUT:

1. (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (BAB PERTAMA)(PINDAAN) 2006.

(2) ENAKMEN INI MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH YANG DITETAPKAN OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MELALUI PEMBERITAHUAN DALAM *WARTA*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Pertama)(Pindaan) 2006.

ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadang Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK
MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI
1959, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 [Enakmen Tr.7/59].

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Jadual Enakmen Tr.7/59 untuk mengadakan peruntukan bagi kenaikan gaji dan elaun mesyuarat Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri.

Implikasi Kewangan: Rang Undang-Undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila, Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya Ketua-ketua Jabatan dan hadirin-hadirat sekalian.

Pertama-tamanya saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Pengerusi SPN yang baru dan tenaga-tenaga pembantu yang ada bersama-sama beliau. Dato' Yang Dipertua, ingin saya merujuk kepada Laporan Penyata Tahunan SPN 2005, untuk melihat dan memahami fungsi dan peranan serta tugas SPN yang diamanahkan kepada mereka. Antara lain, dengan izin: "Misi SPN menerapkan kecemerlangan dan ketelusan ke arah mencapai hasrat bagi membantu Kerajaan Negeri dalam mewujudkan satu Perkhidmatan Awam yang berkualiti. Kod Etika - Disiplin dan amanah dalam semua tindakan. Dan Objektif Kualitinya – Saya ingin tarik perhatian: Yang pertama, pengisian kekosongan yang diminta oleh kerajaan. Yang kedua, pengesahan dalam perkhidmatan (*emplacement on pension* berskim) dengan izin. Yang ketiga, kenaikan pangkat. Yang kelima, memastikan rayuan hukuman tatatertib diselesaikan dan seterusnya. Dato' Yang Dipertua, apakah bidang kuasa yang diberi kepada SPN mengikut Perlembagaan Negeri yang kita ada. Di bawah Fasal 56, iaitu penubuhan sebuah Suruhanjaya. Suruhanjaya ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ditubuhkan di bawah Perlembagaan yang bermakna ianya mempunyai kuasa Perlembagaan yang menggambarkan kebebasan, keutuhan dan *uprightness*, saya nak terjemah dengan izin Dato' Yang Dipertua, saya kekurangan perkataan yang tepat tetapi hendaklah telus dan tepat kepada maksud penubuhannya. Fasal 56(9) – kuasanya ialah untuk melantik, menetap dan meletakkan ke dalam jawatan kekal *or emplacement* dengan izin, naik pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib. Mengikut kaedah undang-undang Dato' Yang Dipertua, inilah badan yang melantik dan juga badan yang boleh membatalkan sesuatu pelantikan dan kita ada kes *law* berkait dengannya. Dato' Yang Dipertua, di dalam usaha untuk membantu kerajaan memperolehi pegawai-pegawai yang berpengetahuan, berilmu, dedikasi dan telus serta menjauhi unsur-unsur rasuah dan sebagainya tentulahlah penilaian yang akan dibuat semasa pelantikan diambil kira dalam semua aspek.

Kelmarin, kita didedahkan ada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dengan tidak meneliti ataupun kurang pengetahuan ataupun apa sebabnya, saya rasa perlu dilihat oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan sendiri kerana pegawai-pegawai ini diketuai dari sudut pentadbirannya oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan. Tak mungkin Pegawai-pegawai Tanah yang dihantar menjadi Pentadbir Tanah Daerah, Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah dan sebagainya tak tahu nak baca fail, tak tahu nak meneliti sesuatu keputusan yang dibuat sebelum mengambil tindakan sama ada dengan tekanan ataupun sebagainya yang membatalkan sesuatu keputusan yang telah sedia dibuat.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Saya mohon ADUN Batu Burok menasihati ADUN Wakaf Mempelam supaya serahkan surat bukti yang ditunjukkan kelmarin, sampai hari ini saya tak sampai lagi ni, dakwaan yang disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam kelmarin. Jangan bercakap sajalah minta bukti dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Wakil Kijal pernah menjadi Pegawai Tadbir Negeri, kalaulah dia menjadi SS mungkin cemerlanglah saya rasa, pengetahuannya banyak. Tetapi di dalam Dewan ini perlu kepada kepastian, pengetahuan mengenai dengan prosedur Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua
.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya yang bercakap bukan hak saya untuk mengarahkan DUN Wakaf Mempelam menyerahkan

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang berkuasa untuk

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): mengarahkan sesuatu

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Kelmarin saya mintak dah dengan dia kelmarin. Di luar

Dewan saya mintak pulak, tak beri jugak. Hari ini saya mintak pulak sebab dia rapat, dekat, tolong bisiklah, tolong beri sebab dia tahu undang-undang. Saya mintak orang undang-undang, mintak pandangan. Takmboh cara sudahlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, tak ada hak Wakil Kijal minta di sini. Dia kena mintak dengan Yang Dipertua Dewan. Yang Dipertua Dewan boleh mengarahkan sesiapa sahaja untuk mematuhi perintahnya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya minta Yang Dipertua mintak supaya Wakaf Mempelam hantar bukti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, ini masa saya kalau nak ganggupun, ganggu saya.

Dato' Yang Dipertua, saya telah membaca, menerang dan menjelaskan kuasa dan bidang kuasa yang diberikan kepada SPN mengenai dengan pelantikan, tatatertib, pertukaran dan berbagai. Bayangkanlah pernah berlaku, betulkan saya jika saya tersilap Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, 9 orang Pegawai Tadbir yang telahpun dilantik, diluluskan pelantikan oleh SPN dihalau balik daripada perkhidmatan, ini berlaku. Apa SPN buat? Betul ataupun tidak? Zalim ataupun tidak? Saya serah kepada pengetahuan umum untuk menilainya. Pelantikan yang telah diluluskan 16 orang Penghulu dihalau daripada jawatan, dihalau daripada pejabat, berlaku di negeri kita. Mana peranan SPN? Semasa kita mengambil alih kerajaan ada 2 orang pegawai yang diberi satu meja pelantikan sebagai Setiausaha Majlis Daerah Besut, puluhan tahun takdok kerja, naik turun pejabat, mari ambil gaji tetapi dibekukan di situ lebih daripada 10 tahun. Kami mengembalikan semula ke jawatannya, sekarang ini saya tak tahu ke mana jadinya dan kerana itulah pelantikan dan itulah jawatan yang diberi. Saya diadu, saya mengadu kepada SPN tetapi tidak ada penyelesaian. 1 orang lagi daripada MPKT, saya tak boleh sebut namanya dalam keadaan yang sama, menerima gaji lebih daripada RM4,000 tak silap saya, tak ada apa kerja dilantik oleh SPN disahkan perjawatannya oleh SPN sehinggalah dia bersara dalam keadaan merana. Tidak ada tindakan disiplin untuk memecatkannya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Batu Burok banyak *lawyer* buruk ni, menasabah Batu Burok. MPKT mana ada SPN? Ke tak faham. Saya difahamkan dia, dulu Batu Burok ini menjadi Exco Pentadbiran, mungkin kerana tidak percaya kepada SPN maka dilantik beliau sebagai Exco Pentadbiran Kerajaan Negeri pada masa itu. Jadi untuk nak jelas Yang Dipertua, kita tanya Wakil Sura lama mana dia dijeruk oleh pihak kerajaan dulu. Betul ke tidak maklumat yang saya beri

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya takmboh cakap hodoh, saya tak mahu cakap keras

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak, saya nak tanya betul ke tidak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pihak kerajaan dia ada masa dia untuk jawab dan kalau nak mintak penjelasan, minta penjelasan. Tengok *Standing Order*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini penjelasanlah ni. Cakap *pelawok* sangat. Sejak kecil *pelawok*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Janganlah jadi bodoh, tolol sampai *gitu-seme*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tengoklah pelajar-pelajar

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak duduk, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak Yang Berhormat, tarik balik perkataan, dua perkataan yang Yang Berhormat sebut tadi. Saya tak mahu ulang perkataan itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): (Mikrofon Wakil Batu Burok tidak di'orkan semasa ucapan penarikan balik dua perkataan tersebut dibuat)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya pohon penjelasan Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji!): Saya mahu penjelasan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak mahu bagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji!): Takut ke *guana*?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soal takut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Aji!): Dah, *dokrok*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soal cap kepala ayam tu-lah. Dato' Yang Dipertua, kalaulah pelantikan itu hak yang dibuat untuk MPKT, kenapa ianya disimpan di Pejabat SUK sehingga dia bersara. Kemudian sebaik sahaja peralihan kerajaan berlaku 2 pegawai yang tertinggi, seorang tahap nombor 3 dalam hariki perjawatan dinasihatkan untuk bersara walaupun dalam jiwanya bergelora nak luahkan perasaan tidak setuju takut, tak berani tetapi peranan SPN mestilah datang ke situ menyelamatkan keadaan. Dan sekarang ini masih ada 1 orang lagi yang belum selesai persaraannya, pegawai kita ini yang hanya diberi satu meja

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. pohon penjelasan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): dan dalam keadaan semua penderitaan perkhidmatan yang dialami

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Mohon penjelasan, Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): perkara ini boleh berlaku. Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang ketiganya,

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok, beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kalau dia nak bagi menetapi *Standing Order*, saya beri. Saya harap Dato' Yang Dipertua, nilaikan apa yang dia nak soal.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua, jangan berasa kita seorang saja pandai bab *Standing Order* ni. *Please respect* dengan izin, orang lain *Member* ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri ini. Jadi berasa syok sendiri pandai orang lain semua tak pandai jadi *there must be something wrong* dengan izin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soal begitu, Dato' Yang Dipertua tetapi banyak kali apa yang dicakap tidak mengikut *Standing Order*.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin bertanya apa peranan SPN semasa mula-mula Pas mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 2000 yang mana Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua adalah orang yang paling berpengalaman *di torture* supaya berhenti daripada memegang jawatan yang pertama di dalam kerajaan oleh orang yang bercakap, Yang Berhormat ADUN Batu Burok, dengan izin (tepuan sokongan)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya mintak ulang sekali lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Apa peranan SPN semasa tu, semasa mula-mula Pas mengambil alih kerajaan pada tahun 2000. Apabila Yang Berhormat Batu Burok sendiri telah *torture* Yang Berhormat Yang Dipertua supaya berhenti daripada jawatan yang pertama dalam Kerajaan Negeri. "Aku takmboh tengok lagi mukamu", dengan izin begitu perkataan yang disebut.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, adakah kita mahu mengadakan satu pembicaraan di dalam Dewan ini berkait dengan Dato' Yang Dipertua? (*Disorak oleh ADUN Penyokong dan Kerajaan*) Tak, saya nak tanya sungguh-sungguh, jangan bohong di sini. "Aku tak mahu tengok muka kamu" ini tidak pernah saya katakan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Allah! nak *pelawok* jugak bulan puasa ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dah mu dengar bila?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Marah, Dato' Yang Dipertua, ke *guana* ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soal marah, ini soal maruah, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bukan soal marah, soal *pelawok*.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Disebabkan maruah itu, saya sebut balik. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ada pengalaman tentang perkara ini.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan, ini soal maruah Dato' Yang Dipertua. Soal dia mengambil pilihan untuk dibersarakan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini satu penipuan yang jelas.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Boleh bayaran

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Itu satu *torture*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Apa *torture*nya? Siapa yang rasa *torture*nya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Alur Limbat, sila duduk.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tapi jangan pelawok sangat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tidak hadkan masa tadi tapi saya ingat saya akan teruskan dan saya akan hadkan masa Yang Berhormat berucaplah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, bila kita menilai, membuat *recruitment* ataupun pengambilan dengan izin, sekarang ini sedang berlaku pemberian tanah yang diluluskan oleh kerajaan dah bayar premium, Pegawai Tadbir Tanah tulis surat suruh mari ambil balik duit

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta supaya Wakil Batu Burok fokuskan kepada enakmen ini, tak ada kena mengena dengan hal ambil balik tanah pulak ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini pelantikan yang dibuat oleh SPN

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Pelantikan guana SPN dengan hal tanah ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Memberi ingatan supaya kita tak lantik orang-orang yang seumpama ini.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak, tak betul. Sila guna *Standing Order*, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): *Standing Order* apa? Yang terkini Dato' Yang Dipertua, kita lantik orang yang tak tahu pengetahuan tanah. Buat jalan tanah belum ambil, ceroboh tanah rakyat, rakyat boleh buat apa? Ini berlaku di kawasan saya dan sedang berlaku sekarang ini di Kampung Kubang Ikan kerana nak bagi kontrak. *So*, saya berharap supaya SPN betul-betul memainkan peranan bila buat pelantikan, bila beri pengesahan pada jawatan, bila bagi kenaikan kerana ini adalah peranan yang ikhlas

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): yang diberi oleh Perlembagaan kepada SPN dan ahli-ahlinya di dalam memilih, menilai dan membuat pelantikan kepada jawatan ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Alur Limbat, sila duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dan kelmarin saya diminta dengan izin, bukannya apa Dato' Yang Dipertua, saya ada bawa hari ini Laporan Ketua Audit Negara kalau Dato' Yang Dipertua nak dengan syarat boleh beritahu kepada semua-semua ni yang menyatakan apa yang saya sebut kelmarin, siapa dia yang mahu bangun katakan saya bohong, ini dia.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini berkenaan dengan yang ini ke?

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tak, sebelum dengan izin, bagi menjaga kemuliaan Dewan yang mulia ini, sebelum Wakil Batu Burok dibenarkan bercakap saya percaya eloklah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, meneliti dulu dokumen yang dikatakan sebagai Laporan Ketua Audit Negara itu tadi sebab kita sudah banyak pengalaman tentang Wakil Rakyat Batu Burok ni. Keempat kali sebelum ini memang ternyata satu pembohongan, hak ini kali yang kelima kalau ianya satu pembohongan jugak. Bohong sokmo.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, apa yang dibangkitkan itu tidak mengikut Peraturan Dewan tetapi Dato' Yang Dipertua sendiri *toleratenya*, membenarkan/ mengizinkan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, mengemukakan sesuatu yang tak benar ini bukan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Mari ambil, mari ambil ni Bentara mari ambil

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Alur Limbat sila duduk. Yang Berhormat, saya bagi masa 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, dia belum kemukakan lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tahu dah Dato' Yang Dipertua, saya mintaklah Wakil Batu Burok kata tahu *Standing Order*, bakpe panggil Yang Berhormatnya, beri kepada Yang Dipertualah. Ini panggil Yang Berhormat pulak beri, suruh mari ambil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Pasal apa yang dibangkit tidak melalui Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dah kita pandai, khabar Yang Dipertua Allah, nak *serupaya* jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak apa, Dato' Yang Dipertua ambil tapi saya dah kata tadi, tak begitu ke? Ke Mat Payang tak dengar.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tadi suruh Yang Berhormat Alur Limbat mari ambil tadi. Mu kuat belit bulan puasapun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Semua orang tengok, saya kata ambil Dato' Yang Dipertua. (Dewan Gelak) Guana Dato' Yang Dipertua, nak tengok jugak?

Dato' Yang Dipertua, mana-mana laporan sepatutnya pegawai-pegawai yang dilantik ini mestilah meneliti dan memahami dan mengambil tindakan susulan. Kita lihat perakuan yang dibuat: "Pemohon yang membuat pengisytiharan tidak betul atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dikenakan tindakan sewajarnya". Laporan dikemukakan kepada Dewan, laporan disampaikan kepada Ketua Jabatan sejak tahun 1996 sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan, tidak ada penyiasatan. Macam mana tidak ada orang yang mengambil cakna. SPN tidak menilai keadaan-keadaan yang seumpama ini tetapi diberi

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang):
Minta penjelasan Yang Dipertua, Audit itu tahun 1996, dah semasa mu jadi kerajaan kenapa tidak diambil tindakan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini '96 dikemukakan kepada kerajaan. Saya kata orang yang dilantik sepatutnya tahu untuk mengambil tindakan susulan selepas Kertas Audit dikemukakan. Tidak sama seperti kes anak dara boleh balak, tidak ada laporan, pukul 7.00 (Maghrib) lepas Dewan, BPR sampai ke rumah buat siasatan. Jadi saya haraplah apa-apa yang dikemukakan ialah untuk menjadi penilaian dan semakan Dewan sendiri bukan sekadar ianya datang ke sini dan disimpan itulah sebabnya antara lain Dato' Yang Dipertua, maka disyaratkan laporan-laporan daripada jabatan-jabatan lembaga dan perbadanan dikemukakan kepada Dewan bukan sekadar untuk jadi tatapan dan disimpan sebagai khazanah yang akan menjadi barang tontonan *relics* di kemudian hari. Sekian, Yang Dipertua, wassalamu-alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada sesiapa Yang Berhormat untuk berucap? Okey, tak ada. Terima kasih. Sekarang saya buka kepada undian.

Cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN NEGERI 1959, DIBACA BAGI KALI YANG
KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN NEGERI 1959 TELAH DITIMBANGKAN DARI
SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI
TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN NEGERI 1959.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA
UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI
YANG BERIKUT:

1. (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI (PINDAAN) 2006.
- (2) ENAKMEN INI HENDAKLAH DISIFATKAN TELAH MULA BERKUAT KUASA PADA 1 JANUARI 2006.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 2006.

ENAKMEN SES (PERHUTANAN NEGARA) (PENGESAHAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengesahkan pemungutan ses berkenaan dengan hasil hutan yang dipungut selama tempoh mulai 1 April 2006 hingga 24 Julai 2006, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK
MENGESAHKAN PEMUNGUTAN SES BERKENAAN DENGAN HASIL
HUTAN YANG DIPUNGUT SELAMA TEMPOH MULAI 1 APRIL 2006
HINGGA 24 JULAI 2006, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengesahkan pemungutan ses berkenaan dengan hasil hutan yang dipungut selama tempoh mulai 1 April 2006 hingga 24 Julai 2006, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengesahkan pemungutan ses yang telah dikenakan dan dipungut berkenaan dengan hasil hutan yang dipungut selama tempoh mulai 1 April 2006, iaitu tarikh yang padanya ses mula dikutip hingga 24 Julai 2006, iaitu hari sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Perintah Perhutanan Negara (Pindaan Jadual Ketiga) 2006. Ses itu telah dipungut oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan telah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan.

Implikasi Kewangan: Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada Yang Berhormat yang ingin berucap?

Terima kasih. Tidak ada perbahasan.

Cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGESAHKAN PEMUNGUTAN SES BERKENAAN DENGAN HASIL HUTAN YANG DIPUNGUT SELAMA TEMPOH MULAI 1 APRIL 2006 HINGGA 24 JULAI 2006, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGESAHKAN PEMUNGUTAN SES BERKENAAN DENGAN HASIL HUTAN YANG DIPUNGUT SELAMA TEMPOH MULAI 1 APRIL 2006 HINGGA 24 JULAI 2006, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGESAHKAN PEMUNGUTAN SES BERKENAAN DENGAN HASIL HUTAN YANG DIPUNGUT SELAMA TEMPOH MULAI 1 APRIL 2006 HINGGA 24 JULAI 2006.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:

1. (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN SES (PERHUTANAN NEGARA) (PENGESAHAN) 2006.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Ses (Perhutanan Negara) (Pengesahan) 2006.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Persidangan Dewan pada hari ini, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat selama 2 hari kita bersidang dan juga terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan.

Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.23 PAGI.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1(a)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK

- SOALAN 1 : Kerajaan Negeri menyediakan Dana Khas kepada pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Universiti.
- a) Sila nyatakan jumlah pelajar yang mendapat pembiayaan Dana Khas sejak 2004 hingga kini mengikut pecahan daerah.
 - b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan sumbangan tersebut kepada pelajar Pra Universiti di Tingkatan Enam yang turut melibatkan kos pembelajaran yang tinggi.
 - c) Adakah usaha lain untuk membantu pelajar Pra Universiti ini.
- JAWAPAN : (a) Jumlah pelajar yang mendapat pembiayaan Dana Khas adalah seperti berikut :-
- (i) Tahun 2004 – Dana Khas adalah di bawah pengurusan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mewujudkan sebuah Akademi Seni di Terengganu.
- a) Sejauh manakah status penubuhan akademi tersebut dan apakah konsepnya.
 - b) Sila nyatakan lokasi Akademi Seni Terengganu dan adakah pelantikan pegawai telah dibuat.
 - c) Apakah program yang disediakan melalui akademi ini.

JAWAPAN

- : a) **Akademi Seni Terengganu (ASENI)** telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada **16 Ogos 2006** setelah mendapat kelulusan dan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Pengoperasian, pengajaran dan pembelajaran dalam ASENI adalah berkonsep 3P iaitu pemeliharaan, pengembangan dan pemerksaan elemen seni dengan penumpuan kepada Kesenian Tradisional Warisan Tempatan yang belum ditawarkan oleh mana-mana Institut Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini.

- b) Lokasi sementara Akademi Seni Terengganu adalah di Kompleks Muzium Negeri Terengganu. Buat permulaan hanya jawatan Pengarah Akademi sahaja telah diisi bermula 16 Ogos 2006. Pelantikan pegawai lain akan dibuat dalam masa terdekat ini.

- c) **PROGRAM YANG DIRANCANG UNTUK DISEDIAKAN**

2006 (Program Khas tiga (3) bulan)

1 Oktober hingga 31 Disember 2006

- a. Vokal / Nyanyian Lagu Rakyat Terengganu
- b. Permainan Alat Muzik Tradisi : Rebab, Serunai, Violin dan Pergendangan Melayu.
- c. Rodat.

Fasa I : 2007 – 2008

- Muzik Tradisi Melayu (Terengganu)
- Muzik Kontemporari
- Seni Tari
- Drama / Teater
- Pengurusan Seni
- Warisan Seni

Fasa II : Bermula 2009 – 2012

- Multimedia dan Seni
- Teknologi Seni Reka

- Seni Halus
- Sinematografi
- Penulisan

SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah kekosongan jawatan dalam semua agensi Kerajaan Negeri dan apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN : Jumlah kekosongan jawatan dalam semua agensi Kerajaan Negeri adalah sebanyak 1,784. Antara langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini ialah dengan diisi Penyandang Sementara Tanpa Perjawatan dan sebahagiannya dalam proses pengisian.

SOALAN 4 : Penubuhan beberapa Yayasan di Terengganu dilihat berlakunya pertindihan dengan tugas dan tanggungjawab agensi tertentu seperti Yayasan Islam dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan sebagainya.

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggabungkannya sebagaimana penggabungan Terengganu INC.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan masalah itu tidak terus berlaku.

JAWAPAN : a) Kerajaan Negeri telah membuat kajian terperinci mengenai penggabungan Badan-badan Berkanun Negeri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal sosial yang melibatkan pembangunan manusia dan insan rakyat.

Pada asasnya aktiviti/tugasan Yayasan Terengganu, Yayasan Islam Terengganu dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu akan menjadi satu entiti dengan penyelarasan mengikut aktiviti/tugasan.

Langkah seterusnya ialah untuk melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif bagi melaksanakan operasi rasionalisasi atau penggabungan ini dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Badan-badan berkaitan.

Pelantikan ini akan dibuat dalam jangka masa terdekat. Dan entiti ini juga akan diwujudkan melalui perundangan iaitu dengan enakmen baru kelak.

- b) Dengan rasionalisasi ini entiti baru ini akan melengkapkan tugas jabatan/agensi kerajaan berkaitan. Di samping itu, entiti baru ini akan memfokus kepada aktiviti/tugas asas yakni membangunkan modal insan serta rakyat negeri.

Tambahan pula langkah ini akan memastikan setiap sumber – kewangan, manusia, masa – akan dimaksimumkan tanpa pertindihan aktiviti/tugas dan juga dengan memanfaatkan tenaga kerja yang optimum.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1(b)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

SOALAN 1 : Apakah status permohonan Jalan Keruak, Hulu Besut Ke Jalan Aring, Gua Musang. Jika lulus, bilakah akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

JAWAPAN : Tajuk Projek yang telah diluluskan:
Jalan Keruak, Hulu Besut ke Gunung Pongsu Daerah Hulu Terengganu.

Status sekarang : Menunggu kelulusan lantikan perunding dari Kementerian Kewangan.
Jangka Tender : Jun 2007.

**MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(c)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG**

SOALAN 1 : Berapa peratuskah sumbangan kutipan cukai pintu rumah kediaman dalam peruntukan yang digunakan untuk pentadbiran dan pengurusan setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

JAWAPAN :

Pihak Berkuasa Tempatan	Kutipan Cukai Pintu Rumah Kediaman Pada Tahun 2005 (RM)	Jumlah Hasil Keseluruhan Pada Tahun 2005 (RM)	Sumbangan Cukai Pintu Rumah Kediaman Ke Atas Jumlah Keseluruhan Hasil Pada Tahun 2005
Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	2,732,048.89	34,935,391.72	7.8%
Majlis Perbandaran Kemaman	1,600,181.00	29,647,955.16	5.4%
Majlis Daerah Dungun	170,960.36	6,706,374.35	2.5%
Majlis Daerah Besut	62,000.00	5,418,244.90	1.1%
Majlis Daerah Hulu Terengganu	46,131.55	4,777,635.00	0.97%
Majlis Daerah Marang	70,731.11	4,519,424.08	1.6%
Majlis Daerah Setiu	49,188.00	3,602,326.00	1.4%

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah penerimaan yang diperolehi oleh Tabung Darul Iman sejak ianya mula dilancarkan dan jumlah perbelanjaan mengikut pecahan kategori, tahun dan daerah.

JAWAPAN : Tabung Darul Iman dibahagikan kepada dua (2) akaun, iaitu akaun 1 dan akaun 2. Jumlah penerimaan Tabung Darul Iman sehingga kini adalah sebagaimana berikut:-

1. Akaun 1 : RM6,643,262.23
2. Akaun 2 : RM2,235,871.99

Jumlah perbelanjaan sehingga kini mengikut pecahan tahun, daerah dan kategori adalah seperti berikut:-

1. Perbelanjaan Mengikut Tahun

Tahun	Akaun 1 (RM)	Akaun 2 (RM)	Jumlah (RM)
2004	1,217,740.86	24,965.00	1,242,705.86
2005	1,858,142.37	110,018.00	1,968,160.37
Hingga 2006	995,009.35	47,221.00	1,042,230.35
Jumlah	4,070,892.58	182,204.00	4,253,096.58

2. Perbelanjaan Mengikut Daerah

Daerah	Akaun 1 (RM)	Akaun 2 (RM)	Jumlah (RM)
Kuala Terengganu	1,396,818.46	159,554.00	1,556,372.46
Kemaman	252,514.95	2,000.00	254,514.95
Besut	489,944.88	4,000.00	493,944.88
Dungun	633,021.06	850.00	633,871.06
Hulu Terengganu	855,086.90	500.00	855,586.90
Marang	342,386.03	15,300.00	357,686.03
Setiu	101,120.30		101,120.30
Jumlah	4,070,892.58	182,204.00	4,253,096.58

3. Perbelanjaan Mengikut Kategori

Kategori	Akaun 1 (RM)	Akaun 2 (RM)	Jumlah (RM)
Perubatan	749,435.54	137,502.00	886,937.54
Malapetaka	2,582,002.47	14,500.00	2,596,502.47
Pelbagai	739,454.57	30,202.00	769,656.57
Jumlah	4,070,892.58	182,204.00	4,253,096.58

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1(d)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah tindakan yang telah diambil oleh penguatkuasa agama di dalam kes khalwat dan salah laku mengikut pecahan daerah-daerah sepanjang tahun 2005 sehingga Ogos 2006?

JAWAPAN : 1. Jumlah tindakan yang telah diambil oleh Penguatkuasa Agama di dalam kes khalwat dan salah laku sepanjang tahun 2005 adalah sebanyak 400 kes iaitu:-

BIL.	Daerah	Kes Khalwat	Kes Salah Laku	Jumlah
1.	Kuala Terengganu	100	64	164
2.	Kemaman	11	10	21
3.	Dungun	16	20	36
4.	Besut	12	52	64
5.	Hulu Terengganu	4	39	43
6.	Marang	22	9	31
7.	Setiu	24	17	41
JUMLAH		189	211	400

2. Jumlah tindakan yang telah diambil oleh Penguatkuasa Agama di dalam kes khalwat dan salah laku sepanjang tahun 2006 (sehingga Ogos 2006) adalah sebanyak 500 kes iaitu:-

BIL.	Daerah	Kes Khalwat	Kes Salah Laku	Jumlah
1.	Kuala Terengganu	97	101	198
2.	Kemaman	15	-	15
3.	Dungun	30	21	51
4.	Besut	34	30	64
5.	Hulu Terengganu	10	64	74
6.	Marang	18	4	22
7.	Setiu	44	35	79
JUMLAH		248	255	503

Pertambahan kes-kes jenayah syariah pada tahun 2006 sebanyak 100 kes dari tahun 2005 adalah disebabkan pertambahan jumlah jawatan pegawai-pegawai penguatkuasa yang ditempatkan di setiap daerah. Dengan demikian operasi penguatkuasaan dapat dibuat dengan lebih kerap dan lebih sempurna.

SOALAN 2 : Apakah langkah-langkah yang berjaya telah dilaksanakan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Berapakah jumlah kes maut sepanjang tahun 2005 sehingga Ogos 2006 mengikut pecahan daerah-daerah.

JAWAPAN : **i. Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya termasuklah:-**

1. Melalui aktiviti Penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan dengan kerjasama agensi-agensi Penguatkuasaan seperti PDRM, JPJ, JAS, Puspakom dan lain-lain. Ini bagi memastikan kenderaan yang dilesenkan dan pengguna jalan raya mematuhi peruntukan undang-undang. Penguatkuasaan juga meliputi langkah-langkah seperti:-
 - a) Mengadakan penguatkuasaan had laju berganda dilaluan utama dalam jarak 5 ke 10 kilometer (Speed Track).
 - b) Mengambil tindakan (saman/dakwa) penunggang motor yang bergerak dalam kumpulan dan yang menduga kelajuan.
 - c) Mengambil tindakan tegas ke atas pengguna jalan raya yang tidak memiliki lesen memandu.
2. Melalui aktiviti penerapan kesedaran yang dilihat sebagai mekanisme pencegahan seperti mengadakan aktiviti pameran, ceramah, dialog dan kempen bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kemalangan jalan raya.
3. Melalui program khas Bersama Rakyat contohnya,

a) Program JPJ Bersama Rakyat

Melesenkan penunggang-penunggang motosikal di mana secara tidak langsung memastikan penunggang motosikal ini kompeten dan cekap.

b) Program JPJ Bersama Pelanggan

Membuat pemeriksaan kenderaan (Motosikal) secara percuma bagi membolehkan cukai jalan dibayar. Program ini secara tidak langsung memberi kesedaran betapa pentingnya memperolehi cukai jalan dan perlindungan insuran. Penunggang motosikal ini juga lebih bertanggungjawab untuk berhati-hati. (NCD tidak dipotong jika berlaku kemalangan)

LAMPIRAN I**AKTIVITI PENDIDIKAN DAN KEJARA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI TERENGGANU 2005 - 2006**

AKTIVITI	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM
Pemeran Keselamatan Jalan Raya	1	3	2	4	2	4	7	6	7	1	1	-	38
Ceramah Keselamatan Jalan Raya	1	-	1	-	-	2	2	-	3	2	-	-	11
Pemanduan Berhemah	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
Dialog	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
Kempen	-	-	1	1	-	1	1	2	-	3	-	-	9
Forum	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	1
Kuiz	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
JUMLAH	2	3	4	5	2	7	11	8	10	7	1	0	60

LAMPIRAN IIAKTIVITI PENDIDIKAN DAN KEJARA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI TERENGGANU 2005 - 2006

AKTIVITI	JAN	FEB	MAC	APR	MAY	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM
Pameran Keselamatan Jalan Raya	-	1	4	4	3	7	5	6	-	-	-	-	30
Ceramah Keselamatan Jalan Raya	-	-	2	1	1	-	2	2	-	-	-	-	8
Pemanduan Berhemah	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Dialog	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Kempen	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Forum	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kuiz	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	-	1	7	5	4	7	7	9	-	-	-	-	40

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dirancang :-

1. **Meningkatkan Kutipan Hasil**

- a. Meningkatkan kutipan hasil (cukai, lesen, sewa) dengan mempertingkatkan lagi usaha-usaha ke arah kutipan hasil melalui penyampaian notis cukai dan padan tanda, menguatkuasa tindakan kompaun bagi premis-premis yang tidak berlesen, menggalakkan permohonan lesen premis yang baru, menguatkuasa pelesenan serta kajian semula kadar fi terhadap penjaja dan pengenaan lesen bagi aktiviti yang belum dikenakan lesen.
- b. Memberi tumpuan khusus kepada kes MDD lawan TNB di mana pihak Majlis sedang menunggu tarikh untuk perbicaraan rayuan di Mahkamah Persekutuan selepas permohonan TNB untuk Kebenaran Memfailkan Rayuan ke Mahkamah Persekutuan pada 8 Ogos 2006 dibenarkan. Jumlah tuntutan Majlis dalam kes ini berjumlah lebih kurang RM142 juta termasuk faedah.

2. **Pembangunan Infrastruktur**

- a. Majlis telah merancang dan berusaha untuk menambahbaikkan kemudahan infrastruktur seperti membina jalan dan longkang, memperbanyakkan lampu-lampu jalan dan hiasan, membangunkan projek-projek landskap, premis-premis serta kemudahan awam seperti taman rekreasi.
- b. Majlis juga meningkatkan perkhidmatan kebersihan dengan menyediakan tong-tong sampah serta jadual pengangkutan sampah. Aktiviti kebersihan ini akan mula dikontrak kepada operator-operator yang berjaya bermula bulan Oktober 2006 dengan dibahagikan kepada 7 zon. Kebersihan tandas juga diberikan perhatian di samping kebersihan pantai.

3. Pembangunan Modal Insan

Majlis telah mengangkat cadangan-cadangan naiktaraf dan perjawatan baru mengikut keperluan semasa dan jangka panjang.

Kakitangan yang sedia ada juga telah ditekankan konsep TER's dengan memberikan kursus-kursus yang sesuai yang dianjurkan oleh Majlis atau jabatan lain. Di samping itu, jawatan sambil belajar dan peningkatan kemudahan berkaitan ICT juga diberi penekanan. Bagi kakitangan yang bermasalah, sesi pejumpaan dan nasihat diberikan sebelum surat peringatan atau tindakan tatatertib diambil. Majlis juga memperuntukan 5% daripada jumlah emolumen untuk peruntukan latihan.

SOALAN 3 : Dalam merealisasikan moto Dungun Membangun, bilakah pihak Kerajaan Tempatan akan menggantikan bangunan-bangunan usang dan premis-premis lama di tengah-tengah Bandar Dungun dan apakah ada cadangan mengenakan bayaran meletakkan kenderaan (caj parking) ?

JAWAPAN : Pihak Majlis telah meminta semua pemilik-pemilik premis-premis lama yang terletak di atas tanah milik supaya mengambil tindakan mengecat semula premis masing-masing. Bagi bangunan-bangunan usang di atas tanah kerajaan, pihak Majlis dengan kerjasama Pejabat Daerah Dungun dan JKR dalam proses untuk melupuskan bangunan tersebut.

Pihak Majlis Daerah Dungun telah merancang untuk mengenakan bayaran tempat letak kereta di pusat bandar Dungun. Selaras dengan itu, Majlis Daerah Dungun telah mengangkat permohonan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi mendapatkan kelulusan kerana perkara ini terletak di bawah kuasa Kementerian berkenaan.

SOALAN 4 : Apakah cadangan program yang akan dilancarkan oleh pihak kerajaan dalam usaha MENGHIDUPKAN BULAN RAMADHAN yang akan datang tidak lama lagi.

JAWAPAN : Program yang akan dilancarkan oleh pihak kerajaan dalam usaha MENGHIDUPKAN BULAN RAMADHAN yang akan datang tidak lama lagi adalah sebagaimana berikut :-

1. **Bulan Rejab**

- a. Kuliah Maghrib sepanjang bulan Rejab.
- b. Kuliah Subuh setiap pagi bagi Jumaat sepanjang bulan Rejab.

2. **Bulan Syaaban**

- a. Kem Bestari Solat (pelajar Tingkatan 1, Sek. Men. Agama Terengganu).
- b. Pelancaran Pakej "Solat Cemerlang" Perdana Peringkat Negeri.
- c. Program Gotong Royong Sempena Ketibaan Ramadhan (Mulai 15 – 30 Syaaban).
- d. Kuliah Maghrib bulan Syaaban (16.9.2006) di Masjid Kerajaan/Utama Daerah.

Peringkat Sekolah :-

- a. Ceramah Sambutan Bulan Ramadhan Guru dan Pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu.
- b. Pelancaran Tabung Ihya' Ramadhan Sek. Men. Agama Terengganu.

3. **Bulan Ramadhan :**

- a. Tabung Khas Ihya' Ramadhan.
(Majlis Pelancarannya pada 24 Ramadhan 1427H bersamaan 24 Safar 2006 di Dewan Besar, perasmianya oleh Y.B. Dato' Dr. Abdullah bin Mohd Zin).
- b. Majlis Iftor Ramadhan
Tempat : Di Masjid/Surau berkemampuan pada setiap petang.
- c. Pemasangan Kain-Kain Rentang dan Banner Menyambut Ketibaan Bulan Ramadhan.
Tempat : Disemua Masjid Daerah.
- d. Program Gotong Royong Sempena Ketibaan Bulan Ramadhan.
Tempat : Semua Masjid/Surau Terpilih.
- e. Kuliah Subuh
Tempat : Semua Masjid
Masa : Sepanjang Bulan Ramadhan.
- f. Malam Lailatul Qadar
Tempat : Masjid-Masjid Kerajaan/Mukim
Masa : 20 Akhir Ramadhan.
- g. Sambutan Nuzul Quran (17 Ramadhan 1427).
 - i. **Peringkat Negeri** : Di Masjid Utama Daerah Kuala Terengganu (Masjid Wakaf Tembesu).

- ii. **Peringkat Daerah** : Seluruh Masjid Kerajaan dan Mukim.
- h. Ceramah Ramadhan di Jabatan Kerajaan/ Swasta dan lain-lain.
- i. Program Tadrus Al-Quran Bersama Belia.
- j. Majlis Berbuka Puasa/Bantuan Hari Raya Saudara Baru.
Tempat : Kediaman YAB Menteri Besar
- k. Pemasangan Kain Rentang "Ramadhan Menjana Ummah Berkualiti" atau "Bersama Menghayati Kelebihan Ramadhan".
- l. Kempen Imam Hafiz Tempatan Mengimami Solat Terawih.

Peringkat Sekolah :

- a. Tadarus Al-Quran Pelajar-Pelajar Sek. Men. Agama Terengganu.
Tarikh : Sepanjang Ramadhan (20 minit sebelum kelas dimulakan).
- b. Ceramah Nuzul Al-Quran Pelajar-Pelajar Sek. Men. Agama Terengganu.
Tarikh : 3 kali dalam bulan Ramadhan.
- c. Majlis Berbuka Puasa Warga Sek. Men. Agama Terengganu.
Tarikh : Sekali dalam 10 malam terakhir bulan Ramadhan.
- d. Qiamulail Sempena Malam Lailatul Qadar Pelajar-Pelajar Sek. Men. Agama Terengganu.
Tarikh : 10 malam terakhir bulan Ramadhan.
- e. Khatam Al-Quran Pelajar Sek. Men. Agama Terengganu.
Tempat : Masjid Terpilih di 7 Daerah.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1(f)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Sehingga kini berapakah kes kegiatan penyebaran agama lain dikalangan orang Islam berlaku di negeri ini.

JAWAPAN : Sehingga kini belum ada bukti kegiatan penyebaran agama lain di kalangan orang Islam berlaku di negeri ini.

SOALAN 2 : Dari Januari 2006 hingga kini berapakah kes tangkapan khalwat dilakukan di negeri ini.

JAWAPAN : Bilangan kes tangkapan khalwat dilakukan di negeri ini dari bulan Januari hingga Ogos 2006 mengikut daerah:-

BIL.	DAERAH	BILANGAN
1.	Kuala Terengganu	97
2.	Kemaman	15
3.	Dungun	30
4.	Besut	34
5.	Hulu Terengganu	10
6.	Marang	18
7.	Setiu	44
	JUMLAH	248

SOALAN 3 : Adakah terdapat peruntukan undang-undang untuk menghukum orang yang murtad di dalam negeri ini.

JAWAPAN : Ya, ada iaitu peruntukan di dalam Seksyen 25 dan 26 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M.

Bagaimanapun sehingga kini tidak ada satu kes pun lagi mana-mana orang yang melakukan kesalahan murtad di negeri ini untuk di dakwa di bawah enakmen tersebut.

SOALAN 4 : Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung peningkatan masalah gejala sosial dalam negeri ini.

JAWAPAN : i. Pihak Kerajaan Negeri telah merangka serta melaksanakan beberapa program/aktiviti khusus dalam menandatangani masalah-masalah tersebut dengan mengambil pendekatan dalam membudayakan sukan dengan menyediakan/mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti yang melibatkan kecenderungan serta minat remaja dengan menyediakan infrastruktur sukan dan rekreasi seperti Gelanggang Extreme Games, Gelanggang Futsal dan mengadakan pertandingan/kejohanan sukan seperti:-

- a) Mengadakan Perlumbaan "Sprint Test" setiap bulan di Litar Lembah Bidong, Setiu.
- b) Mengadakan Pertandingan Bola Sepak Piala Menteri Besar yang bermula dari peringkat DUN, Parlimen dan Negeri.
- c) Mengadakan Kejohanan Futsal di mana Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyediakan kemudahan gelanggang tersebut di setiap daerah.
- d) Memperkenalkan Pertandingan sukan lasak (Extreme Games) seperti Sukan Berkuda, Paragliding, Mini Bike, BMX, Skate Board, Motor Endurance, Roller Blade dan sebagainya serta telah menyediakan kemudahan Gelanggang Extreme Games di setiap daerah.
- e) Mengadakan Pertandingan Sukan Rakyat/Tradisional yang bermula dari peringkat daerah dan negeri dengan penglibatan peserta-peserta dari peringkat Mukim, Daerah dan Negeri.
- f) Memperkenalkan sukan "Formula Future" dengan mengadakan Klinik dan Pertandingan.

- ii. Dalam masa yang sama juga, pihak kerajaan telah melaksanakan program-program seperti berikut:-
 - a) Kempen menggalakkan belia menceburi bidang Kemahiran dan Keusahawanan. Melalui program ini, latihan tidak formal seperti menjahit pakaian, mengubah bunga dan kerja tangan, kemahiran memasang dan membaiki komputer. Program ini dijalankan di peringkat Komuniti dengan percuma.
 - b) Menjalankan Kempen Hidup Sihat, Cergas dan Bersatu. Program ini dijalankan di bawah Program Majlis Kecergasan Kebangsaan (NFC). Antara Aktivitinya:-
 - 1) Menggalakkan masyarakat bersenam
 - 2) Mari Berjalan, Berjoging dan Mendaki.
 - 3) Bulan Sukan Riang Ria.
 - 4) Liga Sukan Komuniti.
- iii) Di samping itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengadakan beberapa siri perjumpaan/penerangan kepada para remaja/belia bermotosikal serta Kempen Keselamatan Jalan Raya dengan pendedaran risalah-risalah berkaitan dan operasi yang berterusan oleh PDRM dari semasa ke semasa bagi memantau segelintir remaja yang suka melibatkan diri dengan masalah ini.
- iv) Melalui pelbagai langkah yang telah disusun secara menyeluruh oleh Kerajaan Negeri dalam menandatangani isu masalah gejala sosial ini, impak yang amat positif dapat dilihat oleh para belia di negeri Terengganu. Antaranya:-
 - a) Kejayaan demi kejayaan dapat dilakar oleh para remaja dan belia di negeri Terengganu dalam bidang sukan terutamanya apabila berjaya menjadi juara di peringkat dunia dan johan dalam beberapa pertandingan sukan peringkat Kebangsaan sekaligus mengharumkan nama Negeri Terengganu di persada antarabangsa.

- b) Peratusan kadar jenayah dan kes juvana di Negeri Terengganu berkurang sebanyak 25 peratus berbanding dari tahun 2002-2004.
- c) Masyarakat Malaysia mengiktiraf remaja dan belia Negeri Terengganu sebagai idola dan 'ikon' remaja dalam bidang kebudayaan dan seni.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1(g)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah pengeluaran hasil padi di Negeri Terengganu bagi memenuhi permintaan tempatan.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri memang bercadang untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan selaras dengan hasrat negara untuk meningkat tahap sara diri (SSL) pengeluaran beras dari 72% kepada 90% (2010).

Jumlah keluaran tanaman padi Negeri Terengganu pada masa ini ialah 10,725 hektar yang melibatkan sejumlah 9,158 orang keluarga tani. Oleh yang demikian adalah mustahak bagi kerajaan membela nasib petani tersebut dengan memberi tumpuan meningkatkan hasil padi mereka dan seterusnya pendapatan isi rumah mereka.

Dengan unjuran penduduk Terengganu 1,022,882 orang dan andaian penggunaan per kapita beras sebanyak 68 kg maka status tahap sara diri Negeri Terengganu pada masa ini adalah seperti berikut :

- (i) Anggaran penggunaan beras - 69,556.00 mt.
 - (ii) Jumlah pengeluaran beras sekarang (2005)
 - Dalam Jelapang (purata 4.5 mt/ha) - 29,893.50 mt.
 - Luar Jelapang (purata 2.5 mt/ha) - 16,786.25 mt.
- Jumlah: 46,679.75 mt.
(SSL – 67.1%)

- (iii) Jumlah pengeluaran beras RM9 (2010)
- Dalam Jelapang (purata 5.5 - 36,536.50 mt. mt/ha)
 - Luar Jelapang (purata 3.0 - 20,143.50 mt. mt/ha)
- 56,680.00 mt. (SSL
- 81.5%)
- Jumlah:

Menjelang tahun 2010 berasaskan jumlah pengeluaran negara sebanyak 1.56 juta tan metrik maka sumbangan Negeri Terengganu akan meningkat dari 2.99% kepada 3.63%.

Kawasan tanaman padi utama di Terengganu ialah di Besut (Skim Pengairan Besut). Kawasan ini melibatkan seramai 2,759 orang keluarga tani dengan keluasan kawasan pada 5,110 hektar.

Program-program utama yang dirancang di kawasan padi Besut bermatlamat meningkatkan pengeluaran hasil padi ke tahap sekurang-kurangnya 6.5 mt/hektar bagi tempoh RMK9. Antara program-program dirancang ialah:-

- (i) Cadangan pembinaan Besut Barrage Baru dan Empangan Paya Peda.
- (ii) Meningkatkan kemudahan infrastruktur ladang seperti taliair, jalan ladang dan saliran.
- (iii) Perataan dan rawatan tanah.
- (iv) Program peningkatan hasil padi 10 mt.

Kesimpulannya kerajaan akan memperbanyakkan lagi program dalam tanaman padi untuk meningkatkan pengeluaran dan seterusnya pendapatan rakyat yang terlibat dalam industri padi.

SOALAN 2 : Pengusaha-pengusaha pasar malam masih lagi menggunakan jalan-jalan raya sebagai tempat berniaga. Adakah kerajaan bercadang untuk menguruskan penempatan mereka di lokasi-lokasi yang lebih sesuai.

JAWAPAN : Semua Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai cadangan untuk memindahkan lokasi perniagaan pengusaha pasar malam yang menggunakan jalan-jalan raya sebagai tempat perniagaan. Sebagai contoh, Majlis Daerah Marang telah

mengenal pasti beberapa lokasi seperti Pasar Malam Bukit Payong akan dipindahkan ke kawasan baru di tapak bersebelahan gelanggang Futsal Pekan Bukit Payong bermula Ramadhan dan Pasar Malam Kelulut akan dipindahkan ke kawasan baru ke tapak Gerai Nira, Kelulut.

SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah kos yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi persiapan pelancaran Hari Kemerdekaan tahun ini.

JAWAPAN : Tiada.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1(h)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Apakah status Pusat Pengeluar dan Pengumpulan Utama Hasil-hasil Pertanian Negeri ini di Batu 24, Jalan Kuala Berang?

JAWAPAN : Pusat Pengeluaran dan Pengumpulan Hasil-hasil di Batu 24, Jalan Kuala Berang akan dijadikan sebagai 'Agro Business Centre' (ABC) yang berasaskan Perkhidmatan Koop Pertanian (Agriculture Coop Services).

Aktiviti yang dicadangkan ialah:-

1. Pengumpulan dan pengedaran jagung segar dengan menjadikan Daerah Hulu Terengganu pengeluar jagung terbesar dan berkualiti.
2. Pengumpulan pengedaran dan pengedaran hasil buah-buahan bermusim seperti duku, dokong dan limau.
3. Jualan hasil segar dari ternakan, akuakultur dan sayur/buahan dengan persembahan jualan yang lebih bermutu, menarik dan bersih.
4. Tumpuan juga akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha industri asas tani sedia ada untuk mengembangkan lagi aktiviti mereka ke arah yang lebih komersial.
5. Tempat mengumpul bahan-bahan mentah bagi keperluan industri asas tani seperti ubi kayu, pisang, keledak bagi menjamin pengeluaran yang berterusan dan memenuhi permintaan.
6. Fertigasi – menumpukan pengeluaran kepada cili, tomato dan melon di samping menjadi model latihan kepada belia daerah yang berminat dalam fertigasi.

7. Kraftani – akan dijadikan pusat tenunan sutera dan hasil kraftangan mengkuang/pandan yang akan dipelbagaikan sebagai produk cenderahati.
8. Pusat maklumat pemasaran hasil pertanian/Agribazaar yang bertindak sebagai 'homepage' produk pertanian bagi Daerah Hulu Terengganu.
9. Sebagai percubaan FAMA akan memulakan aktiviti perniagaan di Kompleks ABC pada bulan November 2006 dengan membina kanopi sementara di bahagian hadapan bangunan utama.

SOALAN 2 : Apakah perkembangan setakat ini Pusat R & D Kaprima Bestari di Padang Ipoh, Tersat, Hulu Terengganu dan jumlah peruntukkan yang telah dibelanjakan pada tahun ini?

JAWAPAN : Peruntukan yang diperaku dan diterima setakat ini untuk pembangunan keseluruhan Program Kaprima Bestari ialah RM50 juta sahaja. Kos program ini pada asalnya ialah RM120 juta. Beberapa projek sokongan termasuk Pusat R & D Kaprima Bestari di Padang Ipoh, Tersat Hulu Terengganu terpaksa ditangguhkan sehingga peruntukan untuknya diterima.

SOALAN 3 : Bagaimanakah perkembangan hasrat kerajaan melalui FAMA menjadikan Daerah Hulu Terengganu sebagai kawasan pengeluar utama komoditi bijirin di mana kacang tanah merupakan produk yang telah dikenalpasti?

JAWAPAN : Kacang tanah suatu masa dahulu (sehingga awal 80an) merupakan komoditi yang diberi perhatian utama. Memandangkan tenaga kerja yang sukar diperolehi dan kos pengeluaran semakin meningkat, industri ini semakin mengecil. Bilangan petani yang masih mengusahakan penanaman kacang tanah di daerah ini adalah seramai 25 orang dengan keluasan 6 hektar sahaja. Para petani telah beralih kepada tanaman jagung yang lebih menguntungkan di mana seluas 300 hektar diusahakan oleh 835 orang petani.

Walau bagaimanapun sekiranya industri kacang tanah hendak dimajukan, industri sokongan seperti kilang memproses kacang tanah perlu diadakan.

SOALAN 4 : Banyak kawasan di Daerah Hulu Terengganu ditenggelami air terutama pada musim tengkujuh berpunca daripada kelemahan sistem perparitan. Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN : Bagi kawasan operasi, Majlis Daerah Hulu Terengganu telah mengenal pasti punca utama berlakunya banjir adalah akibat daripada sistem perparitan yang kurang sempurna kerana ketiadaan "Out Let" terutama di kawasan taman-taman perumahan. Untuk mengatasi masalah banjir di daerah ini, JPS kini sedang menyediakan pelan induk tebatan banjir Kuala Berang / Ajil kini dalam peringkat draf terakhir.

Bagi Majlis Daerah Hulu Terengganu, dalam tahun ini telah melaksanakan 58 projek sistem pengaliran di kawasan perumahan dan persekitaran. Kos sebanyak RM2,400,000.00 daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Dari Jabatan Pembangunan Negeri sebanyak RM2,000,000,00. (RM2 juta).

Untuk mengatasi masalah "Out Let" Kerajaan Negeri juga telah meluluskan 5 perparitan utama "Main Drain" yang akan ditender pada bulan hadapan yang berjumlah anggaran RM14 juta.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 26 DAN 27 SEPTEMBER 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.(i)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah Pegawai Tadbir Negeri (PTN) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) yang dihantar berkursus ke luar negara. Sehubungan dengan itu nyatakan nama negara dan jenis kursus, tempoh masa, serta kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN : Sepanjang tempoh Mac 2004 hingga September 2006, belum ada Pegawai Tadbir Negeri (PTN) yang dihantar berkursus ke Luar Negara. Manakala bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru), seramai 48 orang telah dihantar mengikuti kursus di Luar Negara.

1. Nama Negara : Amerika Syarikat.
2. Jenis Kursus : Bengkel Confratute iaitu kaedah pengajaran untuk murid-murid terpilih (Gifted and talented student).
3. Tempoh Masa : 2 minggu.
4. Kos : RM742,451.00

Tahun	2005	2006	Jumlah
Bilangan Peserta	18	30	48
Kos	RM304,408.00	RM438,043.00	RM742,451.00

SOALAN 2 : Pengusaha-pengusaha pasar malam masih lagi menggunakan jalan-jalan raya sebagai tempat berniaga. Adakah kerajaan bercadang untuk menguruskan penempatan mereka di lokasi-lokasi yang lebih sesuai.

JAWAPAN : Semua Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai cadangan untuk memindahkan lokasi perniagaan pengusaha pasar malam yang menggunakan jalan-jalan raya sebagai tempat perniagaan. Sebagai contoh, Majlis Daerah Marang telah mengenalpasti beberapa lokasi seperti Pasar Malam Bukit Payong akan dipindahkan ke kawasan baru di tapak bersebelahan gelanggang Futsal Pekan Bukit Payong bermula Ramadan dan Pasar Malam Kelulut akan dipindahkan ke kawasan baru ke tapak Gerai Nira, Kelulut.

SOALAN 3 : Nyatakan berapakah jumlah sebenar kos mengadakan mercu tanda (landmark) terbaru berhampiran dengan lampu isyarat di Jalan Da Omar, Cukai Kemaman dan sila nyatakan nama kontraktor yang melaksanakan projek tersebut.

JAWAPAN : Kos kontrak ialah RM3,996,928.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Juta Sembilan Ratus Sembilan Puluh Enam Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Lapan Sahaja).

Hanya satu kontraktor utama yang dilantik untuk projek mercu tanda iaitu:-

ZHA Development Sdn. Bhd.
K 3, Lot 3195K
Tingkat 2, Kompleks Permint Harmoni
20300 Kuala Terengganu.

Mercu tanda ini akan menjadi punca hasil pada Majlis Perbandaran Kemaman apabila ia digunakan bagi tujuan pengiklanan.



PELOTTAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU, SUN. BHD. Gong Bucak, 21500 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-686 4611-4652/3601 Fax: 09-686 2611/1035 E-mail: spyl@stc.net.my